

Bagaimana Membaca Buku

**Mortimer J. Adler
dan Charles Van Doren**

**Terjemahan
Rustam A. Sani**

**Dengan Kata Pengantar
oleh Anwar Ibrahim**



Bagaimana Membaca Buku

Bagaimana Membaca Buku

oleh

Mortimer J. Adler
dan
Charles Van Doren

disadur dan diringkaskan oleh
Laura Waltz

diterjemahkan oleh
Rustam A. Sani

Dewan Bahasa dan Pustaka
Kementerian Pendidikan Malaysia
Kuala Lumpur
1989

KK 370-4257-5101

ISBN 983-62-1057-1

BUKU ini asalnya dalam Bahasa Inggeris, berjudul *How to Read a Book* oleh Mortimer J. Adler; mulanya diterbitkan di Amerika Syarikat oleh Simon & Schuster, Inc., pada tahun 1940, dan edisi berikutnya pada tahun 1967; edisi-edisi seterusnya sejak tahun 1972 oleh Mortimer J. Adler dan Charles Van Doren. Terjemahan ini didasarkan pada edisi *Ladder Edition* yang disesuaikan oleh Laura Waltz dan diterbitkan oleh Washington Square Press (1974); diterjemahkan ke Bahasa Malaysia oleh Rustam A. Sani.

© Hakcipta Dewan Bahasa dan Pustaka

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan apa cara pun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Diatur Huruf oleh Pustaka Cipta Sdn. Bhd.

Muka Taip Teks: Times Roman

Saiz Taip Teks: 10/12 poin

Dicetak oleh

Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka

Lot 1037, Mukim Perindustrian PKNS

Ampang/Hulu Kelang

Selangor Darul Ehsan

\$ 7.00

KANDUNGAN

Kata Pengantar
Pendahuluan

ix
xiii

BAHAGIAN I **Pentingnya Membaca**

- | | |
|--|----|
| 1. Kegiatan Membaca | 3 |
| Pembacaan yang Aktif. Matlamat Pembacaan.
Pembacaan sebagai Pembelajaran. Guru-Guru
yang Hadir dan yang Tidak Hadir. | |
| 2. Peringkat-Peringkat Pembacaan | 15 |
| 3. Peringkat Pertama Pembacaan: Mulai Membaca | 18 |
| 4. Peringkat Kedua Pembacaan: Pembacaan Penelitian | 21 |
| Pembacaan Sekilas atau Pra pembacaan.
Pembacaan Pertama. Kadar Pembacaan.
Bagaimana Membaca dengan Lebih Cepat. | |
| 5. Bagaimana Menjadi Pembaca yang Baik | 31 |
| Empat Pertanyaan Asas yang Dikemukakan oleh
Pembaca. Membentuk Tabiat Membaca. | |

BAHAGIAN 2

**Peringkat Ketiga Pembacaan:
Membaca Secara Analitis**

- | | | |
|-----|--|----|
| 6. | Mengelaskan Buku | 39 |
| | Pentingnya Mengelaskan Buku. Buku-Buku Teori dan Amali. Jenis-Jenis Buku Teori. | |
| 7. | Struktur Sebuah Buku | 49 |
| | Menyerlahkan Kesepaduan Sebuah Buku. Seni Mengikhtisar Buku. Hubungan Antara Seni Membaca dan Seni Menulis. Menemukan Tujuan Si Pengarang. Bahagian Pertama dalam Pembacaan Analitis. | |
| 8. | Memahami Istilah-Istilah Pengarang | 60 |
| | Kata-Kata dan Istilah. Mencari Kata-Kata yang Penting. Kata-Kata Khas dan Kosa Kata Khas. Mencari Makna. | |
| 9. | Memastikan Mesej Pengarang | 70 |
| | Ayat-Ayat dan Pernyataan Pandangan. Mencari Ayat-Ayat Terpenting. Mencari Pernyataan-Pernyataan Pandangan. Mencari Hujah-Hujah. Mencari Penyelesaian. Bahagian Kedua dalam Pembacaan Analitis. | |
| 10. | Mengkritik Buku Secara Saksama | 84 |
| | Pentingnya Menangguhkan Pertimbangan. Berbantah dengan Pengarang. | |
| 11. | Bersetuju atau Tidak Bersetuju dengan Pengarang | 90 |
| | Menilai Hujah Pengarang. Menilai Kesempurnaan Tugas Pengarang. Bahagian Ketiga dalam Pembacaan Analitis. | |

KANDUNGAN

- | | |
|--|-----|
| 12. Alat-Alat Bantu Pembacaan | 100 |
| Menggunakan Pengalaman. Buku-Buku Lain sebagai Alat Bantu Pembacaan. Bagaimana Menggunakan Buku-Buku Rujukan. Bagaimana Menggunakan Kamus. Bagaimana Menggunakan Ensiklopedia. | |

BAHAGIAN 3

Pelbagai Jenis Bahan Bacaan

- | | |
|--|-----|
| 13. Bagaimana Membaca Buku-Buku Amali | 111 |
| Bagaimana Membaca Karya Sastera Imajinatif. Bagaimana Membaca Karya Sejarah. Bagaimana Membaca Karya Sains dan Matematik. Bagaimana Membaca Karya Falsafah. Nota Tentang Buku-Buku yang Didasarkan pada Kepercayaan. Bagaimana Membaca Karya Sains Sosial. | |

BAHAGIAN 4

Tujuan-Tujuan Membaca

- | | |
|--|-----|
| 14. Peringkat Keempat Pembacaan: Pembacaan Bandingan atau Sintopik. Meneliti Buku-Buku. Lima Langkah dalam Pembacaan Sintopik. | 139 |
| 15. Pembacaan dan Pertumbuhan Akal Budi | 145 |
| Manfaatnya Buku-Buku yang Baik bagi Kita. Buku-Buku yang Wajar Dibaca. Kehidupan dan Pertumbuhan Akal Budi. | |

KATA PENGANTAR

SEJAK edisi pertamanya yang diterbitkan pada tahun 1940, *How To Read a Book* telah mengalami beberapa edisi dan penyemakan kembali dan telah diterjemahkan ke dalam puluhan bahasa – suatu petanda bahawa buku ini telah teruji mutunya.

Buku ini merupakan suatu usaha memaparkan ketrampilan membaca yang penting dalam peradaban moden hari ini. Dalam menghadapi masalah komunikasi zaman moden yang dicirikan oleh ledakan maklumat, pelbagai macam media dan saluran maklumat elektronik telah berkembang. Namun seorang warga dunia moden hari ini yang tidak menguasai ketrampilan membaca dan tidak dapat pula memanfaatkan hasil pembacaannya dengan sepenuhnya, sebenarnya tidaklah terlalu jauh bezanya daripada seorang yang buta huruf.

Penulis buku ini merupakan seorang pemikir, ahli pendidikan dan ahli falsafah Amerika yang penting hari ini. Selain sumbangannya yang penting dalam pelbagai bidang ilmu, Adler dikenal dunia sebagai Ketua Editor *Encyclopaedia Britannica* dan satu siri buku-buku karya agung dari peradaban Barat. Usaha gigihnya dalam memeta keseluruhan khazanah ilmu dalam peradaban Barat itu, untuk dikemukakan dalam siri buku-buku yang tersedia untuk dirujuk, sesungguhnya merupakan usaha yang luar biasa sukarnya. Tentu usaha tersebut, meskipun dapat dikritik daripada pelbagai segi, merupakan sesuatu yang dihargai oleh setiap orang yang mencintai ilmu.

Karya Adler dan Van Doren ini memanglah sesuai digunakan sebagai buku petunjuk tentang ketrampilan membaca. Buku ini menggariskan pelbagai peringkat atau langkah-langkah yang perlu dilakukan oleh seorang pembaca yang efisien. Istilah 'pembaca efisien' digunakan di sini dalam erti kata seseorang yang dapat memahami dan memanfaatkan segala sesuatu yang dikemukakan oleh si penulis buku yang sedang dibacanya. Dengan kata-kata lain, buku ini dapat kita jadikan sumber untuk mempelajari **teknik pembacaan**.

Teknik pembacaan merupakan unsur yang asasi lagi penting dalam kegiatan membaca. Oleh kerana itulah penguasaan teknik amat diutamakan dalam proses pembacaan, dan peringkat itu merupakan peringkat yang paling rendah atau asas. Malah penulis berpendapat bahawa salah satu kelemahan dalam pertumbuhan ketrampilan pembacaan hari ini ialah tumpuan yang keterlaluan dan terbatas kepada peringkat teknik asas pembacaan ini sahaja.

Oleh kerana itulah dalam pembicaraannya, Adler menekankan pelbagai tahap pembacaan, dengan tahap pembacaan **sintopik** sebagai puncaknya. Saya sendiri berpendapat bahawa ingatan yang dikemukakan oleh Adler dan Van Doren ini amatlah penting, dan malah di sinilah rasanya terletaklah keistimewaan buku ini bagi masyarakat kita. Memanglah benar, dalam keadaan minat membaca yang tidak begitu berkembang dan meluas dalam masyarakat kita, usaha sedang dilakukan untuk mendorong anggota-anggota masyarakat kita agar memperbanyak pembacaan mereka.


Namun demikian, natijah yang cuba dicapai oleh segala usaha penggalakan pembacaan itu sebenarnya bukanlah sekadar melahirkan masyarakat pembaca tetapi melahirkan masyarakat yang berperadaban tinggi dan maju. Masyarakat yang demikian akan dapat kita capai hanya apabila para anggota masyarakat kita bukan sahaja dapat menimba ilmu pengetahuan dari sumber-sumber tertentu melalui pembacaan tetapi yang lebih penting ialah memanfaatkan maklumat dan pengetahuan dari sumber yang berbagai-

bagai itu secara berperibadi dan bijaksana. Berdasarkan nilai dan ukuran budayanya sendiri dia membuka dirinya kepada pelbagai sumber maklumat, menentukan apa yang diterimanya dan apa yang akan ditolaknya, dan seterusnya secara kreatif pula melahirkan sintesisnya sendiri daripada pelbagai sumber itu.

Proses yang demikian itu hanya akan dapat terjadi jika para anggota masyarakat kita telah menguasai tahap pembacaan yang disebut oleh penulis buku ini sebagai tahap **sintopik** itu. Pada tahap ini pembacaan tidak lagi merupakan proses penyaluran satu hala dari penulis kepada pembaca. Sebaliknya pembacaan merupakan suatu proses intelektual dan kreatif dua hala, dengan si pembaca 'berdebat' dengan pengarang lalu menghasilkan satu adunan perspektif yang baru dari hasil perdebatannya dengan karya pelbagai pengarang.

Apabila tahap pembacaan itu telah tercapai, barulah berupaya kita untuk melahirkan tradisi ilmu dan peradaban sendiri yang unggul. Dengan itu, teknik pembacaan tidak lagi semata-mata diamalkan, tetapi telah dapat dimanfaatkan untuk tujuannya yang luhur. Pembacaan tidak lagi sekadar merupakan kegiatan untuk menyerap maklumat, tetapi telah merupakan kegiatan mental dan intelektual untuk memahami alam dan sekitaran kita.

Berdasarkan harapan inilah maka saya mengalu-alukan penerbitan terjemahan bahasa Malaysia karya Profesor Adler dan Van Doren ini sebagai satu usaha penting. Untuk jangka waktu segera saya harap ketrampilan yang cuba disampaikan dalam buku ini akan dapat mendorong kegemaran membaca dan ketrampilan membaca efisien di kalangan para pelajar dan masyarakat umum kita.



(ANWAR IBRAHIM)

Menteri Pendidikan Malaysia

21 Muharram 1410

23 Ogos 1989

PENDAHULUAN

BAGAIMANA MEMBACA BUKU mulanya diterbitkan pada tahun 1940. Alangkah terperanjat dan bahagianya saya apabila buku itu segera mendapat kejayaan, dan merupakan salah sebuah buku yang paling laris jualannya di Amerika Syarikat selama beberapa tahun. Sejak tahun 1940, buku tersebut terus dibaca oleh sebilangan besar masyarakat, bukan sahaja dalam bahasa Inggeris, tetapi juga dalam bahasa Perancis, Sweden, Jerman, Spanyol dan Itali. Oleh yang demikian, mengapakah harus diusahakan penulisan kembali buku ini untuk para pembaca moden?

Alasan-alasan untuk berbuat demikian terletak pada perubahan-perubahan yang telah terjadi sejak tahun 1940, baik dalam masyarakat kita mahupun dalam pembacaan sendiri. Hari ini, lebih banyak pemuda dan pemudi yang menyertai dan menyelesaikan pendidikan universiti selama empat tahun. Bahagian yang lebih besar daripada para penduduk telah menjadi terpelajar, dan telah berlaku peralihan minat daripada membaca cereka kepada membaca karya-karya bukan cereka.

Namun demikian, ada beberapa hal yang tidak berubah. Untuk mencapai segala jenis tujuan membaca, perlulah dibaca pelbagai jenis bahan bacaan dengan kadar kecepatan yang berbeza-beza, bukan semuanya dengan kadar yang tercepat. Buku baru ini memperkatakan masalah tersebut dan menyarankan beberapa penyelesaian,

dengan tujuan untuk membaca dengan lebih baik, tetapi kadang-kadang dengan lebih perlahan dan kadang-kadang dengan lebih cepat.

Malangnya, seperkara lagi yang tidak berubah ialah terdapatnya kegagalan untuk menyediakan latihan yang lebih tinggi daripada peringkat asas pembacaan. Sedikit sekali latihan yang disediakan untuk membantu para pelajar meningkat ke tahap kemahiran membaca yang lebih tinggi.

Jika buku *Bagaimana Membaca Buku* ini diperlukan pada tahun 1940, sebagaimana yang tampaknya tergambar pada bilangan pembacanya, maka tentulah keperluannya lebih tinggi pula pada hari ini. Namun demikian, memenuhi keperluan yang lebih besar itu bukanlah alasan satu-satunya, atau malah alasan utama, untuk menulis kembali buku ini. Pemahaman baru tentang masalah mempelajari kaedah membaca; pemahaman yang lebih baik tentang seni membaca yang amat sukar itu sendiri; pelbagai cara menerapkan peraturan asas pelbagai jenis pembacaan; dan penemuan beberapa peraturan baru pembacaan – semuanya ini, yang tidak diperkatakan dengan sempurna atau tidak diperkatakan sama sekali dalam buku yang asal, perlulah dikemukakan, dan menuntut penulisan kembali yang teliti yang kini dilakukan dalam buku ini.

Buku yang baru ini disusun berdasarkan empat tahap pembacaan – asas, penelitian, analitis dan sintopik. Cara-cara yang berlainan membaca pelbagai jenis bahan bacaan – buku-buku amali dan teoritis, sastera imaginatif, sejarah, sains dan matematik, sains sosial, dan falsafah – juga merupakan perkara baru, sebagaimana juga halnya dengan perbincangan tentang pembacaan sintopik itu.

Dalam upaya penulisan kembali buku ini, saya telah disertai oleh teman saya, Charles Van Doren. Kami telah bekerjasama menghasilkan buku-buku lain, dan saya berhutang budi pada Encik Van Doren kerana sumbangannya terhadap usaha bersama-sama ini.

Mortimer J. Adler

BAHAGIAN 1

Pentingnya Membaca

Kegiatan Membaca

BUKU ini adalah untuk para pembaca, dan untuk mereka yang ingin menjadi pembaca. Khususnya, buku ini adalah untuk para pembaca buku yang membaca dengan tujuan utama untuk meningkatkan pemahamannya.

Yang dimaksudkan dengan 'pembaca' adalah orang-orang yang memperoleh sebahagian besar makluman dan pemahaman tentang alam ini dari bahan bertulis. Namun begitu, bukan segalanya diperolehi daripada sumber itu, kerana sebahagian makluman dan pemahaman selalu dapat diperolehi daripada pengucapan dan pengamatan. Namun, bagi kebanyakan orang sumber itu tidaklah memadai. Mereka sedar bahawa mereka juga perlu membaca, dan mereka sesungguhnya membaca.

Namun demikian, kini ada orang yang berpendapat bahawa membaca tidaklah lagi perlu dilakukan seperti pada zaman lalu. Banyak makluman dan pengetahuan yang dapat diperolehi dengan menonton filem atau mendengar radio. Malah sambil mendengar dapat pula kita melakukan yang lain, seperti memandu kereta. Namun, sesungguhnya dapat pula dipersoalkan apakah sebenarnya kaedah-kaedah komunikasi moden itu dapat

mempertingkat pemahaman kita tentang alam yang kita diami ini.

Mungkin lebih banyak yang kita ketahui kini tentang alam, jika dibandingkan dengan zaman-zaman sebelumnya, dan hal ini amatlah baik; pengetahuan amatlah perlu untuk pemahaman. Akan tetapi pengetahuan tidaklah sedemikian pentingnya bagi pemahaman sebagaimana yang disangkakan. Tidaklah perlu kita *mengetahui* segala-galanya tentang sesuatu untuk dapat memahaminya. Kadangkala, fakta yang terlalu banyak menghalang kita daripada memahami. Sesungguhnya, pelbagai cara yang kita gunakan untuk mengirim dan menerima makluman hampir-hampir menyebabkan kita tidak lagi perlu berfikir. Penonton filem, pendengar radio dan pembaca majalah-majalah popular berhadapan dengan pelbagai macam fakta dan angka yang membantunya membentuk sikapnya. Namun demikian, makluman itu dikemukakan kepadanya dengan cara yang sedemikian berkesan sehingga individu yang menerimanya itu sebenarnya tidaklah memikirkannya lagi. Dia menerima pandangan orang-orang lain yang telah disediakan dengan teliti untuknya. Apabila persoalan itu dibincangkan, dia dapat mengingat apa yang telah dilihat atau didengarnya, lalu diulangnyalah keterangan yang sama. Dia tidaklah lagi perlu berfikir.

Pembacaan yang Aktif

Dalam buku ini kita berminat terutamanya tentang mempertingkat kemahiran anda membaca buku. Namun demikian, jika diikuti dan diamalkan, peraturan-peraturan membaca ini akan mempertingkat kemahiran anda membaca sebarang jenis bahan bercetak, bukannya sekadar buku.

Sebarang jenis pembacaan merupakan suatu kegiatan. Tidaklah mungkin kita membaca tanpa menggerakkan mata atau

menggunakan fikiran. Namun demikian, pembacaan boleh bersifat *lebih aktif* atau *kurang aktif*, dan lebih aktif pembacaan maka lebih besarlah manfaatnya. Seseorang itu merupakan pembaca yang lebih baik daripada seseorang yang lain jika lebih luas bidang kegiatannya dalam pembacaan dan lebih banyak usaha dilakukannya. Dia menjadi pembaca yang lebih baik jika lebih banyak dituntutnya daripada dirinya sendiri mahupun daripada buku yang sedang dibacanya itu.

Pembacaan tidak mungkin bersifat tidak aktif sepenuhnya. Namun, kebanyakan orang membandingkan pembacaan dengan penulisan dan pengucapan, yang kedua-duanya ternyata memerlukan tindakan; dan mereka memutuskan bahawa membaca dan mendengar merupakan kegiatan yang tidak aktif. Mereka menyedari bahawa seseorang penulis atau penutur mestilah melakukan upaya tertentu, tetapi mereka berpendapat bahawa si pembaca dan pendengar tidak perlu melakukan sebarang kerja. Membaca dan mendengar dianggap sebagai menerima sesuatu daripada seseorang yang secara aktif terlibat dalam kegiatan memberi atau mengirim, samalah seperti seseorang menerima hadiah. Namun demikian, si pembaca atau pendengar itu sebenarnya lebih menyerupai seseorang yang menyambut bola.

Menyambut bola merupakan kegiatan yang tidak kurang aktifnya sebagaimana membalingnya. Si pembaling merupakan pengirim, kerana upayanya memulakan gerakan bola itu. Si penyambut merupakan penerima, kerana upayanya memberhentikan gerakan bola itu. Kedua-duanya aktif, meskipun kegiatan-kegiatannya berlainan. Satu-satunya benda yang tidak aktif dalam hal ini adalah bola. Seperti bola, perkara yang ditulis dan dibaca merupakan benda tidak aktif yang sepunya bagi kedua-dua kegiatan yang memulakan dan mengakhiri proses tersebut.

Namun demikian, baik si pembaling mahupun si penyambut hanya berhasil jika kedua-duanya bekerjasama. Demikianlah juga

halnya si penulis dan si pembaca. Si penulis ingin supaya difahami, meskipun kadangkala tidaklah demikian kelihatannya. Apabila si pembaca memahami apa yang tertulis, maka kemahiran si penulis dan kemahiran si pembaca bertemu untuk mencapai matlamat bersama.

Memanglah benar bahawa bukan semua penulis, seperti bukan semua pembaling bola, sama sifatnya. Setengah penulis tahu setepatnya apa yang hendak dinyatakan, lalu menyatakannya dengan jelas. Yang lainnya lebih sukar difahami. Namun demikian, suatu hasil tulisan bukanlah benda yang mudah. Sebahagian yang amat kecil sahaja daripada apa yang dinyatakan oleh si penulis yang mungkin difahami oleh si pembaca – atau semuanya sekali. Jumlah yang difahami oleh si pembaca biasanya bergantung pada kegiatannya, dan pada kemahirannya melaksanakan pelbagai kegiatan mental yang diperlukan.

Apakah yang harus dilakukan untuk membaca secara aktif? Kita akan berusaha menjawab soalan ini berulang kali dalam buku ini. Untuk sementara ini, yang perlu kita nyatakan ialah bahawa jika diberikan bahan bacaan yang sama, seseorang akan membacanya dengan lebih baik daripada seorang yang lain, pertama dengan membacanya secara yang lebih aktif, dan kedua, dengan melaksanakan setiap satu langkah yang diperlukan itu secara yang lebih mahir. Membaca terdiri daripada sebilangan langkah yang berlainan, yang semuanya perlu dilaksanakan untuk memungkinkan pembacaan yang baik. Seseorang yang dapat melaksanakan lebih banyak langkah tersebut merupakan pembaca yang lebih baik.

Matlamat Pembacaan: Membaca untuk Makluman dan Membaca untuk Pemahaman

Anda mempunyai akal budi. Katakanlah anda juga mempunyai buku yang hendak dibaca. Buku itu mengandungi bahasa yang

ditulis oleh seseorang yang hendak menyampaikan sesuatu kepada anda. Kejayaan anda dalam pembacaan ditentukan oleh jumlah mesej yang anda terima daripada keseluruhan mesej yang hendak disampaikan oleh penulisnya.

Namun huraian ini terlaluloh mudah. Bukannya satu, malah terdapat dua kemungkinan hubungan antara akal budi anda dengan buku tersebut. Dua hubungan ini berpunca daripada dua pengalaman berlainan yang mungkin anda perolehi sewaktu membaca buku. Sewaktu membalik-balikkan halaman buku, anda mungkin memahami seutuhnya segala yang dinyatakan oleh pengarangnya atau tidak memahaminya. Jika anda memahaminya, anda mungkin memperoleh maklumat, tetapi pemahaman anda mungkin pula tidak bertambah. Jika anda memahami keseluruhan buku itu, dari mula hingga akhir, maka pengarang dan anda mempunyai akal budi yang sama. Kata-kata pada halaman buku itu semata-mata melahirkan pemahaman bersama yang ada sebelum anda bersua muka.

Kemungkinan pengalaman yang kedua ialah anda tidak memahami buku itu sepenuhnya. Katakanlah anda memahami secukupnya untuk mengetahui bahawa anda tidak memahami keseluruhannya. Anda tahu bahawa buku itu menyatakan sesuatu yang lebih daripada apa yang anda fahami dan, dengan yang demikian, mengandungi sesuatu yang berkemungkinan memperingkatkan pemahaman anda.

Maka apakah yang akan anda lakukan? Anda boleh membawa buku itu kepada seseorang yang menurut pertimbangan anda dapat membacanya dengan lebih baik daripada anda sendiri, lalu memintanya menghuraikan bahagian-bahagian buku itu yang menimbulkan kesukaran. Atau anda mungkin memutuskan bahawa perkara-perkara yang tidak anda fahami itu tidaklah penting, dan memadai-lah apa yang telah anda fahami sahaja. Dalam kedua-dua hal ini, anda tidaklah melakukan jenis pembacaan yang diperlukan oleh buku itu.

Hanya terdapat satu cara untuk melakukan jenis pembacaan itu. Tanpa meminta bantuan daripada sesiapa, anda berusaha membaca buku tersebut. Dengan berbekal semata-mata kuasa akal budi, anda mengkaji kata-kata yang terpapar di depan anda, dan dengan perlahan-lahan berganjak dari *keadaan kurang pemahaman kepada keadaan lebih pemahaman*. Kemajuan yang demikian, yang dicapai oleh akal budi yang mengkaji sebuah buku, merupakan usaha pembacaan yang amat mahir, yakni jenis pembacaan yang wajar bagi sebuah buku yang menguji pemahaman anda.

Oleh yang demikian, dapatlah dinyatakan bahawa seni pembacaan adalah suatu proses yang memungkinkan akal budi mempertingkat kefahamannya dengan semata-mata menggunakan kata-kata yang terdapat dalam bahan bacaan. Akal budi itu mengalami perkembangan daripada pemahaman yang kurang kepada pemahaman yang lebih. Pelbagai langkah yang memungkinkan hal ini terjadi merupakan kemahiran yang diperlukan untuk menjadi seorang pembaca yang berhasil.

Berganjak daripada keadaan pemahaman kurang kepada keadaan pemahaman lebih dengan menggunakan semata-mata akal budi memerlukan usaha yang besar. Pembacaan itu merupakan jenis pembacaan yang jauh lebih aktif daripada yang pernah anda lakukan selama ini, memerlukan bukan sahaja kegiatan yang lebih tetapi juga kemahiran yang lebih dalam melaksanakan pelbagai langkah yang diperlukan. Bahan-bahan yang biasanya dianggap lebih sukar dibaca – dan dengan itu wajar hanya bagi pembaca yang lebih baik – merupakan bahan-bahan yang wajar mendapat dan memerlukan pembacaan jenis ini.

Perbezaan di antara membaca untuk makluman dan membaca untuk pemahaman tidaklah semudah yang mungkin anda sangkakan. Marilah kita perkatakan persoalan ini dengan lebih

lanjut. Matlamat kedua-dua jenis pembacaan ini perlulah kita perkatakan, kerana perbezaan di antara kedua-duanya itu seringkali tidak jelas. Jika kedua-dua matlamat itu dapat kita huraikan, maka dapatlah kita menggunakan perkataan 'membaca' dengan dua pengertian yang berbeza.

Pengertian yang pertama dihubungkan dengan membaca suratkhobar, majalah dan sebarang bahan lainnya yang segera dapat kita fahami, bergantung pada kemahiran dan kemampuan kita. Pembacaan yang demikian mungkin menambah khazanah makluman kita, tetapi tidaklah dapat mempertingkatkan pemahaman kita, kerana pemahaman kita sebelum mulai membaca adalah setara dengan bahan bacaan tersebut. Jika tidak demikian keadaannya, maka tentulah kita akan berasa bingung dan keliru sewaktu membacanya.

Pengertian yang kedua ada hubungannya dengan membaca sesuatu yang pada mulanya tidak kita fahami sepenuhnya. Dalam hal ini, bahan bacaan itu pada mulanya adalah 'lebih tinggi' daripada si pembaca. Penulisnya menyampaikan sesuatu yang boleh meningkatkan pemahaman pembaca. Perhubungan yang demikian antara orang-orang yang tidak setara tingkat pemahamannya tentunya mungkin terjadi, jika tidak pastilah seseorang tidak dapat belajar dari orang lain, baik melalui pengucapan mahupun tulisan. Dalam hal ini, 'pembelajaran' bererti lebih memahami sesuatu, bukannya mengingat lebih banyak makluman yang sejenis dengan makluman yang sudah ada pada kita.

Apakah syaratnya yang memungkinkan pembacaan jenis ini – yakni pembacaan untuk pemahaman – terjadi? Terdapat dua syarat. Pertamanya, pada mulanya mestilah terdapat keadaan pemahaman yang tidak setara. Si penulis mestilah 'lebih tinggi' keadaan pemahamannya daripada si pembaca, dan bukunya hendaklah mengutarakan dengan jelas pemahaman khas yang

dimilikinya itu. Keduanya, si pembaca mestilah dapat sedikit sebanyak mengurangkan keadaan tidak setara itu. Mungkin jarang-jarang pembaca dapat menyamai pemahaman pengarang, namun dia mestilah senantiasa berusaha mencapainya.

Kita hanya dapat belajar daripada orang yang lebih mengetahui daripada kita. Perlulah kita mengenali orang-orang itu dan tahu bagaimana caranya belajar daripada mereka. Dalam buku ini, kita terutamanya berminat akan orang yang mempunyai pengetahuan jenis tersebut, yang menguasai seni membaca menurut cara kedua itu. Setiap orang yang dapat membaca, mungkin mempunyai sedikit kebolehan untuk membaca menurut cara kedua itu, namun setiap seorang daripada kita dapat belajar membaca dengan lebih baik, dan dengan perlahan-lahan memperoleh pemahaman yang lebih dengan menerapkan upaya tersebut terhadap bahan-bahan bacaan yang lebih menarik lagi penting.

Kadangkala amatlah sukar untuk melihat perbezaan antara fakta-fakta yang menambah makluman dan gagasan-gagasan yang menambah pemahaman. Dan kita akui bahawa kadangkala fakta-fakta pun dapat meningkatkan pemahaman. Namun demikian, perlulah dinyatakan sekali lagi bahawa tujuan buku ini adalah untuk memperbaiki kemahiran kita membaca dengan tujuan untuk mempertingkatkan pemahaman. Jika anda belajar melakukannya, maka pembacaan untuk makluman juga akan menjadi mudah.

Nyatalah bahawa satu lagi tujuan pembacaan, selain memperoleh makluman dan pemahaman, ialah membaca untuk hiburan. Namun demikian, buku ini tidaklah akan banyak memperkatakan tentang pembacaan untuk hiburan. Pembacaan jenis itu merupakan jenis yang paling mudah, dan memerlukan usaha yang paling sedikit. Tidaklah terdapat peraturan-peraturan tertentu untuk pembacaan jenis ini. Setiap orang yang tahu membaca dapat membaca untuk hiburan, jika ia mahu.

Pembacaan Sebagai Pembelajaran: Perbezaan di antara Pembelajaran Melalui Pengajaran dan Pembelajaran Melalui Penemuan

Memperoleh makluman yang lebih merupakan pembelajaran, dan demikianlah juga memahami sesuatu yang tidak anda fahami sebelumnya. Namun perbezaan antara dua jenis pembelajaran ini amatlah penting.

Berkeadaan maklum semata-mata bermakna mengetahui bahawa sesuatu itu merupakan fakta. Memahami bererti mengetahui segala sesuatu tentang fakta itu: Mengapakah fakta itu merupakan suatu hakikat, apakah hubungannya dengan fakta-fakta lain, dari segi apakah persamaannya, dan dari segi apakah perbedaannya; dengan kata-kata lain, apakah ertinya fakta itu.

Perbezaan ini samalah dengan perbezaan di antara kemampuan mengingat sesuatu dengan kemampuan menghuraikannya. Jika anda mengingat apa yang dinyatakan oleh seorang pengarang, anda telah mempelajari sesuatu daripada membaca apa yang ditulisnya. Jika apa yang dinyatakannya itu benar, maka anda telah mempelajari sesuatu tentang alam ini. Akan tetapi, meskipun anda telah mempelajari satu fakta tentang buku itu mahupun satu fakta alam, namun tidaklah ada sesuatu yang anda perolehi, selain makluman, jika anda sekadar menggunakan ingatan. Anda tidaklah mempertingkatkan pemahaman anda. Pemahaman hanyalah meningkat apabila, selain mengetahui apa yang dinyatakan oleh seorang pengarang, anda memahami apa yang dimaksudkannya, dan mengapa ia menyatakannya.

Malangnya, terdapat orang yang banyak membaca tetapi tidak membaca dengan baik. Untuk menghindarkan daripada menjadi pembaca yang demikian, perlulah kita perkatakan perbezaan di antara pembelajaran melalui pengajaran dan pembelajaran melalui penemuan. Perbezaan ini amatlah penting bagi pembacaan dan bagi pendidikan pada umumnya.

Apabila seseorang mengajar seorang yang lain melalui pertuturan atau tulisan, maka proses itu disebut pembelajaran melalui pengajaran. Namun demikian, sebagaimana yang kita ketahui, kita dapat memperoleh pengetahuan tanpa diajari. Inilah yang disebut penemuan, proses mempelajari sesuatu melalui pengamatan, penelitian, atau mencari fakta, tanpa diajari. Ringkasnya, penemuan merupakan pembelajaran tanpa guru, dan pengajaran merupakan pembelajaran dengan bantuan seorang guru. Dalam kedua-dua hal ini, kegiatan mempelajari dialami oleh orang yang belajar.

Hal ini amatlah benar, sehingga cara yang lebih baik untuk menjelaskan perbezaan antara penemuan dan pengajaran ialah menganggap pengajaran sebagai 'penemuan terbantu'. Tanpa membincangkan teori-teori pembelajaran dengan lebih terperinci, ternyatalah bahawa pengajaran merupakan seni yang amat istimewa, berkongsi nilai murni yang sama hanya dengan dua seni yang lain, yakni pertanian dan perubatan. Mungkin banyak yang dilakukan oleh seorang doktor terhadap pesakitnya, akan tetapi pesakit itu sendirilah yang harus sembuh, yang mesti bertambah baik kesihatannya. Banyak yang dilakukan oleh seorang petani terhadap tumbuh-tumbuhan dan ternakannya, namun tumbuhan dan ternakan itu sendirilah yang harus membesar dan mencapai pertumbuhan yang baik. Demikianlah, meskipun guru mungkin membantu muridnya dari pelbagai segi, namun murid itu sendirilah yang mesti melakukan pembelajaran. Pengetahuan mestilah tumbuh membesar dalam akal budinya untuk memungkinkan terjadinya pembelajaran.

Bagaimana pula halnya tentang pemikiran? Jika dengan 'berfikir' dimaksudkan menggunakan akal budi untuk memperoleh pengetahuan atau pemahaman, dan jika pembelajaran melalui penemuan dan pembelajaran melalui pengajaran merupakan satu-satunya cara untuk memperoleh pengetahuan, maka tentulah

pemikiran terjadi sewaktu berlangsungnya kedua-dua kegiatan itu. Namun demikian, terdapat orang-orang yang menghubungkan pemikiran lebih dengan penemuan daripada pengajaran. Mereka beranggapan bahwa membaca dan mendengar tidak memerlukan upaya yang banyak. Mungkin ada benarnya bahwa seseorang tidak melakukan sebegitu banyak pemikiran sewaktu membaca untuk memperoleh makluman dan hiburan, berbanding dengan waktu seseorang berusaha memahami sesuatu. Pembacaan yang demikian merupakan jenis-jenis pembacaan yang kurang aktif. Akan tetapi tidaklah demikian halnya dalam pembacaan yang aktif – yakni dalam upaya untuk memahami.

Berfikir hanyalah merupakan satu bahagian daripada kegiatan pembelajaran. Seseorang mestilah juga menggunakan deria dan imajinasinya. Dia mestilah mengamati, dan mengingat, dan secara imajinatif mencipta sesuatu yang tidak dapat diamati. Misalnya, banyak orang mengandaikan bahwa meskipun seorang penyair mesti menggunakan imajinasinya sewaktu menulis puisi, mereka tidaklah diperlukan menggunakan imajinasi sewaktu membaca puisi tersebut. Oleh yang demikian, seni membaca melibatkan segala kemahiran yang sama seperti yang diperlukan dalam penemuan. Alasannya ialah bahwa pembacaan juga merupakan penemuan, dengan dibantu oleh imajinasi dan bukannya tanpa imajinasi.

Guru-Guru yang Hadir dan yang Tidak Hadir

Memanglah benar bahwa baik membaca mahupun mendengar dapat dianggap sebagai belajar daripada para guru. Kedua-duanya merupakan cara menerima pendidikan, dan bagi kedua-duanya seseorang hendaklah mempunyai kemahiran dalam seni memperoleh pengajaran. Namun demikian, terdapat satu perbezaan. Mendengar merupakan belajar daripada guru yang hadir,

sedangkan membaca merupakan belajar daripada guru yang tidak hadir.

Jika anda mengemukakan pertanyaan pada seorang guru, mungkin dia akan menjawabnya. Jika anda berasa bingung akan apa yang diucapkannya, bolehlah anda meminta penjelasan. Akan tetapi, jika anda mengemukakan soalan pada sebuah buku, perlulah anda yang menjawabnya sendiri. Daripada satu segi, sebuah buku adalah seperti alam atau dunia ini. Jika anda bertanya padanya, jawapannya akan diberi dengan syarat anda sendiri yang melakukan usaha berfikir dan meneliti persoalan itu.

Seringkali para pelajar di sekolah membaca buku-buku yang sukar dengan bantuan guru-guru mereka. Namun demikian, pendidikan kita yang berterusan bergantung terutamanya pada buku semata-mata, yakni buku-buku yang dibaca tanpa bantuan guru. Oleh yang demikian, jika kita hendak terus belajar dan menemukan, kita mestilah tahu bagaimana menjadikan buku-buku dapat mengajar kita dengan baik. Sesungguhnya, itulah tujuan utama buku ini.

Peringkat-Peringkat Pembacaan

SEPERTI penemuan, membaca adalah belajar daripada guru yang tidak hadir. Usaha itu hanya dapat dilaksanakan dengan jaya jika kita tahu caranya. Namun, sebelum kemahiran membaca dapat ditingkatkan dengan berkesan, perlulah kita fahami pelbagai peringkat pembacaan dan perbezaan di antara setiap satu peringkat itu.

Peringkat pertama pembacaan dipelajari pada tahun-tahun awal persekolahan, tatkala kemahiran membaca yang asasi diajarkan. Peringkat ini kita sebut pembacaan dasar atau permulaan. Pada peringkat ini, soal yang ditanyakan pada pembaca ialah, 'Apakah yang dinyatakan oleh ayat itu?' Soalan yang demikian dapat sahaja menjadi amat sukar. Tetapi dalam hal ini, yang kita maksudkan ialah pengertiannya yang paling mudah.

Hampir setiap orang yang membaca buku ini tentunya telah mempelajari kemahiran asas membaca sejak beberapa lama yang lalu. Namun demikian, kita terus menerus menghadapi masalah-masalah pada peringkat pembacaan ini, misalnya pada waktu kita hendak membaca sesuatu yang ditulis dalam bahasa

asing yang tidak kita kuasai dengan baik. Dalam keadaan yang demikian, usaha kita yang pertama ialah mengenal, atau menemukan makna, kata-kata yang sebenarnya. Hanya setelah kata-kata itu dikenali satu demi satu, barulah dapat kita berusaha memahaminya dalam sesebuah ayat.

Peringkat kedua pembacaan ada hubungannya dengan waktu. Ketika membaca pada peringkat ini, si pelajar diberikan sejumlah waktu tertentu untuk menyelesaikan pembacaannya. Satu lagi cara untuk memerikan peringkat pembacaan ini, yang akan kita sebut *pembacaan penelitian*, ialah bertujuan untuk menemukan sebanyak mungkin ciri-ciri sesebuah buku dalam jangka waktu tertentu – biasanya jangka waktu yang agak pendek, dan selalunya jangka waktu itu terlalu pendek dan tidak memungkinkan segala sesuatu yang terkandung dalam buku itu diketemukan.

Sewaktu membaca pada peringkat ini, tujuan anda adalah untuk meneliti sifat-sifat umum buku itu, untuk mengetahui segala sesuatu yang dapat dipelajari daripada sifat-sifat itu sendiri. Selalunya banyak yang dapat dipelajari.

Soalan-soalan yang sering ditanyakan pada peringkat ini adalah, 'Apakah yang dibicarakan oleh buku ini?' dan 'Apakah bahagian-bahagiannya?'

Setelah selesai melakukan pembacaan peringkat kedua, anda juga sepatutnya dapat menjawab soalan, 'Buku jenis apakah ini - novel, sejarah, atau buku tentang sains?'

Peringkat pembacaan yang ketiga akan kita sebut *pembacaan analitis*. Peringkat ini jauh lebih sukar daripada dua peringkat yang telah diperkatakan sebelum ini. Pembacaan peringkat ketiga merupakan pembacaan yang tuntas, atau pembacaan yang baik – sebaik-baik jenis pembacaan yang dapat anda lakukan. Jika pembacaan penelitian merupakan pembacaan yang terbaik lagi menyeluruh yang dapat anda lakukan dalam ruang waktu yang terbatas, maka pembacaan analitis merupakan

terbatas, maka pembacaan analitis merupakan pembacaan terbaik lagi menyeluruh yang mungkin dilakukan tanpa batasan waktu.

Pembacaan analitis selalunya merupakan langkah yang giat. Pada peringkat ini, si pembaca berusaha sehingga dia memahami sesebuah buku sepenuhnya. Selalunya, pembacaan peringkat ketiga tidaklah perlu jika tujuan anda membaca hanyalah untuk memperoleh makluman atau hiburan. Pembacaan peringkat ketiga bertujuan untuk memperoleh pemahaman.

Pembacaan peringkat keempat adalah *pembacaan sintopik* atau pembacaan bandingan. Pada peringkat ini si pembaca tidaklah sekadar membaca sebuah buku tetapi beberapa buah buku, dan melihat hubungan buku-buku itu antara satu dengan lainnya sepanjang yang mengenai sesuatu persoalan tertentu, sehingga dia memperoleh pemahaman yang menyeluruh tentang persoalan tersebut. Pembacaan sintopik merupakan peringkat pembacaan yang paling aktif dan menuntut upaya yang paling banyak.

Pembacaan sintopik akan kita perkatakan kemudian kelak dalam buku ini. Untuk sementara ini, memadai dinyatakan bahawa seni pembacaan itu tidaklah enteng, dan peraturannya tidaklah meluas diketahui. Namun demikian, pembacaan sintopik mungkin merupakan seni pembacaan yang paling memuaskan di kalangan segala kegiatan pembacaan. Manfaat yang diperolehi daripada pembacaan jenis ini amatlah besar, setimpal dengan jerih payah usaha mempelajari bagaimana melakukannya.

3

Peringkat Pertama Pembacaan: Mulai Membaca

KINI pada umumnya diakui bahawa kemampuan anak-anak membaca berkembang setingkat demi setingkat melalui beberapa tahap perkembangan pembacaan. Tahap pertama, yang dikenali sebagai 'persediaan pembacaan', bermula sewaktu lahir dan biasanya berterusan hingga umurnya mencapai enam atau tujuh tahun. Persediaan pembacaan itu melibatkan kemampuan ragawi untuk melihat dan mendengar, dan kemampuan mental untuk mengingat kata-kata serta hurufnya, dan untuk menggunakan ayat-ayat mudah.

Pada tahap kedua perkembangan pembacaan, anak-anak belajar membaca bahan-bahan yang amat mudah. Di Amerika Syarikat, umpamanya, anak-anak biasanya dapat membaca 300 atau 400 perkataan pada akhir tahun yang pertama. Menjelang akhir tahap ini, para murid dijangkakan dapat membaca dan menikmati buku-buku yang mudah secara bersendirian, tanpa bantuan guru atau ibu bapa.

Pada tahap yang ketiga, si anak mencapai kemajuan yang pesat dalam memperluas kosa katanya dan kemahirannya menge-

mukakan makna kata-kata baru berdasarkan caranya kata-kata itu digunakan dalam bahan bacaan. Selain itu, pada tahap perkembangan pembacaan ini anak-anak belajar membaca untuk tujuan yang berlainan dan dalam bidang yang berlainan, seperti sains dan sejarah. Mereka juga menyedari bahawa selain sesuatu yang dilakukan di sekolah, pembacaan merupakan kegiatan yang dapat dilakukan secara bersendirian, untuk hiburan, untuk memaklumi fakta, atau untuk mempelajari sesuatu yang lebih tentang alam ini pada umumnya.

Akhirnya, pada tahap keempat si pelajar itu mempertingkatkan lagi kemahiran yang telah dipelajarinya. Diperkembangkannya kemahiran untuk menghubungkan gagasan-gagasan dari satu bahan tulisan dengan yang lainnya, dan dipelajarinya bagaimana membandingkan pendapat para penulis yang berlainan tentang sesuatu persoalan tertentu. Orang-orang muda sepatutnya telah mencapai tahap pembacaan keempat ini ketika umurnya mencapai 13 atau 14 tahun, dan jika mereka berusaha mereka akan dapat terus mempertingkatkan kemahiran membaca sepanjang hayat. Mereka akan dapat membaca secara bersendirian dan bersedia untuk mempelajari lebih banyak tentang pembacaan.

Namun demikian, kebanyakan ibu bapa dan para pendidik sedar bahawa seringkali anak-anak tidak mencapai tahap ini dalam perkembangan pembacaannya. Terdapat pelbagai macam sebab bagi kegagalan ini. Akan tetapi, ada satu sebab yang seringkali tidak disedari. Oleh kerana terlalu banyak perhatian diberikan pada persediaan pembacaan dan kaedah-kaedah yang digunakan untuk mengajar kemahiran membaca yang dasar, atau asasi, maka tidaklah memadai perhatian yang diberikan pada tahap-tahap pembacaan yang lebih tinggi. Hal ini dapat difahami, memandangkan betapa pentingnya pembelajaran membaca pada tahap pertama itu. Namun demikian, usaha mestilah dilakukan untuk

mempertingkatkan *semua* tahap pembacaan. Hanya setelah seseorang itu menguasai keempat-empat tahap asas pembacaan, barulah dia bersedia untuk maju ke tahap-tahap yang lebih tinggi. Dengan itu barulah dapat dia membaca dan belajar secara bersendirian. Hanya dengan demikianlah dapat dia menjadi pembaca yang benar-benar baik.

Peringkat Kedua Pembacaan: Pembacaan Penelitian

PEMBACAAN peringkat kedua, atau *pembacaan penelitian*, terdiri daripada dua kegiatan yang berlainan, meskipun kedua-dua kegiatan itu merupakan bahagian daripada satu kemahiran. Pembaca yang berpengalaman belajar melaksanakan kedua-dua kegiatan ini secara sekaligus, tetapi untuk sementara ini kita akan memperkatakannya secara berasingan.

Bahagian Satu: Pembacaan Sekilas atau Prapembacaan

Marilah kita kembali kepada situasi asasi. Anda mempunyai sebuah buku atau bahan bacaan lainnya, dan anda mempunyai akal budi. Apakah langkah pertama yang akan anda lakukan? Marilah kita andaikan bahawa, pertamanya, anda tidak pasti apakah anda hendak membaca buku tersebut. Anda tidak pasti apakah buku itu wajar dibaca secara analitis. Tetapi anda mengandaikan bahawa buku itu wajar dibaca, atau buku itu mengandungi makluman yang berguna bagi anda.

Keduanya, marilah kita andaikan – dan hal ini sering terjadi – bahawa anda mempunyai waktu yang terbatas. Dalam keadaan seperti ini, apa yang harus anda lakukan terhadap buku itu ialah membacanya secara sekilas pandang, atau seperti yang sering disebut orang, melakukan pra-pembacaan. Langkah membaca sekilas pandang, atau pra-pembacaan, merupakan bahagian pertama daripada pembacaan penelitian. Tujuan anda yang utama ialah memastikan apakah buku itu wajar dibaca dengan lebih teliti, meskipun pembacaan sekilas pandang itu dapat menyatakan pelbagai macam hal lagi tentang buku tersebut.

Anda akan mendapati bahawa apa yang dipelajari daripada pembacaan sekilas pandang itu merupakan perkara yang memadai diketahui tentang buku itu untuk sementara waktu. Anda mungkin tidak perlu mengetahui lebih daripada itu. Namun anda tahu apakah hujah-hujah utama pengarangnya, dan buku jenis apakah yang telah dihasilkannya itu. Oleh yang demikian, waktu yang telah digunakan untuk meninjau buku itu tidaklah terbuang begitu sahaja.

Tabiat meninjau buku sekilas pandang ini tidaklah begitu sukar dibiasakan. Inilah dikemukakan beberapa saranan tentang cara melakukannya.

1. *Tinjaulah halaman judul buku itu dan, jika ada, prakatanya juga.* Prakata merupakan beberapa halaman di bahagian awal sesebuah buku, yang sering digunakan oleh pengarangnya untuk menyatakan tujuan buku itu. Secara khusus perhatikan sebarang pernyataan tentang tujuan buku atau pendapat khas pengarangnya tentang perkara yang diperkatakannya. Sebelum mengakhiri kegiatan ini, anda tentulah telah memperoleh pandangan yang menyeluruh tentang pokok persoalannya, dan jika mahu, bolehlah anda merenungkan sejenak persamaan yang mungkin terdapat di antara buku itu dengan buku-buku lain yang telah anda baca.

2. *Kajilah halaman kandungan buku* untuk memperoleh gambaran umum tentang perencanaan buku itu. Amatlah memeranjatkan bahawa kebanyakan orang tidak membaca halaman kandungan sesebuah buku, melainkan jika ada sesuatu yang khusus yang hendak diketahuinya. Kebanyakan para pengarang menggunakan waktu yang lama untuk menghasilkan senarai kandungan bukunya dan alangkah sedihnya bahawa upayanya itu sering terabai begitu sahaja.

Jika belum dilakukan, mungkin anda ingin berundur kembali untuk membaca halaman kandungan buku ini. Kami telah berusaha merangkakannya supaya cukup menyeluruh dan mengandungi sebanyak mungkin maklumat. Dengan memeriksa senarai kandungan tersebut, anda akan mendapat satu gambaran yang cukup baik tentang apa yang cuba kami lakukan.

3. *Periksalah petunjuk (index) buku*, jika ada. Perhatikan pelbagai perkara yang diperkatakan dan jenis buku serta pengarang yang dicatatkan. Apabila anda dapati kata-kata atau rangkai kata-rangkai kata istimewa disenaraikan, yang anda anggap penting, maka periksalah halaman-halaman tempat terpacarnya kata-kata itu. Pada halaman-halaman tersebut, mungkin akan anda ketemukan gagasan-gagasan terpenting dalam buku itu, atau anda mungkin mempelajari sesuatu tentang sikap pengarangnya terhadap karyanya.

4. *Bacalah perutusan dari penerbit* yang tercatat pada kulit belakang buku itu. Selalunya perutusan itu disediakan oleh pengarang buku itu sendiri, terutamanya dalam karya-karya yang serius. Seringkali dalam perutusan itu pengarangnya menghuraikan dengan ringkas gagasan-gagasan utama dalam karyanya. Hasil usahanya ini tidaklah patut diabaikan.

Setakat ini, anda telah memperoleh maklumat yang secukupnya tentang buku itu untuk memungkinkannya anda memas-

tikan apakah anda hendak membaca buku itu dengan lebih teliti, atau anda tidak hendak atau tidak merasa perlu membacanya. Jika anda hendak membaca buku itu, maka anda sudah bersedia kini untuk meninjau buku itu secara sekilas pandang.

5. Berdasarkan pengetahuan yang bersifat umum, tetapi tidak jelas, tentang kandungan buku itu yang telah anda perolehi, *tinjaulah beberapa bab yang tampaknya penting dalam memaparkan hujah-hujah buku tersebut*. Jika bab-bab itu mengemukakan kenyataan-kenyataan awalan atau penutup yang menyimpulkan kandungan bab, sebagaimana biasanya, maka bacalah kenyataan itu dengan teliti.

6. Akhirnya, *balik-balikkanlah halaman-halaman buku, bacalah beberapa ayat, kadang-kadang beberapa halaman sekaligus, tetapi tidak lebih daripada itu*. Lakukanlah demikian terhadap keseluruhan buku, sambil senantiasa memerhatikan pertanda hujah-hujah yang utama. Jangan lupa membaca dua atau tiga halaman terakhir bahagian utama buku itu. Kebanyakan pengarang mengulang perkara yang dianggapnya baru lagi penting tentang karyanya pada halaman-halaman tersebut, dan anda tidaklah harus mengabaikan bahagian itu.

Anda kini telah meninjau buku secara sekilas pandang. Banyak perkara tentang buku itu yang telah anda ketahui, meskipun anda mungkin hanya telah menggunakan masa satu jam untuk mengkajinya. Khususnya, anda telah dapat memastikan apakah buku itu mengandungi bahan-bahan yang ingin anda baca dengan lebih terperinci, atau apakah buku itu tidak wajar diberikan perhatian dan waktu selanjutnya. Anda juga sepatutnya dapat mengingat buku itu jika sekiranya anda memerlukannya kembali pada kesempatan lain.

Pembacaan jenis ini bersifat aktif. Tidaklah mungkin sebuah buku diperiksa secara sekilas pandang tanpa perhatian yang

sepenuhnya. Berapa kalikah pernah anda membalik-balikkan beberapa halaman sebuah buku yang baik dan kemudiannya menyedari bahawa anda tidak tahu sama sekali apa yang telah anda baca? Hal ini tidak mungkin terjadi jika sekiranya anda mengikuti saranan yang dihuraikan di sini. Anda tentu akan berasa senang akan betapa banyaknya yang telah anda fahami, dan merasa kagum menyedari betapa banyaknya waktu yang terhemat, dan betapa mudahnya segalanya dilakukan berbanding dengan apa yang anda sangkakan.

Bahagian Kedua: Pembacaan Pertama

Semua orang pernah mengalami upaya mencuba, tetapi gagal, menguasai sebuah buku yang sukar yang mulai dibacanya dengan harapan untuk menambah pemahaman. Apabila hal yang demikian terjadi, maka wajarlah dianggap bahawa upaya mencuba membaca buku itu merupakan satu kesilapan, tetapi bukan di situ terletak kesilapan yang sebenarnya. Kesilapannya ialah mengharapkan terlalu banyak daripada pembacaan pertama sebuah buku yang amat sukar. Jika anda membaca dengan kaedah yang betul, tidak ada buku yang ditulis untuk pembaca biasa, betapa pun sukarnya, yang dapat menyebabkan anda berputus asa.

Apakah kaedah yang betul itu? Jawabannya adalah satu tatacara membaca yang penting lagi berguna yang tidak diketahui atau sering dilupakan. Secara mudahnya, peraturan itu adalah seperti berikut: *Sewaktu membaca sebuah buku yang sukar untuk kali pertamanya, bacalah terus tanpa berhenti-henti untuk memikirkan hal-hal yang tidak dapat anda fahami dengan serta-merta.*

Janganlah pembacaan anda terhalang oleh perkara-perkara yang tidak anda fahami. Teruskan membaca bahagian-bahagian yang sukar itu, dan anda akan segera tiba pada perkara-perkara yang dapat anda fahami. Bacalah bahagian-bahagian ini dengan

teliti. Anda mempunyai harapan yang lebih baik untuk memahami keseluruhan buku sewaktu membacanya untuk kali kedua, tetapi dengan syarat bahawa anda telah membaca keseluruhan buku sekali lalu sebelumnya.

Apa yang dapat anda fahami dengan membaca keseluruhan buku hingga ke akhirnya itu akan membantu anda sewaktu kemudiannya berusaha membaca bahagian-bahagian yang tidak anda fahami dalam pembacaan yang pertama. Atau, jika anda tidak membaca buku itu sekali lagi, memahami sebahagian daripadanya adalah jauh lebih bermanfaat daripada tidak memahaminya sama sekali. Itulah yang akan terjadi jika anda terus sahaja berhenti membaca setelah menghadapi bahagian pertama buku itu yang dirasakan sukar.

Kita kebanyakannya diajar supaya memikirkan tentang perkara-perkara yang tidak kita fahami. Kita disuruh mencari makna kata-kata yang tidak kita kenali, dan berusaha mencari huraian dari buku lain tentang sesuatu yang tidak kita fahami dalam buku yang sedang kita baca. Akan tetapi, apabila semua ini dilakukan sebelum waktunya yang sesuai, maka pembacaan kita memperoleh mudarat, bukannya manfaat.

Kadar Pembacaan

Dua kegiatan yang terlibat dalam pembacaan penelitian itu berlaku dengan cepatnya. Pembaca yang mahir akan dapat melaksanakan kedua-duanya dengan cepat, tanpa mengira apakah buku yang dibacanya itu panjang lagi sukar.

Bagaimanakah cepatnya seseorang itu harus membaca? Soalan ini amatlah sukar dijawab. Kami yakin bahawa kebanyakan orang sepatutnya dapat membaca dengan lebih cepat daripada yang mereka lakukan. Seringkali terdapat bahan bacaan yang terpaksa kita baca, tetapi sebenarnya tidak wajar diberikan perhatian yang sedemikian lama. Jika kita tidak membacanya

dengan cepat, maka banyaklah waktu yang terbuang. Memanglah benar bahawa banyak orang yang membaca sesuatu dengan terlalu perlahan dan sepatutnya mereka membacanya dengan lebih cepat. Akan tetapi banyak juga orang yang membaca sesuatu dengan terlalu cepat, sedangkan mereka sepatutnya membaca bahan-bahan tersebut dengan lebih perlahan.

Banyak buku yang malah tidak wajar dibaca secara sekilas pandang; sebahagiannya patut dibaca dengan cepat; dan beberapa di antaranya patut dibaca dengan kadar yang selalunya agak perlahan, untuk memungkinkan pemahaman sepenuhnya. Membaca sebuah buku yang patut dibaca dengan cepat secara perlahan merupakan suatu pembaziran. Tetapi ini hanyalah salah satu masalah pembacaan. Masalah-masalah yang menghalang pemahaman sebuah buku yang sukar itu terjadi kerana si pembaca tidak tahu bagaimana membaca buku yang sukar. Dia tidak tahu peraturan-peraturan membaca; dia tidak tahu bagaimana menyediakan diri untuk tugas itu. Meskipun dia membaca dengan cepat, namun tidak ada manfaat yang diperolehnya, kerana seringkali dia tidak tahu apa yang dicarinya dan tidak menyedari bahawa yang dicari itu telah ditemuinya.

Soalnya bukanlah kemampuan membaca dengan cepat, tetapi kemampuan membaca dengan *kecepatan yang berbeza-beza* – dan mengetahui dalam keadaan yang bagaimanakah kecepatan yang berlainan itu harus digunakan. Pembacaan penelitian dilakukan dengan cepat, tetapi hal itu bukanlah semata-mata kerana anda membaca dengan lebih cepat, meskipun itulah yang anda lakukan; tetapi hal itu juga disebabkan oleh hanya sebahagian kecil buku itu yang anda baca apabila anda menelitinya secara sekilas pandang, dan juga kerana anda membacanya menurut cara yang berlainan. Biasanya, pembacaan analitis adalah lebih perlahan daripada pembacaan penelitian, meskipun pada peringkat ketiga itu juga tidaklah harus anda membaca keseluruhan buku dengan

kadar yang sama. Setiap buku, betapa pun mudahnya, mengandungi bahan-bahan yang sukar yang harus dibaca dengan perlahan.

Bagaimana Membaca dengan Lebih Cepat

Mata seorang pembaca muda atau tidak terlatih akan tertumpu, atau terhenti, sebanyak lima atau enam kali sewaktu membaca sesuatu baris. (Mata tidak dapat melihat sewaktu bergerak, hanya dapat melihat apabila berhenti). Demikianlah, satu perkataan atau paling banyak satu rangkai kata yang terdiri daripada dua atau tiga perkataan, dibaca sekaligus, sewaktu mata bergerak di sepanjang garisan. Lebih buruk daripada itu, mata seorang pembaca yang tidak mahir akan berundur, yakni kembali ke belakang, sebanyak sekali sekurang-kurangnya bagi setiap dua atau tiga baris – pandangannya kembali kepada rangkai kata atau ayat yang telah dibaca sebelumnya.

Segala kebiasaan ini merupakan pembaziran dan memperlambat kadar pembacaan anda. Cara itu merupakan pembaziran kerana akal budi, berbeza daripada mata, tidaklah perlu sekadar ‘membaca’ satu perkataan atau satu rangkai kata setiap kali. Akal budi dapat memahami satu atau lebih ayat dengan ‘sekilas pandang’ – asalkan mata dapat menyediakan makluman yang diperlukannya. Oleh yang demikian, tugas yang utama ialah membetulkan penumpuan dan pemunduran pandangan, yakni berapa kali mata berhenti atau kembali kepada kata-kata yang telah dibaca, hal yang menyebabkan sedemikian banyak pembaca membaca dengan lambatnya. Mujurlah hal ini dapat dilakukan dengan mudah. Bila hal ini dilaksanakan, maka dapatlah si pembaca membaca secepat yang dapat dilakukan oleh akal budinya, tidak selambat yang ditentukan oleh gerakan matanya.

Anda dapat membetulkan tumpuan pandangan mata anda dengan berlatih mengikuti tangan anda sendiri yang digerakkan

dengan semakin lama semakin cepat menyeberangi atau menuruni halaman buku. Hal ini dapat anda lakukan bersendirian. Letakkan tiga jari yang pertama di tangan anda rapat-rapat. Gerakkan jari-jari itu di sepanjang satu barisan bercetak, dengan kadar yang agak lebih cepat sedikit daripada gerakan biasa mata anda. Cubalah membaca secepat gerakan tangan anda itu. Tidak lama kemudian anda akan dapat membaca kata-kata itu sambil mata anda bergerak mengikuti gerakan tangan. Berlatihlah melakukannya; tingkatkan kecepatan gerakan tangan anda, dan tidak lama nanti anda akan membaca dua atau tiga kali ganda lebih cepat daripada sebelumnya.

Tetapi apakah yang anda perolehi dengan meningkatkan kadar pembacaan anda itu? Memanglah benar bahawa anda telah menghemat waktu - tetapi betapa pula halnya pemahaman anda? Apakah pemahaman juga turut meningkat, atau sebaliknya berkurangan?

Mengikuti gerakan tangan anda tidak sahaja berkecenderungan mempertingkatkan kadar pembacaan, tetapi juga mempertingkatkan tumpuan perhatian anda sewaktu membaca. Sewaktu mengikuti gerakan tangan, anda tidaklah begitu berkemungkinan berasa mengantuk atau memikirkan sesuatu yang lain. Penumpuan perhatian merupakan nama lain bagi apa yang telah kita sebut sebagai kegiatan dalam membaca. Seorang pembaca yang baik membaca dengan giat, dengan sepenuh perhatian.

Akan tetapi, tumpuan perhatian sahaja sesungguhnya tidaklah meninggalkan kesan yang mendalam terhadap pemahaman. Pemahaman melibatkan lebih daripada sekadar mampu menjawab soalan-soalan fakta yang mudah tentang sesebuah buku. Pemahaman yang terbatas ini tidaklah lebih daripada sekadar mampu menjawab soalan berikut tentang sesebuah buku atau bahan bacaan: 'Apakah yang dinyatakannya?'

Buku ini bertujuan mempertingkatkan pemahaman anda akan

bahan yang anda baca. Anda tidak akan memahami sebuah buku tanpa membacanya secara analitis, dan tujuan pembacaan analitis – peringkat pembacaan yang ketiga – sebagaimana yang telah dinyatakan, ialah untuk mempertingkat pemahaman anda. Namun demikian, sebelum menghuraikan pembacaan analitis, inginlah kita berhenti sejenak untuk merenungkan persoalan pembacaan sebagai suatu kegiatan. Si pembaca hendaklah melakukan langkah-langkah khusus tertentu jika ia ingin membaca dengan baik, dan hal ini akan kita perkatakan dalam bab berikutnya.

Bagaimana Menjadi Pembaca Yang Baik

KITA telah memperkatakan tentang pembacaan yang aktif. Telah kita nyatakan bahawa pembacaan yang aktif adalah pembacaan yang lebih baik, dan telah kita nyatakan juga bahawa pembacaan penelitian selalunya bersifat aktif. Pembacaan yang demikian menuntut upaya. Namun demikian, belum lagi kita utarakan satu-satunya peraturan yang mudah bagi pembacaan aktif. Peraturan itu adalah: *Kemukakan pertanyaan sewaktu anda membaca – yakni soalan-soalan yang mesti anda sendiri usahakan jawapannya sewaktu membaca itu.*

Sebarang pertanyaan? Tidak. Seni membaca memerlukan tabiat bertanya soalan-soalan yang wajar pada tempat-tempatnya yang wajar. Ada empat pertanyaan utama yang perlu anda kemukakan tentang sebarang buku.

Empat Pertanyaan Asas yang Dikemukakan oleh Pembaca

1. *Apakah yang diperkatakan oleh buku itu pada keseluruhan-*

nya? Anda mestilah berusaha memastikan gagasan utama buku itu dan bagaimana pengarangnya memperkatakan gagasan tersebut secara teratur dengan membahagikannya kepada beberapa bahagian, gagasan atau perkara yang tidaklah sebegitu penting seperti gagasan utama itu.

2. *Apakah yang dinyatakan oleh si pengarang, dan bagaimanakah ia menyatakannya?* Anda mestilah berusaha menemukan pemikiran dan hujah-hujah utama yang digunakan oleh pengarangnya untuk mengutarakan perutusannya.

3. *Apakah kandungan buku itu benar, baik pada keseluruhannya mahupun pada bahagian-bahagiannya?* Tidaklah mungkin anda menjawab soalan ini sehingga anda telah menjawab dua soalan yang pertama. Anda mestilah mengetahui apa yang diperkatakan sebelum anda dapat memutuskan apakah hal yang diperkatakan itu benar. Namun demikian, apabila anda memahami sebuah buku, perlulah anda membuat penilaian sendiri tentang kebenarannya, jika anda membaca secara serius. Mengetahui pendapat pengarangnya sahaja tidaklah memadai.

4. *Apakah buku itu penting?* Jika buku itu telah menyampaikan makluman, perlulah anda menyoal erti makluman itu. Mengapakah pengarang berpendapat bahawa sesuatu perkara itu penting diketahui? Apakah penting bagi anda mengetahuinya? Jika buku itu tidak sekadar memberi makluman kepada anda tetapi turut pula mempertingkat pemahaman anda, maka perlulah diperolehi pemahaman selanjutnya dengan menanyakan apakah lagi yang dapat dipelajari, apakah lagi yang disarankan oleh pembacaan anda yang terbaharu itu.

Kita akan memperkatakan kembali keempat-empat soalan tersebut dalam keseluruhan buku ini. Dengan kata-kata lain, soalan-soalan itu merupakan peraturan-peraturan membaca yang asasi yang merupakan persoalan utama yang diperkatakan oleh

bab-bab berikutnya dalam buku ini. Peraturan-peraturan itu dikemukakan di sini dalam bentuk soalan-soalan atas alasan-alasan tertentu yang amat wajar. Membaca buku pada sebarang peringkat yang melewati peringkat pertama pada asasnya merupakan usaha mengemukakan soalan-soalan kepada buku tersebut dan berusaha sendiri menjawabnya sebaik yang terdaya. Hal ini hendaklah senantiasia diingat. Di sinilah terletak perbezaan di antara seorang pembaca biasa dengan seorang pembaca yang baik. Pembaca biasa tidak mengemukakan soalan – dan tidak memperoleh sebarang jawapan.

Keempat-empat soalan ini hendaklah dikemukakan terhadap sebarang bahan yang anda baca. Pembacaan penelitian cenderung memberikan jawapan-jawapan yang lebih baik terhadap dua soalan yang pertama, jika dibandingkan dengan dua soalan yang terakhir. Anda boleh, malah mungkin juga perlu, membuat catatan tentang jawapan anda terhadap dua soalan itu, terutamanya jika anda tahu bahawa anda tidak mungkin dapat membaca buku itu sekali lagi dalam masa berhari-hari, malah berbulan-bulan lagi.

Upaya membaca sebuah buku secara analitis tidak akan terlaksana sepenuhnya, kecuali anda telah memperoleh jawapan-jawapan bagi dua soalan yang terakhir itu – sehingga anda telah mempunyai tanggapan tertentu tentang hakikat yang terkandung dalam buku itu, baik pada keseluruhannya mahupun pada bahagian-bahagiannya, sekurang-kurangnya untuk diri anda sendiri.

Mengetahui empat soalan itu sahaja tidaklah memadai. Anda mestilah tidak lupa menanyakannya sewaktu membaca. *Tabiat* ini merupakan ciri seorang pembaca yang baik. Namun demikian, anda mestilah tahu bagaimana menjawab soalan-soalan itu dengan tepat lagi betul. Keterampilan yang terasuh untuk berbuat demikian itulah yang merupakan *seni* membaca.

Jika seseorang merasa mengantuk sewaktu membaca buku-buku yang baik, maka hal ini sebenarnya bukanlah kerana tidak

sanggupnya dia melaksanakan upaya tersebut tetapi kerana tidak tahu bagaimana melakukannya. Untuk dapat terus membaca secara aktif, anda tidaklah sekadar perlu mempunyai hasrat untuk berbuat demikian tetapi juga mempunyai kemahiran – yakni seni yang memungkinkan anda memajukan diri melalui penguasaan sesuatu keterampilan yang pada mulanya kelihatan tidak mungkin dapat anda kuasai.

Membentuk Tabiat Membaca

Untuk menguasai sesuatu seni atau kemahiran, perlulah seseorang itu mempunyai tabiat bekerja menurut peraturan kemahiran itu. Dan satu-satunya cara membentuk tabiat bekerja ialah dengan melakukan kerja itu. Inilah yang dimaksudkan dengan mempelajari melakukan sesuatu dengan melakukannya sendiri. Perbezaan di antara kegiatan anda sebelum dan setelah anda membentuk sesuatu tabiat itu adalah perbezaan di antara melakukan sesuatu dengan bersusah payah dan melakukannya dengan agak mudah. Setelah menjalani latihan, anda akan dapat melakukan sesuatu jauh lebih mudah daripada sewaktu anda mulai melakukannya. Dengan kata-kata lain, latihan melahirkan kesempurnaan.

Mengetahui peraturan sesuatu kemahiran tidaklah sama dengan memiliki sesuatu tabiat. Bila dinyatakan bahawa seseorang itu mempunyai sesuatu kemahiran, yang dimaksudkan bukanlah dia mengetahui peraturan membuat atau melakukan sesuatu, tetapi dia mempunyai tabiat tentang membuat atau melakukannya. Memanglah benar bahawa mengetahui peraturan merupakan sebahagian daripada mempelajari kemahiran. Tidaklah dapat anda menuruti peraturan yang tidak anda ketahui. Demikian juga, tidak mungkin anda mempunyai sesuatu tabiat – sebarang tabiat – tanpa mengikuti peraturan-peraturannya.

Belajar membaca dengan baik samalah seperti mempelajari

sebarang kegiatan lain. Anda mestilah melakukan latihan sehingga anda dapat mengikuti peraturan-peraturannya dan melakukan langkah-langkahnya yang berasingan tanpa memikirkan tentangnya. Akan tetapi, untuk tidak menanggapnya sebagai langkah yang berasingan, perlulah anda terlebih dulu mempelajarinya sebagai langkah-langkah yang berasingan. Hanya dengan yang demikian barulah anda dapat merangkai-rangkaikannya untuk memungkinkan anda menjadi pembaca yang baik.

Sewaktu melaksanakannya, setiap satu langkah yang berasingan itu menuntut perhatian anda yang sepenuhnya. Setelah anda berlatih melaksanakan setiap bahagian itu secara berasingan, bukan sahaja anda dapat melakukan setiap satunya dengan lebih baik dan dengan perhatian yang tidak begitu mendalam, bahkan juga secara perlahan-lahan anda dapat merangkai-rangkaikannya menjadi satu kesatuan. Apabila hal ini terjadi, dan anda tidak lagi perlu memikirkan tentang bagaimana caranya anda membaca, maka dapatlah anda menumpukan seluruh perhatian pada bahan yang dibaca, bagi mempertingkat pemahaman anda.

Semoga kami telah memberikan dorongan kepada anda dengan apa yang telah kami nyatakan dalam halaman-halaman buku ini. Belajar membaca dengan baik bukanlah mudah. Bukan sahaja membaca, terutamanya membaca dengan aktif, merupakan kegiatan yang sukar tetapi juga merupakan kegiatan yang melibatkan pemikiran.

Memikirkan tentang tindakan-tindakan fizikal tidaklah terlalu sukar; memikirkan tentang kegiatan-kegiatan mental, seperti yang terpaksa dilakukan oleh seseorang yang mula membaca secara analitis, adalah jauh lebih sukar. Dia perlu memikirkan tentang pemikirannya sendiri dan kebanyakan kita tidak biasa berbuat demikian. Namun demikian, hal itu tidaklah mustahil dilakukan, dan seseorang yang melakukannya sudah pasti akan belajar membaca dengan lebih baik.

BAHAGIAN 2

***Peringkat Ketiga Pembacaan:
Membaca Secara Analitis***

6

Mengelaskan Buku

PADA awal buku ini telah kita nyatakan bahawa petunjuk membaca ini dapat digunakan bagi sebarang jenis bahan yang hendak dibaca. Namun demikian, dalam memperkatakan peraturan-peraturan pembacaan analitis, sebagaimana yang akan dilakukan dalam beberapa bab yang berikutnya, kita tampaknya seperti telah melupakan hakikat itu. Pada umumnya, kita akan memperkatakan tentang pembacaan keseluruhan buku. Mengapakah demikian keadaannya?

Jawapannya mudah sahaja. Membaca keseluruhan buku, terutamanya buku yang panjang lagi sukar, merupakan salah satu masalah terbesar yang mungkin dihadapi oleh seorang pembaca. Membaca cerita pendek biasanya lebih mudah daripada membaca novel; membaca rencana biasanya lebih mudah daripada membaca buku tentang perkara yang sama. Jika anda dapat membaca puisi panjang atau novel, maka tentulah anda dapat membaca puisi pendek atau cerita pendek; jika anda dapat membaca sebuah buku yang bersifat huraian – sebuah buku sejarah, atau falsafah, atau sains umpamanya – maka tentulah anda dapat membaca sebuah rencana tentang perkara yang sama.

Oleh yang demikian, segala sesuatu yang kita perkatakan tentang pembacaan buku dapat juga digunakan bagi bahan-bahan tulisan jenis lainnya. Haruslah anda fahami bahawa apabila kita memperkatakan tentang pembacaan buku, maka peraturan-peraturan yang dibincangkan itu, mungkin dengan beberapa perubahan kecil, dapat pula diterapkan kepada hasil-hasil tulisan yang lebih mudah difahami.

Pentingnya Mengelaskan Buku

Peraturan pertama pembacaan analitis ialah bahawa *anda hendaklah mengenali buku jenis apakah yang anda baca, dan hal ini perlulah anda maklumi secepat mungkin, sebaik-baiknya sebelum mula membaca.*

Misalnya, anda mestilah tahu apakah anda sedang membaca karya cereka – sebuah novel, drama atau puisi – atau apakah karya itu merupakan salah satu jenis buku huraian. Sebuah buku huraian pada asasnya terdiri daripada pandangan, teori, gagasan atau, dengan kata-kata lain, sesuatu pengetahuan khusus yang dianggap benar oleh pengarangnya dan menurut pendapatnya perlu anda ketahui. Kebanyakan orang tahu akan perbezaan di antara buku cereka dengan buku huraian, tetapi anda perlulah juga menyedari terdapatnya pelbagai jenis buku huraian. Soalnya bukanlah sekadar mengetahui buku yang mana pada asasnya bermanfaat; penting juga diketahui buku yang mana bermanfaat menurut cara tertentu. Misalnya, jenis-jenis makluman dan pengetahuan yang terdapat dalam buku sejarah, atau falsafah, atau sains, tidaklah sama. Demikian pula, persoalan yang diperkatakan atau kaedah yang digunakan oleh pengarangnya untuk menyelesaikan persoalan tidaklah sama.

Oleh yang demikian, peraturan pertama pembacaan analitis itu, meskipun dapat diterapkan pada segala jenis buku, terutama

besar gunanya bagi karya-karya bukan cereka, yakni karya huraian. Bagaimanakah dapat anda mematuhi peraturan ini, terutama bahagian keduanya? Sebagaimana yang telah disarankan, anda melakukannya dengan terlebih dulu meneliti sesebuah buku – yakni dengan melakukan *pembacaan penelitian*.

Meskipun banyak hal yang dapat anda pelajari daripada judul, senarai kandungan, prakata, dan penunjuk sesebuah buku, namun tiada suatu pun daripadanya dapat membantu anda mengelaskan sesebuah buku, kecuali dalam fikiran anda telah ada satu sistem pengelasan yang umum.

Anda tidak akan tahu dari segi apakah buku *Politics* oleh ahli falsafah Yunani purba, Aristotle, sama dengan dan berbeza daripada *The Wealth of Nations* oleh ahli ekonomi bangsa Scot abad kedelapan belas, Adam Smith, kecuali anda telah tahu tentang masalah politik dan pelbagai jenis masalah politik.

Judul kadang-kadang dapat membantu mempermudah penggolongan buku-buku. Misalnya, semua orang tahu bahawa buku-buku dengan perkataan matematik pada judulnya memperkatakan hal-hal yang sama, tetapi bukanlah semua judul senantiasa berguna dari segi ini. Tidaklah begitu mudah diketahui bahawa buku oleh pengarang zaman awal Kristian, Augustin, yang berjudul *The City of God* dan buku *Social Contract* oleh Jean Jacques Rousseau, ahli falsafah politik Perancis abad kedelapan belas, kedua-duanya merupakan buku-buku tentang politik. Setelah jadual kandungan kedua-dua buku itu diperiksa dengan teliti maka barulah persoalan yang sama bagi kedua-duanya.

Namun demikian, menggolongkan buku-buku ke dalam jenis-jenis yang sama sahaja tidaklah memadai; untuk mematuhi peraturan pertama pembacaan ini perlulah anda mengetahui jenis-jenis tersebut. Judul buku tidak akan menyatakan jenisnya, dan demikianlah juga prakata, jadual kandungan, dan seringkali

keseluruhan buku itu sendiri, kecuali anda telah mempunyai kaedah-kaedah lain untuk mengelaskan buku-buku.

Kita telah memperkatakan tentang pengelasan buku-buku ke dalam jenis-jenis cereka dan huraian. Di kalangan buku-buku huraian, dapat kita catatkan perbezaan di antara sejarah dan falsafah, dan perbezaan di antara kedua-duanya dengan sains dan matematik. Namun ini hanyalah suatu permulaan, kerana kita masih belum mempunyai suatu prinsip klasifikasi. Kita akan memperkatakan prinsip-prinsip ini dengan lebih lanjut kemudian kelak, sewaktu perbincangan kita memasuki peringkat-peringkat pembacaan yang lebih tinggi. Untuk sementara waktu, akan kita bataskan pembicaraan kita pada satu perbezaan asasi di kalangan semua buku huraian. Yang dimaksudkan ialah perbezaan di antara buku teori dan buku amali.

Buku-Buku Teori dan Amali

Apabila kita menyebut tentang buku-buku amali, yang kita maksudkan adalah buku-buku yang menyatakan kepada kita bagaimana sesuatu itu dilakukan, atau sepatutnya dilakukan. Buku-buku teori menyatakan sesuatu untuk difahami. Perbezaan di antara dua jenis buku ini ialah perbezaan di antara tujuan pengarangnya. Buku-buku amali ada hubungannya dengan tindakan, dan buku-buku teori ada hubungannya dengan pengetahuan. Namun demikian, anda mungkin bertanya: sewaktu menggunakan buku-buku huraian, tidakkah kita menggunakan buku-buku yang mengandungi pengetahuan? Jawapannya ialah bahawa tindakan diasaskan pada pengetahuan.

Setengah-setengah buku dan guru hanyalah berminat akan pengetahuan yang hendak disampaikan. Ini tidaklah bererti bahawa menafikan bahawa pengetahuan ada gunanya atau sesuatu itu berguna hanyalah kerana sifatnya sebagai pengetahuan. Mereka

sengaja membataskan usaha kepada satu jenis komunikasi dan pengajaran sahaja, dan menyerahkan jenis lainnya pada orang lain. Yang lainnya pula berminat akan masalah-masalah hidup manusia yang dapat diselesaikan oleh pengetahuan, dan bagi mereka pengetahuan mestilah dapat dimanfaatkan untuk tujuan tertentu. Pengetahuan mestilah mempengaruhi tindakan.

Untuk menjadikan pengetahuan bersifat amali, perlulah kita menukarkannya menjadi peraturan-peraturan tindakan. Kita mestilah berginjak daripada mengetahui keadaan sesuatu kepada mengetahui apa yang akan dilakukan untuk melaksanakan sesuatu. Inilah perbezaan di antara mengetahui *bahawa* dengan mengetahui *bagaimana*. Buku-buku teori memberitahu anda *bahawa* sesuatu itu demikian keadaannya. Buku-buku amali pula mengajari anda *bagaimana* melakukan sesuatu yang hendak anda lakukan atau merasa perlu melakukannya.

Sebuah buku amali dapat mengajar kita bagaimana menjalani hidup kita, memberitahu kita apa yang harus dilakukan dan apa yang tidak, malah menyatakan ganjaran dan hukuman yang akan kita perolehi akibat daripada melakukan atau tidak melakukannya. Demikianlah, baik kita bersetuju dengan kesimpulan-kesimpulannya mahupun tidak, karya-karya yang demikian itu tetap bersifat amali.

Seseorang yang menulis tentang sesuatu perkara secara amali tidaklah sekadar menyarankan sesuatu untuk kita lakukan, bahkan juga mendorong kita supaya menuruti nasihatnya. Umpamanya, sebuah buku tentang ekonomi boleh mengajar kita bagaimana mengatur kehidupan ekonomi kita, baik sebagai individu mahupun sebagai masyarakat, atau sebagai negara, dan menyatakan apa yang akan terjadi jika kita tidak menuruti saranan pengarang buku itu. Kita mungkin tidak bersetuju dengan buku itu, namun perbezaan pendapat kita itu tidaklah menjadikan buku bersifat bukan amali.

Kadangkala judul sesebuah buku itu menyatakan sifat amalnya. Jika judulnya mengandung kata-kata seperti 'seni ...' atau 'bagaimana ...', maka tahulah anda bahawa buku itu buku amali. Jika judulnya menyatakan bidang-bidang yang dianggap bersifat amali, seperti politik, kejuruteraan, atau perdagangan, dan seringkali juga ekonomi, hukum, atau perubatan, maka dapatlah anda mengelaskan buku itu dengan agak segera.

Jika anda tidak dapat mengelaskan sesebuah buku berdasarkan judul, prakata, atau jadual kandungannya, maka bacalah buku itu dengan sekilas pandang. Jika sering anda temui kata-kata seperti 'seharusnya' dan 'sepatutnya', 'baik' dan 'tidak baik', 'tujuan' dan 'kaedah', maka buku itu merupakan buku amali. Anda akan menemui ayat-ayat yang menyatakan bahawa sesuatu hendaklah dilakukan (atau dihasilkan); atau bahawa inilah cara yang betul untuk melakukan (atau menghasilkan) sesuatu; atau bahawa sesuatu itu lebih baik daripada yang lainnya sebagai keadaan yang hendak dicapai, atau sebagai langkah yang hendak dipilih. Sebagai bandingan, sebuah buku teori sering menggunakan kata 'adalah', bukannya kata-kata 'seharusnya' atau 'sepatutnya'. Buku itu berusaha menyatakan hakikat tentang sesuatu, bukannya bahawa sesuatu itu sepatutnya diubah.

Namun demikian, masalahnya tidaklah semudah yang cuba kita gambarkan itu. Kita hanyalah mencuba menunjukkan beberapa pertanda yang akan membantu anda mengenali perbezaan antara buku amali dan buku teori. Janganlah anda bergantung sepenuhnya pada pertanda-pertanda ini. Misalnya, buku tentang ekonomi boleh bersifat amali mahupun teori, dan ada buku yang sebahagiannya bersifat amali dan sebahagiannya bersifat teori. Namun demikian, pada umumnya amatlah berguna jika anda dapat memastikan apakah sesebuah buku itu dimaksudkan oleh pengarangnya sebagai buku teori atau buku amali.

Jenis-Jenis Buku Teori

Buku-buku teori biasanya digolongkan sebagai buku sejarah, sains, atau falsafah. Bagi buku sejarah, perkataan 'sejarah' itu sendiri sering terdapat pada judulnya. Jika tidak, maka besar kemungkinannya bahawa prakata atau jadual kandungannya akan menyatakan bahawa buku itu memperkatakan tentang sesuatu yang telah terjadi pada masa lalu – tidak semestinya pada zaman silam yang terlalu lama; buku itu mungkin mengisahkan tentang sesuatu yang terjadi beberapa hari yang lalu. Sejarah merupakan pengetahuan tentang peristiwa-peristiwa atau benda-benda khusus yang bukan sahaja wujud pada masa lalu tetapi juga mengalami satu rentetan perubahan dalam satu jangka waktu tertentu. Si penulisnya menceritakan apa yang terjadi dan sering juga membuat ulasan tentang pentingnya kejadian itu. Sejarah senantiasa memperkatakan tentang perkara-perkara yang pernah wujud, atau peristiwa-peristiwa yang pernah terjadi pada kala tertentu di tempat tertentu.

Akan tetapi, sains memperkatakan tentang perkara yang boleh terjadi pada *sebarang* waktu atau tempat. Ahli sains mencuba menemukan hukum-hukum atau kenyataan-kenyataan umum dan ingin mengetahui bagaimana sesuatu itu terjadi pada kebanyakan waktu, atau setiap waktu, bukannya bagaimana terjadinya perkara-perkara khusus pada waktu tertentu pada masa lalu.

Judul sebuah buku sains biasanya tidaklah sebegitu terserlah seperti judul buku sejarah. Perkataan 'sains' sekali sekala dikemukakan, tetapi lebih sering judulnya hanyalah menyebut perkara yang diperkatakan. Selain itu perlu pula dipastikan apakah perkataan itu milik ahli sains atau ahli falsafah. Hal itu pun tidaklah selalu jelas. Misalnya, Sir Isaac Newton (1642 – 1727), ahli falsafah dan matematik Inggeris, menulis buku yang berjudul

Mathematical Principles of Natural Philosophy. Bagi kita, bukunya itu bukanlah karya falsafah; buku itu merupakan salah sebuah karya sains yang terpenting.

Falsafah sama seperti sains, dan berbeza daripada sejarah, kerana bidang itu berusaha mencapai hakikat-hakikat umum dan tidak berusaha menyatakan tentang peristiwa-peristiwa masa lalu yang khusus. Akan tetapi ahli falsafah tidaklah mengemukakan pertanyaan-pertanyaan yang sama seperti yang dikemukakan oleh ahli sains, dan tidak pula digunakannya kaedah yang sama untuk menjawab soalan-soalan itu.

Oleh kerana judul dan nama bidang tidak mungkin membantu memastikan apakah sesebuah karya itu karya falsafah atau sains, maka bagaimanakah dapat kita memastikannya? Ada satu tatacara yang pada hemat kami senantiasa mendatangkan hasil, meskipun anda mungkin terpaksa membaca beberapa bab buku tersebut sebelum tatacara itu dapat diterapkan. Jika sebuah buku teori pada asasnya membicarakan perkara-perkara yang tidak anda alami setiap hari dalam kegiatan-kegiatan biasa, maka buku itu merupakan karya sains. Jika sebaliknya, maka karya itu merupakan karya falsafah.

Perbezaan ini mungkin memeranjatkan. Biarlah kita huraikan. Jika anda hendak melaksanakan ujikaji-ujikaji yang diperkatakan dalam *Two New Sciences* oleh ahli sains Itali, Galileo (1564–1642), maka anda akan memerlukan bahan-bahan istimewa. Bahan-bahan ini, dan cara-cara anda menggunakannya, tidaklah merupakan bahagian daripada pengalaman hidup sehari-hari manusia biasa.

Namun demikian, sebuah buku falsafah tidak memperkatakan sebarang fakta atau pengamatan yang terletak di luar pengalaman manusia biasa. Seorang ahli falsafah meminta pembacanya menaksir hasil tulisannya berdasarkan pengalaman biasa sehari-hari pembaca itu sendiri.

Perbezaan yang diuraikan ini akan lebih mudah difahami apabila kita nyatakan bahawa sains bersifat ujikaji dan bergantung pada pengamatan bahan-bahan istimewa, sedangkan tidak ada yang diperlukan oleh falsafah selain akal budi yang sihat. Ringkasnya, hal ini bererti bahawa falsafah dan sains adalah berbeza, bukannya bahawa yang satu adalah lebih baik atau lebih penting daripada yang lainnya. Ada beberapa persoalan tertentu, setengahnya amat penting, yang dapat diselesaikan oleh seseorang yang tahu bagaimana memikirkan tentangnya dan merenungkan bagaimana persoalan-persoalan itu dipengaruhi oleh pengalaman biasa manusia. Namun, terdapat pula persoalan-persoalan lain yang hanya dapat diselesaikan melalui kaedah penerokaan atau ujikaji yang tertentu, yakni ujikaji-ujikaji yang memerlukan pengalaman istimewa.

Baik ahli falsafah mahupun ahli sains perlu mengamati dan berfikir, namun mereka memikirkan tentang pengamatan yang berlainan jenisnya. Selain itu mereka membuktikan kesimpulan-kesimpulan mereka dengan cara yang berlainan – ahli sains dengan memperlihatkan hasil-hasil pengalaman istimewanya, manakala ahli falsafah dengan memperlihatkan pengalaman-pengalaman yang seputnya bagi semua manusia.

Perbezaan kaedah ini senantiasa terserlah dalam buku-buku falsafah mahupun buku-buku sains, dan dengan yang demikian dapatlah anda memastikan buku jenis apakah yang sedang anda baca.

Hal ini penting diketahui, kerana para ahli sains dan para ahli falsafah tidaklah berfikir dengan cara yang sama, dan demikian pula halnya para penulis sejarah. Semua penulis ini menegakkan hujah-hujahnya dengan cara yang berlainan.

Anda mungkin mengemukakan bantahan bahawa kita telah mempergunakan terlalu banyak waktu untuk masalah pengelasan buku, terutama bagi peringkat sebelum buku-buku itu dibaca. Apakah hal ini benar-benar penting?

Bantahan anda itu dapat dijawab dengan mengingatkan anda bahawa terdapat kaedah yang berlainan untuk mengajar mata pelajaran yang berlainan. Oleh yang demikian, terdapatlah juga kaedah yang berlainan untuk mempelajarinya. Hubungan di antara buku dan para pembacanya adalah sama dengan hubungan di antara guru dengan muridnya. Oleh yang demikian, kerana jenis-jenis pengetahuan berlainan, maka buku-buku juga menyampaikan pengajarannya kepada kita secara yang berlainan. Jika kita hendak memahaminya, maka perlulah kita belajar membaca setiap jenis buku dengan caranya yang betul.

Struktur Sebuah Buku

SETIAP buku mempunyai struktur asasi, dan menjadi tugas anda sebagai seorang pembaca yang analitis untuk mengenali struktur itu.

Mengenali struktur itu amatlah penting bagi pemahaman anda terhadap sebarang buku, dan dua peraturan berikutnya dalam pembacaan analitis didasarkan pada hakikat ini. Kita menyatakan 'sebarang buku'. Peraturan-peraturan ini dapat digunakan bagi karya puisi mahupun bagi karya sains, dan bagi sebarang jenis buku huraian. Namun demikian, kegunaannya adalah berbeza bagi jenis-jenis buku yang berlainan. Kesepaduan sebuah novel tidaklah sama dengan kesepaduan buku tentang politik, dan bahagian-bahagiannya juga tidaklah daripada jenis yang sama, serta tidak pula bahagian-bahagian itu diadun menurut cara yang sama. Namun demikian, setiap buku yang wajar dibaca mempunyai satu kesepaduan dan adunan bahagian-bahagian yang dilakukan dengan teliti.

Menyerlahkan Kesepaduan Sebuah Buku

Peraturan kedua dalam pembacaan analitis ialah: *Nyatakan*

kesepaduan keseluruhan buku itu dalam satu ayat, atau paling banyak tidak lebih daripada beberapa ayat.

Ini bererti bahawa anda hendaklah menyatakan pokok pembicaraan seluruh buku itu dengan ringkas mungkin. Anda mestilah dapat memerikan kandungan buku itu, bukan dengan sekadar menamakan bidangnya, tetapi dengan menyatakan pembicaraan pengarangnya tentang bidang tersebut dengan beberapa perkataan. Melakukan ini bererti menemukan tema buku tersebut, atau menemukan *gagasan pokoknya*.

Sebuah buku merupakan sebuah hasil seni. Lebih tinggi nilainya, baik sebagai sebuah buku mahupun sebagai hasil seni, maka lebih jitu pulalah kesepaduannya. Hal ini sama benarnya bagi seni muzik dan lukisan mahupun bagi buku-buku cereka dan huraian, namun anda perlulah menyedari kesepaduan itu dengan jelas. Satu-satunya cara untuk mengetahui bahawa anda telah mencapai kesedaran itu ialah dengan menyatakan pada diri sendiri, atau pada orang lain, bentuk kesepaduan itu dengan beberapa perkataan. Seorang pembaca yang berkata, 'saya tahu akan kesepaduan itu tetapi tidak dapat menyatakannya,' mungkin tidak mengetahui pokok pembicaraan buku tersebut.

Kebanyakan novel mempunyai kesepaduan perlakuan yang satu, yakni plot utama yang memadukan keseluruhan cerita. Setelah mengetahui plotnya, dan melaluinya mengetahui kesepaduan buku itu, maka dapatlah anda meletakkan bahagian-bahagian lain cerita itu pada tempatnya yang wajar. Anda mungkin melakukannya terhadap novel-novel yang pernah anda baca. Misalnya, plot novel *Tom Jones*, novel Inggeris abad kedelapan belas oleh Henry Fielding, dapat diikhtisarkan sebagai: lelaki menemui gadis, lelaki kehilangan gadis, dan lelaki memenangi hati si gadis. Sesungguhnya, demikianlah plot kebanyakan novel. Dengan menyedari hal ini, kita ketahui bahawa terdapat hanya sebilangan kecil plot di alam ini. Perbezaan di

antara cerita yang baik dan yang jelek bergantung pada apa yang dilakukan oleh pengarangnya terhadap plot itu, pada hal-hal terperinci yang digunakannya, dan caranya cerita itu ditulis.

Kesepaduan sebuah karya sejarah, seperti plot sebuah novel, merupakan satu kenyataan tentang peristiwa-peristiwa. Peraturan kedua dalam pembacaan analitis memerlukan jenis jawapan yang sama bagi karya sejarah mahupun bagi karya cereka.

Anda tidaklah semestinya perlu mencari kesepaduan sesebuah buku itu dengan usaha sendiri. Seringkali si pengarang buku membantu anda. Misalnya, dia mungkin menghuraikan kesepaduan kerangka bukunya dalam prakata. Dari segi ini, buku-buku huraian adalah berbeza sama sekali daripada karya cereka. Seorang penulis karya sains atau karya falsafah tidak mempunyai sebarang sebab untuk memeranjatkan anda. Sesungguhnya, bertambah tidak memeranjatkan sesebuah buku huraian itu, maka bertambah besarlah kemungkinan anda membacanya hingga ke akhir buku. Dan seperti sebuah rencana suratkhbar, sebuah buku huraian mungkin menghuraikan kandungannya dalam beberapa ayatnya yang pertama.

Berpandulah pada apa yang dinyatakan oleh pengarangnya, tetapi ingatlah selalu bahawa tanggungjawab menemukan kesepaduan itu akhirnya terletak pada si pembaca, sama seperti tanggungjawab mempunyai kesepaduan itu terletak pada si penulis. Tanggungjawab itu dapat anda laksanakan dengan tulus hanya dengan membaca keseluruhan buku itu.

Ada dua perkara yang patut anda catatkan sebelum perbincangan diteruskan. Yang pertamanya ialah mencatatkan betapa seringnya seorang pengarang, terutamanya pengarang yang baik, membantu anda menyatakan perencanaan bukunya. Namun demikian, kebanyakan pembaca masih juga tidak menyedarinya dan tidak dapat menyatakan dengan ringkas apakah yang diperkatakan oleh buku itu pada keseluruhannya. Sebahagiannya,

hal ini disebabkan oleh tidak dapatnya dia menuturkan ayat-ayat yang jelas dan ringkas. Sebahagiannya pula, hal ini disebabkan oleh si pembaca lupa akan peraturan ini dalam pembacaan. Akan tetapi hal itu juga memperlihatkan bahawa para pembaca biasanya memberikan perhatian yang sedikit sahaja terhadap kata-kata pengantar si pengarang, samalah seperti perhatian yang diberikan terhadap judul bukunya. Yang keduanya merupakan satu amaran.

Ingatlah bahawa suatu kesepaduan dapat dinyatakan menurut cara yang berlainan. Tidaklah terdapat satu cara sahaja yang betul untuk melakukannya, kerana sesebuah buku itu merupakan sesuatu yang berlainan bagi pembaca yang berlainan. Suatu kenyataan itu adalah lebih baik daripada kenyataan yang lain, jika sekiranya kenyataan itu lebih ringkas, lebih tepat, dan lebih menyeluruh. Akan tetapi kenyataan-kenyataan yang berlainan boleh sahaja sama baiknya, atau sama sahaja tidak baiknya. Namun demikian, meskipun pembaca-pembacanya berlainan, namun bukunya adalah sama, dan ada beberapa hakikat tentang buku tersebut yang dapat dipersetujui bersama.

Seni Mengikhtisar Buku

Peraturan ketiga dalam pembacaan analitis adalah: *senaraikan bahagian-bahagian utama buku itu, dan perlihatkan bagaimana bahagian-bahagian itu diadun menjadi satu kesepaduan dengan cara menghubungkan di antara satu dengan lainnya, dan setelah itu dengan keseluruhannya.*

Peraturan ini amat rapat hubungannya dengan peraturan yang kedua, kerana kesepaduan yang diutarakan dengan baik memperlihatkan bahagian-bahagian yang utama daripada keseluruhan itu; anda tidak mungkin dapat memahami keseluruhannya tanpa melihat bahagian-bahagiannya dan menyedari pentingnya bahagian-bahagian itu. Tidaklah memadai sekadar mengetahui

bagaimana keseluruhan itu menjadi *satu*; anda juga mestilah mengetahui *bagaimana keseluruhan itu bersifat berbilang*, dan bagaimana bahagian-bahagian berpadu membentuk keseluruhan itu. Jika bahagian-bahagian itu tidak saling berhubungan, maka keseluruhan itu hanyalah merupakan satu himpunan, bukannya satu kesatuan.

Setiap satu bahagian sebuah buku yang baik mempunyai darjah kebebasan yang tertentu. Yang kita maksudkan ialah setiap bahagian itu mempunyai strukturnya yang tersendiri, yang agak berbeza daripada struktur bahagian-bahagian lainnya. Namun demikian, bahagian itu mestilah berhubungan dengan bahagian-bahagian lainnya dan mempunyai tempatnya dalam kesepaduan yang menyeluruh itu. Anda mestilah menyedari struktur bahagian-bahagian tersebut. Oleh kerana itu, peraturan yang ketiga memerlukan anda *mengikhtisarkan* setiap bahagian. Setiap satunya mestilah dianggap sebagai keseluruhan yang tidaklah begitu penting, setiap satunya dengan kesepaduannya yang tersendiri.

Ada satu kaedah yang dapat anda gunakan sebagai petunjuk sewaktu melaksanakan peraturan ini. Mulailah dengan kenyataan anda tentang kesepaduan buku itu, dan kemudiannya senaraikan bahagian-bahagian utamanya yang teradun untuk membentuk kesepaduan. Setelah itu, nyatakan apakah yang diperkatakan oleh setiap satu bahagian itu. Kemudiannya, bahagikan setiap satu bahagian utama itu ke dalam beberapa pecahan, dan nyatakan gagasan yang terkandung dalam setiap pecahan. Setelah itu bahagikan setiap pecahan kepada bahagian-bahagiannya, bahagian-bahagian itu pula kepada bahagian-bahagian yang lebih kecil, dan seterusnya sehingga anda selesai mengikhtisar buku itu setelah anda rasakan perlu.

Tidaklah ada buku yang perlu diberikan *ikhtisar* sepenuhnya bagi setiap bahagian, serta bahagian daripada bahagiannya.

Meskipun setelah anda menjadi lebih mahir, anda tidak akan hendak membaca setiap buku dengan darjah upaya yang sama. Betapa terperinci ikhtisar anda itu adalah bergantung pada jenis buku yang anda baca dan tujuan anda membacanya. Anda akan mendapati bahawa hanya beberapa buku sahaja yang memerlukan ikhtisar terperinci. Bagi kebanyakan buku, anda hanya perlu memperoleh rangka umum strukturnya sahaja. Seorang pembaca yang mahir malah tidak pun menuliskan ikhtisarnya, tetapi jika dia diminta menghuraikan struktur buku itu, maka dia akan menerapkan kaedah umum yang telah kita perkatakan itu.

Ikhtisar anda itu tidaklah perlu didasarkan pada bab-bab dalam buku itu, meskipun strukturnya cukup teratur. Bab dan bahagian-bahagian lainnya itu dikemukakan oleh pengarang dengan tujuan untuk membantu anda, tetapi anda hendaklah menggunakannya hanya sebagai petunjuk, dan tidak bergantung sepenuhnya pada pembahagian itu untuk ikhtisar anda sendiri.

Seringkali, anda akan mendapati bahawa sebuah buku yang baik itu lebih terperinci perencanaannya daripada yang anda sedari setelah pandangan pertama. Dari segi pandangan mata kasarnya, sebuah buku itu mungkin kelihatan lebih bersahaja daripada hakikat sebenarnya. Perlulah anda mengkaji buku itu dengan lebih teliti untuk menemukan struktur yang sebenarnya.

Sejauh manakah pentingnya menemukan struktur yang sebenarnya itu? Pada pendapat kami, hal itu amatlah penting. Anda tidak akan berhasil menyatakan kesepaduan sebuah buku tanpa mengetahui bahagian-bahagiannya. Hanya setelah anda mengikhtisarkan bahagian-bahagiannya itu, dan memperlihatkan bagaimana gagasan utamanya diperkembangkan, barulah dapat anda merasa pasti bahawa kenyataan anda tentang kesepaduan buku itu telah mencapai maksud sepenuhnya.

Hubungan Antara Seni Membaca dan Seni Menulis

Peraturan-peraturan membaca yang telah kita perkatakan dalam bab ini juga merupakan peraturan-peraturan menulis. Menulis dan membaca mempunyai hubungan di antara satu dengan lainnya yang sama seperti hubungan di antara mengajar dan belajar. Jika para pengarang dan para guru tidak mengatur tatacara komunikasinya, jika mereka gagal mencapai kesepaduannya dan mengadun bahagian-bahagiannya menjadi satu keseluruhan, maka tidaklah ada gunanya mengarahkan para pembaca untuk menemukan kesepaduan itu dan menyerlahkan strukturnya yang menyeluruh.

Namun demikian, peraturan-peraturan itu tidaklah dituruti dengan cara yang sama oleh para pembaca dan para penulis. Si pembaca berusaha *menyerlahkan* struktur – yakni untuk menemukannya – sedangkan si pengarang bermula dengan kerangkanya dan berusaha *melindunginya*. Tujuannya adalah untuk menerapkan seninya, sebagai seorang penulis, untuk melindungi struktur tersebut.

Mengapakah si pengarang berbuat demikian? Mengapakah sebuah buku huraian tidak dapat semata-mata merupakan satu ikhtisar pokok persoalannya? Sebabnya bukanlah sekadar buku itu akan menjadi hambar, tetapi juga perkara-perkara terperinci yang dikemukakan bersama rangka kasar bukunya itu memberikan semacam ‘nyawa’ kepada buku tersebut – nyawa yang tidak akan wujud tanpa huraian terperinci itu.

Dua peraturan ini akan membantu anda memutuskan apakah sebuah buku ditulis dengan baik, atau sebaliknya. Jika setelah menjadi pembaca yang mahir, anda masih tidak menemukan kesepaduan sesebuah buku itu, dan tidak pula dapat mengenalpasti bahagian-bahagiannya serta hubungannya antara satu dengan lain, maka besar kemungkinannya buku itu bukanlah buku yang baik. Anda tidaklah harus membuat keputusan ini dengan tergesa-gesa; mungkin kesalahannya adalah pada anda, bukannya pada buku itu.

Namun demikian, tidaklah pula anda harus *senantiasa* membuat kesimpulan yang demikian dan setiap kali mengandaikan bahawa yang bersalah adalah anda sendiri, bukannya buku itu.

Harus pula kita nyatakan bahawa dua peraturan ini dapat digunakan bagi pembacaan bahagian-bahagian yang panjang dalam sebuah buku huraian, yakni bahagian yang mempunyai kesepaduannya sendiri. Inilah salah satu perbezaan yang utama di antara karya cereka dengan karya bukan cereka. Jika sebuah novel merupakan karya yang baik, maka gagasannya yang utama terdapat pada keseluruhan buku itu; gagasan itu tidak mungkin akan diketemukan dengan membaca satu bahagian daripadanya sahaja. Akan tetapi, anda mungkin dapat menemukan gagasan utama dalam buku karya Aristotle, umpamanya, dengan membaca bahagian-bahagiannya yang tertentu dengan teliti. Namun begitu, dengan berbuat demikian tidaklah dapat anda menuruti peraturan ketiga, yakni menyenaraikan bahagian-bahagian utama buku itu.

Menemukan Tujuan Si Pengarang

Ada satu lagi peraturan pembacaan analitis yang hendak kami perkatkan. Peraturan itu dapat diperkatkan dengan ringkas dan huraian panjang-lebar tidaklah diperlukan. Peraturan ini merupakan perulangan, dalam bentuk yang lain, akan langkah yang telah anda laksanakan jika anda telah mematuhi peraturan-peraturan kedua dan ketiga.

Peraturan yang keempat dapat dinyatakan begini: *Nyatakan masalah atau masalah-masalah yang cuba diselesaikan oleh si pengarang*. Pengarang sesebuah buku itu bermula dengan persoalan, atau satu set persoalan, yang tertentu. Buku itu sepatutnya mengandungi jawapan, atau jawapan-jawapan, terhadap persoalan tersebut.

Si pengarang mungkin, atau mungkin tidak, menyatakan

apakah persoalan-persoalan itu sewaktu dia berusaha menjawabnya dalam bukunya. Apakah dia menyatakannya atau tidak, lebih-lebih lagi jika dia tidak menyatakannya, adalah tugas anda sebagai pembaca menyatakan persoalan itu dengan cara yang setepat mungkin. Anda sepatutnya dapat menyatakan persoalan utama yang cuba dijawab oleh buku itu, dan anda sepatutnya dapat menyatakan persoalan-persoalan yang tidak begitu penting yang merupakan bahagian-bahagian daripada persoalan utama itu. Bukan sahaja anda sepatutnya dapat memahami semua persoalan itu, tetapi dapat pula menyusunnya mengikut urutan pentingnya. Soalan-soalan yang mana yang perlu dijawab dahulu, dan yang mana pula dijawab kemudian?

Anda dapat melihat hubungan antara peraturan ini dengan peraturan-peraturan yang memerlukan anda menyatakan kesepaduan buku serta mencari bahagian-bahagiannya. Sementara anda mencuba mencari persoalan-persoalan yang dikemukakan oleh pengarangnya, terpaksa pula anda melihat keseluruhan dan bahagian-bahagiannya dengan cara yang lain.

Sewaktu membaca sebarang jenis buku, selalunya amatlah bermanfaat untuk mencuba menyatakan apa yang sedang diusahakan oleh pengarangnya. Pembaca yang gagal mematuhi peraturan ini tidak akan dapat melihat kesepaduan sesebuah buku, kerana alasan bagi kesepaduan itu tidak akan disedarinya. Ikhtisarnya tentang buku itu akan menunjukkan bahawa dia tidak memahami tujuan strukturnya.

Jika anda tahu tentang jenis-jenis soalan yang mungkin ditanyakan oleh seseorang tentang sesuatu perkara, maka anda akan menjadi seorang yang mahir menemukan persoalan-persoalan yang dikemukakan oleh seseorang pengarang. Soalan-soalan itu dapat dinyatakan dengan ringkas: Apakah sesuatu itu wujud? Apakah jenis bendanya? Apakah yang menyebabkannya wujud, atau dalam keadaan bagaimanakah benda itu dapat wujud atau

mengapakah benda itu wujud? Apakah tujuannya? Apakah kesan daripada kewujudannya? Apakah ciri-cirinya? Apakah hubungannya dengan benda-benda lain daripada jenis yang sama, atau daripada jenis yang lain? Bagaimanakah benda itu bertindak? *Semua soalan ini merupakan soalan teoritis*. Apakah hasil-hasil yang akan ditemui? Kaedah apakah yang akan dipilih untuk mencapai tujuan yang tertentu? Apakah langkah-langkah yang perlu dilakukan untuk mencapai objektif tertentu? Dalam keadaan-keadaan tertentu, apakah yang wajar dilakukan, atau apakah yang lebih baik dilakukan? Dalam keadaan yang bagaimanakah lebih baik melakukan yang ini daripada yang itu? *Semua soalan ini merupakan soalan amali*.

Senarai soalan ini tidaklah menyeluruh, tetapi mewakili jenis-jenis soalan yang paling sering dikemukakan oleh seseorang yang berusaha memperoleh pengetahuan teoritis atau amali. Senarai ini mungkin dapat membantu anda mengenalpasti persoalan-persoalan yang cuba diselesaikan oleh seorang pengarang dalam bukunya. Bagi hasil sastera imaginatif, soalan-soalannya mungkin perlu dipinda sedikit sebanyak, namun senarai ini masih ada gunanya.

Bahagian Pertama dalam Pembacaan Analitis

Kini telah kita nyatakan dan huraikan empat peraturan yang pertama dalam pembacaan analitis. Dengan meneliti sesebuah buku sebelum membacanya, dapatlah anda menerapkan peraturan-peraturannya dengan lebih baik.

Perlulah disedari bahawa empat peraturan ini membentuk satu kelompok peraturan yang mempunyai satu tujuan. Secara bersama, peraturan-peraturan itu memberikan pada pembaca pengetahuan tentang struktur sesebuah buku.

Tidaklah perlu keseluruhan sebuah buku dibaca sekali untuk

menerapkan empat peraturan ini, dan kemudian membacanya sekali lagi untuk menerapkan peraturan-peraturan lainnya. Pembaca yang mahir menerapkan semua peraturan sekaligus. Namun demikian, haruslah anda sedari bahawa mengetahui struktur sesebuah buku merupakan bahagian pertama pembacaannya secara analitis.

Menerapkan empat peraturan ini membantu anda menjawab soalan: Apakah yang diperkatakan oleh buku ini secara keseluruhannya? Anda tentu ingat bahawa dalam Bab 5 kami nyatakan bahawa anda perlu mencari gagasan utama sesebuah buku dan memastikan bagaimana pengarangnya membincangkan gagasan itu secara teratur dengan memecahkannya menjadi gagasan-gagasan atau perkara-perkara yang tidak begitu penting. Menerapkan empat peraturan pertama dalam pembacaan analitis akan menyediakan sebahagian besar daripada maklumat yang perlu anda ketahui untuk menjawab soalan tersebut.

Oleh kerana bahagian pertama pembacaan analitis telah kita perkatakan, ada baiknya jika kita nyatakan peraturan-peraturan itu sekali lagi sebelum kita berganjak ke bab yang berikutnya pula.

1. Kenalilah jenis buku yang sedang anda baca.
2. Nyatakan dengan ringkas kesepaduan keseluruhan buku itu.
3. Senaraikan bahagian-bahagian utama buku itu, dan ikhtisarkan bahagian-bahagian tersebut sebagaimana anda mengikhtisarkan seluruh buku itu.
4. Nyatakan persoalan atau persoalan-persoalan yang cuba diselesaikan oleh pengarangnya.

Memahami Istilah-Istilah Pengarang

ANDA kini telah bersedia untuk memasuki bahagian yang berikutnya dalam pembacaan analitis, bahagian yang juga terdiri daripada empat peraturan. Yang pertama di antara peraturan-peraturan ini ada hubungannya dengan memahami istilah-istilah yang digunakan pengarang. Jika pembaca tidak memahami istilah-istilah yang digunakan pengarang, maka tidak berakulah komunikasi dari yang satu kepada yang lainnya, kerana *istilah merupakan alat bagi penyaluran pengetahuan*.

Kata-Kata dan Istilah

Suatu istilah tidaklah sekadar suatu kata. Jika istilah dan kata tidak ada bezanya, maka anda hanyalah perlu mencari kata-kata yang penting dalam sesebuah buku untuk memahami istilah-istilah pengarangnya. Akan tetapi sesuatu kata boleh mempunyai pelbagai erti, terutamanya sebuah kata yang penting. Jika pengarang menggunakan kata dengan suatu pengertian tertentu, dan pembacanya membaca dengan pengertian yang lain, maka yang disalurkan itu hanyalah perkataan, bukan pengertian. Jika

terdapat *kekaburan* dalam komunikasi, maka sebenarnya tidaklah terdapat komunikasi – jika ada pun hanyalah komunikasi yang tidak sempurna.

Komunikasi merupakan suatu upaya yang dilakukan oleh seseorang untuk berkongsi sesuatu dengan seorang yang lain. Upaya itu mencapai kejayaannya hanya dengan tercapainya pemahaman bersama. Apabila terdapat kekaburan dalam komunikasi pengetahuan, yang dapat diperkongsikan hanyalah kata-kata yang dituturkan atau ditulis oleh seseorang serta didengar dan dibaca oleh yang lainnya. Tidaklah terdapat pemahaman bersama antara penulis dan pembaca. Oleh yang demikian, untuk memungkinkan komunikasi berhasil sepenuhnya, perlulah kedua-dua pihak itu menggunakan kata-kata yang sama *dengan pengertian yang sama*. Apabila hal ini terjadi, maka berlakulah komunikasi.

Istilah adalah kata yang digunakan tanpa kekaburan. Kebanyakan kata mempunyai pelbagai pengertian, tetapi suatu kata yang mempunyai pelbagai pengertian itu dapat digunakan dengan satu pengertian pada setiap kali. Apabila si penulis dan si pembaca, pada satu ketika, dapat menggunakan kata yang tertentu dengan hanya satu pengertian, maka dalam penggunaannya yang pasti itu dapatlah si pembaca memahami si penulis.

Istilah-istilah wujud hanya sewaktu berkomunikasi. Istilah wujud tatkala seorang penulis berusaha menghindarkan kekaburan, dan seorang pembaca membantunya dengan berusaha memahami kata-kata yang digunakannya. Terdapat pelbagai peringkat kejayaan dalam upaya ini. Oleh kerana pemahaman istilah-istilah merupakan salah satu pencapaian asasi dalam seni menulis dan membaca, maka dapatlah kita menanggap istilah sebagai *penggunaan kata-kata secara mahir demi komunikasi pengetahuan*.

Sebagaimana yang mungkin telah anda jangka, yang kami perkatkan ini hanyalah para penulis dan buku-buku jenis huraian. Para penulis puisi dan karya-karya cereka tidaklah begitu

mementingkan penggunaan kata-kata pasti seperti para penulis buku-buku huraian. Dapat diujah bahawa puisi yang paling baik adalah puisi yang paling kabur, dan pernah dinyatakan, dengan agak saksama, bahawa seorang penyair seringkali dengan sengaja menjadikan puisinya kabur. Inilah salah satu perbezaan yang utama antara puisi dan cereka, dan karya huraian.

Kita kini telah sedia untuk mengemukakan peraturan yang kelima bagi pembacaan buku-buku huraian. Peraturannya demikian: *Carilah kata-kata yang penting dalam sesebuah buku, dan pastikan pengertian pengarangnya akan kata-kata itu.* Perhatikan bahawa peraturan itu mempunyai dua bahagian. Bahagian yang pertama ialah mencari kata-kata yang penting, dan bahagian yang kedua ialah memastikan makna setepatnya kata-kata tersebut, selaras dengan penggunaan pengarangnya.

Tujuan kelompok kedua dalam peraturan-peraturan pembacaan analitis bukanlah untuk menyusurgalur struktur sesebuah buku, tetapi untuk menghuraikan kandungan atau perutusannya. Tiga peraturan lagi dalam kelompok ini akan diperkatakan dalam bab berikutnya, tetapi ada dua perkara yang perlu anda lakukan: pertama, anda mestilah menganggap bahasanya semata-mata sebagai kata-kata; dan kedua, tinjauan anda mestilah melewati bahasa itu sendiri, yakni kepada pengertian istilah-istilah yang digunakan oleh pengarangnya.

Oleh kerana bahasa tidak senantiasa murni, maka komunikasi mungkin terganggu. Kata-kata mungkin mempunyai lebih daripada satu pengertian. Peraturan-peraturan kelompok kedua ini bertujuan untuk mengatasi kesukaran tersebut. Kita dapat mengharapkan seorang penulis yang baik berusaha keras membantu pemahaman kita, tetapi kita tidaklah harus menyerahkan segala-galanya kepadanya. Sebagai pembaca kita mestilah membantunya. Apakah pemahaman tercapai bergantung pada apakah si pembaca dan si penulis telah sama-sama berusaha.

Mencari Kata-Kata yang Penting

Kita kini bersedia untuk memperkatakan peraturan yang memerlukan si pembaca memahami istilah-istilah yang digunakan oleh pengarang. Bagaimanakah usaha ini dilakukannya? Bagaimanakah dia mencari kata-kata yang penting dalam sesebuah buku?

Satu hal dapat kita pastikan. Bukan semua kata yang digunakan pengarang merupakan kata penting. Hanya kata-kata yang digunakannya dengan cara yang istimewa merupakan kata penting baginya dan bagi kita sebagai pembaca. Yang penting kita perhatikan ialah setengah-setengah kata dalam sesebuah buku itu lebih penting daripada kata-kata lainnya. Oleh kerana kebanyakan kata yang digunakan oleh pengarang merupakan kata-kata yang didengar oleh pembaca dalam perbualan sehari-hari, maka tidaklah ada masalah yang timbul. Si pembaca sudah biasa dengan kekaburan ertinya dan telah mengenal kelainan-kelainan ertinya dari satu ayat ke ayat yang lain.

Namun demikian, tidaklah harus kita lupakan bahawa pada waktu-waktu lain dan di tempat-tempat lain, beberapa kata biasa tidak begitu meluas penggunaannya seperti pada waktu kini. Sewaktu membaca buku-buku yang ditulis pada zaman silam, kata-kata yang digunakan pengarangnya mungkin lebih sukar dikenali kerana kata-kata itu lebih biasa bagi orang-orang pada tempat dan waktu tertulisnya buku itu. Namun demikian, kebanyakan kata dalam sebarang buku dapat dibaca seolah-olah kata-kata itu merupakan kata-kata yang kita gunakan sewaktu berbual-bual dengan teman-teman pada waktu ini.

Anda tidak akan dapat menemukan kata-kata penting itu tanpa berusaha memahami ayat-ayat yang mengandungi kata-kata itu. Jika anda tidak memahami ayat-ayat itu sepenuhnya, maka hal itu mungkin disebabkan oleh anda tidak mengetahui erti beberapa kata yang digunakan oleh pengarangnya. Jika anda menandakan

kata-kata yang menimbulkan masalah itu, maka mungkin anda akan dapati bahawa itulah kata-kata yang digunakan oleh pengarangnya dengan cara yang istimewa. Anda tentu tidak akan menghadapi sebarang masalah dengan kata-kata yang digunakan oleh pengarangnya secara biasa.

Oleh yang demikian, bagi anda sebagai pembaca kata-kata yang paling penting adalah *kata-kata yang menimbulkan masalah*. Besar kemungkinannya bahawa kata-kata itulah juga yang penting bagi pengarangnya.

Mungkin juga kata-kata yang penting bagi pengarangnya itu tidak menimbulkan sebarang masalah bagi anda. Dengan yang demikian, anda telah memahami istilah-istilah yang digunakan pengarang. Hanya apabila anda tidak dapat memahami pengarang maka anda diperlukan melakukan usaha yang lebih.

Kata-Kata Khas dan Kosa Kata Khas

Terdapat pelbagai cara lain untuk mencari kata-kata penting dalam sesebuah buku. Cara yang pertama dan paling mudah ialah mengamati penggunaan khas yang mungkin dilakukan oleh pengarang terhadap kata-kata tertentu, berbeza daripada kata-kata lainnya.

Misalnya, sesuatu kata itu mungkin dicetak secara yang berlainan daripada kata-kata lain, atau si pengarang mungkin membincangkan erti-ertinya yang berlainan dan memperkatakan pengertian yang digunakannya. Dan jika seorang pengarang berbantah dengan penulis-penulis lain tentang makna sesuatu kata, serta menyatakan bagaimana mereka telah menggunakan kata tersebut, dan mengapa ia memutuskan untuk menggunakannya dengan pengertian yang lain, maka dapatlah anda memastikan bahawa kata itu penting baginya.

Setiap bidang mempunyai kosa katanya yang tersendiri. Setengah-setengah pengarang sejak semula menghuraikan kosa

katanya yang khas itu, namun selalunya pembacalah yang harus menemukannya sendiri.

Jika si pengarang tidak menyatakan kata-kata tersebut, maka si pembaca mungkin dapat mengenalpasti kata-kata itu melalui sedikit pengetahuan tentang bidang itu. Jika dia tahu serba sedikit tentang ekonomi sebelum mulai membaca *The Wealth of Nation* oleh Adam Smith, misalnya, maka tidaklah begitu sukar baginya mengenalpasti kata-kata khas itu. Dalam hal ini peraturan menganalisa struktur sebuah buku mungkin dapat membantu. Jika anda tahu jenis bukunya, apa yang diperkatakannya secara keseluruhan, dan apakah bahagian-bahagiannya yang utama, tidaklah begitu sukar anda mengasingkan kosa kata khasnya daripada kata-kata biasa. Judul, daftar kandungan, dan prakata yang dikemukakan pengarang mungkin berguna bagi tujuan ini.

Sebagaimana yang anda lihat, perkataan 'kekayaan' (*wealth*), misalnya, mempunyai pengertian yang khas bagi Adam Smith, dan anda akan segera dapat membuat senarai kata penting lain yang digunakannya, seperti buruh, keuntungan, gaji, wang, harga, dan penghasilan.

Jika sesuatu bidang itu mempunyai kosa kata yang khas, seperti dalam ekonomi misalnya, tugas mengenalpasti kata-kata penting itu tidaklah sukar. Anda dapat mengenalnya mungkin kerana anda tahu serba sedikit tentang bidang itu atau kerana kata-kata tersebut agak luar biasa dan, dengan yang demikian, tentunya khas bagi bidang itu. Namun demikian, terdapat pelbagai bidang yang tidak mempunyai kosa kata yang baku.

Umpamanya, para ahli falsafah sering mempunyai kosa kata yang bersifat peribadi. Kadangkala mereka mencipta kata-kata baharu atau menjadikan kata-kata khas dari kata-kata biasa dengan memberikan erti khas kepadanya. Kaedah yang terakhir ini akan menimbulkan masalah bagi pembaca yang menyangka bahawa dia tahu erti kata tersebut lalu menganggapnya seolah-olah seperti

kata biasa. Namun demikian, kebanyakan pengarang yang baik mengingatkan para pembacanya jika sekiranya mereka menggunakan kata-kata biasa dengan pengertian yang khas.

Sejumlah kata-kata yang agak terbatas bilangannya yang menyatakan gagasan-gagasan utama seseorang pengarang itu merupakan kosa katanya yang khas. Kata-kata itu merupakan kata-kata penting dalam pengutaraan hujahnya, dan merupakan kata-kata yang paling penting baginya. Kata-kata itu juga sepatutnya penting bagi anda sebagai pembaca, dan demikianlah pula halnya sebarang kata lain yang pengertiannya tidak jelas bagi anda.

Jika anda membaca sebuah buku yang dapat meningkatkan pemahaman anda, beberapa kata yang terdapat di dalamnya mungkin sukar anda fahami. Jika anda menganggapnya semata-mata sebagai kata-kata biasa, seperti kata-kata yang anda temui dalam rencana suratkhbar, maka tidaklah anda mencapai sebarang kemajuan. Pemahaman anda tidak akan meningkat jika anda tidak berusaha mempelajari erti istilah-istilah yang digunakan oleh pengarang.

Mencari Makna

Mengenalpasti kata-kata penting itu hanyalah permulaan tugas anda. Usaha itu hanyalah menunjukkan kepada anda tempat-tempat di dalam buku yang memerlukan usaha yang lebih dari anda. Terdapat satu bahagian lagi daripada peraturan kelima pembacaan ini. Sekarang marilah kita perkatakan bahagian itu. Katakanlah anda telah menandakan kata-kata yang menimbulkan masalah. Apa pula langkah berikutnya?

Terdapat dua kemungkinan utama. Si pengarang menggunakan kata-kata tersebut dengan satu pengertian sahaja setiap kali, atau dia menggunakannya dengan dua atau lebih pengertian, yang bertukar-tukar dari setempat ke setempat. Dalam hal yang

pertama, kata itu merupakan satu istilah. Dalam hal yang kedua, kata itu mewakili pelbagai istilah.

Berdasarkan kemungkinan-kemungkinan ini, cubalah pastikan apakah sesuatu kata itu mempunyai satu atau pelbagai makna. Jika terdapat pelbagai makna, cubalah cari hubungan antara makna-makna itu. Selain itu, pastikan tempat-tempat kata itu digunakan dengan salah satu pengertian tersebut, dan lihatlah apakah ayat yang mengandungi kata tersebut dapat menjelaskan sebab bagi perubahan makna itu. Hal ini akan memudahkan anda mengikuti perencanaan pengarangnya.

Akan tetapi, anda mungkin bertanya: Bagaimanakah seseorang dapat mengetahui makna-makna tersebut? Jawapannya ialah bahawa *anda dapat menemukan makna sesuatu kata yang tidak anda fahami berdasarkan makna semua kata lain yang anda fahami, yang terdapat di sekitarnya*. Inilah sahaja caranya, betapa pun sukar kelihatannya cara itu. Kebanyakan kata-kata dalam sesebuah buku yang anda baca merupakan kata-kata yang dikenali. Kata-kata itu terdapat di sekitar kata-kata yang sukar itu, dan mempengaruhi serta mendatangkan kesan tertentu terhadap kata-kata yang sukar difahami itu. Dengan menggunakan kata-kata sekitaran itu, anda mempunyai segala bahan yang diperlukan untuk mencari makna kata-kata yang tidak anda fahami.

Kami sama sekali tidak menyatakan bahawa tugas ini mudah. Kami sekadar menekankan bahawa usaha tersebut tidaklah mustahil dilaksanakan. Jika usaha ini mustahil, maka tidak akan dapat seseorang itu membaca buku untuk memperoleh pemahaman. Hakikat bahawa anda dapat mempelajari sesuatu dari sebuah buku menunjukkan bahawa buku itu mungkin mengandungi kata-kata yang tidak anda fahami dengan mudah. Jika anda tidak dapat mempelajari makna kata-kata tersebut dengan usaha anda sendiri, maka jenis pembacaan yang kami huraikan itu tidaklah mungkin dilaksanakan. Tidakkah dapat kita bergerak dari kurang pemahaman

kepada lebih pemahaman semata-mata dengan membaca sebuah buku.

Tidaklah terdapat satu kaedah sahaja bagi melaksanakan usaha ini. Setiap satu kata baharu yang anda pelajari akan menjadikan perkataan berikutnya lebih mudah dipelajari. Anda akan melakukan kesilapan, namun sambil anda menyelesaikan pembacaan buku itu, anda akan menyedari kesilapan itu lalu membetulkannya. Jika buku itu merupakan buku yang baik, maka istilah-istilah yang digunakan oleh pengarangnya tidaklah kabur, dan anda akan dapat memahaminya dengan sedikit usaha sahaja. Dalam hal ini, seperti dalam peraturan-peraturan pembacaan yang lainnya, buku-buku yang jelek penulisannya tidaklah seenak buku-buku yang baik penulisannya untuk dibaca. Jika si pengarang menggunakan kata-kata dengan cara yang kabur, maka tidaklah dapat anda memahami apa yang cuba dinyatakannya. Yang anda ketahui hanyalah bahawa maksudnya tidaklah disampaikan dengan jelas.

Haruslah diingat bahawa satu kata dapat mewakili pelbagai istilah. Sesuatu kata yang mempunyai pelbagai makna boleh digunakan dengan salah satu pengertiannya atau lebih daripada satu pengertian. Misalnya, kata 'membaca' mungkin bermakna membaca sebarang jenis buku, atau mungkin bererti membaca sebuah buku untuk petunjuk dan bukannya hiburan, atau membaca untuk kefahaman dan bukannya makluman. Dengan kata-kata lain, jika terdapat hubungan di antara makna-maknanya, maka satu kata sahaja dapat mewakili semua makna, sebahagian daripadanya, atau satu makna sahaja setiap kali kata itu digunakan. Jika makna perkataan itu jelas setiap kali digunakan, maka kata yang digunakan itu merupakan satu istilah.

Selalunya, seorang penulis yang baik tidaklah menggunakan kata yang sama berulang kali. Sebaliknya, dia akan menggunakan kata-kata yang berlainan, dengan makna yang sama atau berlainan,

sebagai kata-kata penting dalam bukunya. Dalam hal ini, satu istilah diwakili oleh dua atau lebih kata yang mempunyai makna yang sama. Hal ini amatlah penting diperhatikan. Jika anda menyangka bahawa setiap kali si pengarang menukar kata-katanya dia juga menukar istilahnya, anda sebenarnya melakukan kesalahan yang sama besarnya dengan menyangka bahawa setiap kali dia menggunakan kata yang sama istilahnya tidak berubah.

Satu frasa mungkin juga merupakan satu istilah, dan segala bentuk hubungan yang terdapat di antara kata-kata dan istilah berlaku juga antara istilah dan frasa. Dua frasa mungkin menyatakan istilah yang sama, dan satu frasa mungkin pula menyatakan pelbagai istilah. Biasanya, suatu frasa tidaklah begitu berkemungkinan untuk bersifat kabur seperti suatu kata. Oleh kerana suatu frasa merupakan satu kelompok kata-kata yang saling berhubungan, seperti frasa 'pembacaan untuk pemahaman', maka tiap satu kata dalam frasa itu telah dibatasi maknanya. Oleh sebab itulah seorang penulis mungkin menggunakan frasa yang dibentuk dengan teliti, bukannya satu kata, jika ia hendak memastikan bahawa anda memahami maksudnya.

Anda akan mendapati bahawa kefahaman anda terhadap sesebuah buku itu akan meningkat dengan tinggi jika anda berusaha mengenalpasti kata-kata dan frasa-frasa penting di dalamnya, dan kemudian berusaha mengetahui maknanya dan memahami istilah-istilah yang digunakan oleh pengarangnya. Tidak sering perubahan yang begitu kecil terhadap tabiat pembacaan mendatangkan kesan yang begitu besar.

Memastikan Mesej Pengarang

DALAM buku jenis huraian, seringkali si pengarang memberitahu kita tujuan bukunya dalam prakatanya. Biasanya, dia berjanji akan mengajar kita tentang sesuatu. Untuk mengetahui apakah seseorang pengarang itu memenuhi janjinya, perlulah kita mencari pernyataan pandangannya (*proposition*).

Pernyataan pandangan dalam sebuah buku merupakan satu pengucapan, satu pernyataan tentang sikap pengarangnya tentang sesuatu. Dia mengutarakan sesuatu yang dianggapnya benar, atau tidak benar. Dia menyatakan sesuatu itu sebagai hakikat. Biasanya, si pembaca perlulah memahami istilah-istilah yang digunakan oleh si pengarang sebelum dapat difahaminya pandangan yang dinyatakan oleh pengarang itu, yakni apakah sikap yang diutarakannya. Oleh kerana itulah peraturan kelima dalam pembacaan analitis, yang telah kita perkatakan dalam bab yang lalu, ada hubungannya dengan kata-kata dan istilah, sedangkan peraturan yang keenam pula ada hubungannya dengan ayat-ayat dan pernyataan pandangan.

Peraturan yang ketujuh rapat hubungannya dengan peraturan yang keenam. Si pengarang mungkin jujur dalam kenyataan-

kenyataan yang dibuatnya tentang fakta atau pengetahuan, dan kita selalunya mengandaikan demikian. Melainkan jika kita hanya berminat akan keperibadian si pengarang, kita sepatutnya tidaklah berpuas hati dengan sekadar mengetahui pendapatnya. *Pernyataan pandangannya tidak lebih daripada pengucapan pendapat peribadinya, melainkan dia mengemukakan hujah-hujah bagi pandangannya itu.* Jika buku itu dan bidang yang diperkatakannya dan bukan semata-mata peribadi pengarangnya yang sebenarnya menarik minat kita, maka yang ingin kita ketahui bukanlah sekadar pernyataan pandangannya tetapi juga alasannya menghendaki kita menerima pandangannya itu.

Oleh yang demikian, peraturan yang ketujuh ada hubungannya dengan pelbagai jenis hujah. Terdapat pelbagai macam alasan, dan pelbagai cara penakulan. Kadangkala dapat dihujah bahawa sesuatu itu benar, namun kadangkala yang dapat dinyatakan ialah bahawa sesuatu itu mungkin benar. Namun demikian, setiap jenis hujah terdiri daripada sejumlah kenyataan yang saling berhubung-menurut cara tertentu. Hal ini dikatakan sekian kerana sekian. Di sini, perkataan 'kerana' itu menunjukkan bahawa ada alasan dikemukakan. Antara kata-kata lain yang menunjukkan terdapatnya hujah adalah: *jika hal ini benar, maka...*; atau, *oleh kerana itu, maka...*; atau, *oleh yang demikian, maka*

Suatu hujah biasanya terdiri daripada satu gugusan atau satu rentetan kenyataan yang menjadi alasan bagi satu kesimpulan.

Oleh yang demikian, satu himpunan ayat diperlukan untuk menyatakan sesuatu hujah. Asas, atau prinsip, sesuatu hujah itu tidak semestinya senantiasa dinyatakan terlebih dulu, namun demikian dari asas itulah berkembangnya suatu kesimpulan. Jika hujahnya jitu, maka kesimpulannya selaras dengan asas persoalannya. Namun ini tidaklah bererti bahawa kesimpulan tersebut benar, kerana salah satu atau semua asas yang melahirkan kesimpulan itu mungkin sahaja palsu.

Kita telah beralih daripada istilah kepada pernyataan pandangan kepada hujah secara peralihan daripada kata-kata atau frasa kepada ayat kepada himpunan ayat-ayat, atau *perenggan*. Unsur terkecil yang bermakna dalam sesebuah buku adalah kata. Memanglah benar, tetapi tidaklah memadai, jika dikatakan bahawa sebuah buku terdiri daripada kata-kata. Buku juga terdiri daripada kelompok-kelompok kata, dan juga kelompok-kelompok ayat. Pembaca yang aktif tidak sekadar memberikan perhatian pada kata-kata dan kelompok-kelompok kata tetapi juga pada ayat-ayat dan kelompok-kelompok ayat. Tidaklah ada cara lain untuk menemukan istilah-istilah, pernyataan pandangan dan hujah-hujah pengarangnya.

Sewaktu meneliti struktur sebuah buku, kita bermula dengan keseluruhan buku dan kemudian membahagi-bahagikan pada pelbagai bahagiannya. Bahagian-bahagian utama sebuah buku mengandungi sejumlah pernyataan pandangan dan biasanya beberapa hujah. Akan tetapi, jika anda terus membahagikan buku itu kepada bahagian-bahagian, akhirnya anda pasti akan berkata: 'Dalam bahagian ini, pernyataan yang berikut dikemukakan'. Setiap satu kenyataan ini berkemungkinan merupakan satu pernyataan pandangan, dan sebahagian daripadanya bila dihubungkan di antara satu dengan lainnya, mungkin pula membentuk satu hujah.

Demikianlah, kedua-dua proses tersebut, yakni membuat ikhtisar dan memahami, berpadu pada peringkat pernyataan pandangan dan hujah. Anda menemukan pernyataan pandangan dan hujah-hujah dengan membahagikan buku pada beberapa bahagian. Anda juga menemukan hujah-hujah dengan mengkaji bagaimana hujah-hujah itu dibentuk daripada pernyataan-pernyataan pandangan dan istilah-istilah. Setelah selesai melaksanakan dua langkah ini, dapatlah anda menyatakan bahawa anda sebenarnya mengetahui kandungan sesebuah buku itu.

Ayat-Ayat dan Pernyataan Pandangan

Sama seperti peraturan tentang kata-kata dan istilah-istilah, dalam bab ini juga kita memperkatakan tentang hubungan di antara bahasa dan pemikiran. Ayat-ayat merupakan bahagian daripada bahasa, dan pernyataan pandangan merupakan bahagian daripada pemikiran dan pengetahuan.

Bukan sahaja satu ayat dapat mengucapkan beberapa pernyataan pandangan, tetapi juga satu pernyataan pandangan dapat pula diucapkan oleh dua atau lebih ayat. Bukan setiap ayat dalam sebuah buku mengucapkan pernyataan pandangan. Setengah-setengah ayat mengemukakan soalan; ayat-ayat itu menyatakan persoalan, bukannya jawapan. *Pernyataan pandangan merupakan jawapan terhadap persoalan.* Pernyataan-pernyataan itu merupakan pengutaraan pengetahuan atau pendapat. Ayat-ayat yang lain pula menyatakan harapan atau tujuan. Ayat-ayat itu memberikan sedikit gambaran tentang rancangan pengarangnya, tetapi tidak menyerlahkan pengetahuan yang hendak dikemukakan-nya.

Satu ayat mungkin dapat mengucapkan pernyataan-pernyataan pandangan yang berlainan, jika terdapat perubahan pada istilah yang disalurkan oleh kata-katanya. Misalnya, 'Pembacaan adalah pembelajaran' merupakan sebuah ayat yang mudah; namun jika di suatu tempat 'pembelajaran' bererti memperoleh maklumat dan di tempat lain pula bererti mempertingkatkan pemahaman, maka pernyataan pandangannya tidaklah lagi sama: kesan istilahnya telah berubah. Namun ayatnya masih juga yang sama.

Bukan semua ayat semudah ayat 'Pembacaan adalah pembelajaran' itu. Apabila kata-katanya digunakan dengan cara yang jelas, sebuah ayat mudah biasanya mengucapkan satu pernyataan pandangan. Namun demikian, ayat-ayat lain sesungguhnya merupakan satu himpunan ayat-ayat yang dihubungkan oleh

kata-kata seperti 'dan' atau 'jika ... maka' atau 'bukan sahaja ... tetapi juga'. Ayat-ayat yang demikian itu dapat mengucapkan sejumlah pernyataan pendapat yang saling berhubungan menjadi suatu hujah. Ayat-ayat tersebut mungkin sukar dimengerti, tetapi tanpa mengenalpasti setiap pernyataan pandangan yang berlainan itu, tidaklah mungkin anda mempertimbangkan pernyataan pengarang itu dengan saksama.

Telah cukup meluas kita perkatakan tentang apa yang kita maksudkan dengan perbezaan antara ayat dan pernyataan pandangan, dan kini akan kita perkatakan pula peraturan-peraturan yang berikutnya. Namun demikian, haruslah diingat bahawa peraturan-peraturan baru ini, seperti peraturan-peraturan bagi memahami istilah-istilah pengarang, pada asasnya adalah untuk buku-buku jenis huraian.

Mencari Ayat-Ayat Terpenting

Peraturan pembacaan yang keenam adalah: *Tandakan ayat-ayat yang paling penting dalam sesebuah buku, dan pastikan pernyataan-pernyataan pandangan yang terkandung di dalamnya.* Bagaimanakah dapat kita mengenalpasti ayat-ayat yang terpenting itu? Selain itu, bagaimanakah pula dapat kita menemukan pernyataan, atau pernyataan-pernyataan pandangan yang terkandung di dalamnya?

Kebanyakan ayat dalam sesebuah buku, seperti kebanyakan kata-kata, tidak akan menimbulkan sebarang kesukaran pada anda, dan anda dapat membacanya dengan agak cepat. Sebagai pembaca, yang penting bagi anda adalah ayat-ayat yang menuntut usaha untuk memahaminya, kerana sewaktu membaca buat kali pertamanya ayat-ayat itu tidaklah jelas. Anda memahaminya secukupnya untuk menyedari bahawa anda perlu memahaminya dengan lebih mendalam. Ayat-ayat itu anda baca dengan lebih perlahan dan lebih teliti jika dibandingkan dengan ayat-ayat lainnya. Ayat-ayat tersebut mungkin bukan ayat-ayat yang terpenting bagi pengarangnya,

namun mungkin juga demikian, kerana besar kemungkinannya anda mengalami kesukaran paling besar bagi memahami perkara-perkara terpenting yang diucapkan oleh pengarang.

Bagi pengarang pula, ayat-ayat yang terpenting adalah ayat-ayat yang menyatakan sikap yang menjadi asas bagi keseluruhan hujahnya. Biasanya, sebuah buku tidak sekadar terdiri daripada satu kenyataan mudah tentang suatu hujah, atau satu rentetan hujah-hujah. Si pengarang mungkin menghuraikan bagaimana ia tiba pada kesimpulannya, atau mengapa ia berpendapat bahawa kesimpulan-kesimpulannya itu penting. Dia mungkin memperkatakan tentang kata-kata yang terpaksa digunakannya. Dia mungkin menyebut tentang karya-karya orang lain. *Namun demikian, kesimpulan-kesimpulannya dan alasan-alasan yang dikemukakanannya bagi kesimpulan-kesimpulan itulah yang merupakan bahagian-bahagian yang paling penting dalam bukunya.*

Setengah-setengah pengarang membantu anda mencari ayat-ayat yang utama, baik secara menyatakan ayat-ayat yang penting mahupun secara mencetak ayat-ayat itu dengan gaya yang khas. Namun demikian, seringkali pembaca sendirilah yang mesti mencari ayat-ayat itu. Pelbagai cara dapat dilakukan. Salah satu caranya telah kita sebut. Jika si pembaca sedar akan perbezaan di antara bahagian-bahagian yang dapat difahaminya dengan cepat dengan bahagian-bahagian yang sukar difahami, maka mungkin dia akan dapat mengenalpasti ayat-ayat yang paling bererti. Mungkin anda mulai sedar tentang betapa pentingnya *merasa bingung dan menyedari bahawa anda sedang kebingungan*. Jika anda tidak pernah menyoal diri sendiri sebarang soalan tentang makna sesuatu ayat, maka tidaklah dapat anda mengharap buku itu memberi sebarang pengetahuan baru kepada anda.

Jika anda telah menandakan kata-kata yang penting, maka kata-kata itu akan mengarahkan pandangan anda kepada ayat-ayat yang sepatutnya dikaji dengan lebih mendalam. Namun demikian,

anda mungkin mendapati bahawa beberapa kata akan anda tandai hanya setelah anda merasa bingung akan makna sesuatu ayat. Kadangkala istilahnya yang anda ketemukan terlebih dulu, dan kadangkala pernyataan pandangannya pula. Jika anda tahu akan istilah yang dinyatakan oleh kata-kata itu, maka anda akan memahami pernyataan pandangan dalam ayat tersebut; dan jika anda memahami pernyataan pandangannya, maka anda juga akan memahami istilah-istilahnya.

Pernyataan-pernyataan pandangan yang utama dalam sesebuah buku semestinya terkandung dalam hujah-hujahnya yang utama. Pernyataan-pernyataan itu semestinya merupakan asas atau kesimpulan hujah-hujah tersebut. Oleh yang demikian, jika anda dapat mengenalpasti ayat-ayat yang tampaknya membentuk satu rentetan, yakni satu rentetan yang mempunyai permulaan dan akhiran, mungkin anda telah menemukan ayat-ayat yang penting.

Suatu hujah merupakan suatu urutan pemikiran. Dengan kenyataan ini kita maksudkan bahawa hujah itu mungkin bermula dengan kenyataan yang sebenarnya merupakan kesimpulan dan kemudiannya mengemukakan alasan-alasan bagi kesimpulan itu. Atau, hujah itu mungkin bermula dengan alasan-alasan dan beralih ke arah kesimpulan. Namun demikian, betapa pun urutannya, hujah itu mempunyai permulaan dan akhiran. Banyak orang menyangka bahawa mereka tahu cara membaca, kerana mereka membaca dengan kadar yang berbeza-beza. Namun ayat-ayat yang mereka baca dengan perlahan-lahan itu *bukanlah ayat-ayat yang sepatutnya dibaca demikian*. Mereka berhenti sejenak apabila terdapat ayat-ayat yang menarik minat, bukannya sewaktu terdapat ayat-ayat yang membingungkan. Inilah salah satu masalah yang dihadapi sewaktu membaca buku yang ditulis beberapa tahun yang lalu. Semua buku lama mengandungi fakta-fakta yang agak memeranjatkan, kerana perbezaannya daripada apa yang kita ketahui hari ini. Akan tetapi, sewaktu membaca untuk

pemahaman bukanlah fakta-fakta jenis itu yang anda cari. Minat anda terhadap si pengarang, atau terhadap bahasanya, atau terhadap zaman waktu dia menulis merupakan hal yang sama sekali lain daripada tujuan anda untuk memahami gagasan-gagasannya. Peraturan-peraturan yang kita perkatakan ini dapat membantu anda melaksanakan tujuan memahami gagasan tersebut, bukannya minat anda akan hal-hal yang lain itu.

Mencari Pernyataan-Pernyataan Pandangan

Andaikan bahawa anda telah menemukan ayat-ayat yang penting. Setelah itu, perlu pula anda menemukan pernyataan, atau pernyataan-pernyataan, pandangan yang terkandung dalam setiap satu ayat tersebut. Dengan kata-kata lain, ini bermaksud bahawa anda mestilah mengetahui makna ayat tersebut. Anda mengenalpasti istilah dengan memastikan makna sesuatu kata daripada caranya kata itu digunakan dalam sesuatu ayat. Demikian pula, anda mengenalpasti pernyataan-pernyataan pandangan dengan mengetahui makna semua kata dalam ayat itu, terutamanya kata-kata yang asas.

Terdapat hanya dua perbezaan di antara mencari istilah-istilah yang diucapkan oleh kata-kata dan pernyataan-pernyataan pandangan yang diucapkan oleh ayat. Bagi pernyataan pendapat, lebih banyak bahan anda gunakan. Anda menggunakan ayat-ayat di sekitarnya untuk memahami ayat yang diperkatakan, seperti juga anda menggunakan kata-kata di sekitarnya untuk membantu anda memahami kata tertentu. Dalam kedua-dua hal ini, anda bergerak dari sesuatu yang anda fahami ke arah perlahan-lahan memahami sesuatu yang pada mulanya tidak anda fahami.

Satu perbezaan lagi ialah bahawa setengah-setengah ayat mengucapkan lebih daripada satu pernyataan pandangan. Anda hendaklah mencari semua pernyataan pandangan yang berlainan,

tetapi mungkin saling berhubungan, dalam setiap ayat yang penting. Dengan latihan, anda akan semakin mahir melakukannya.

Ujian yang paling baik untuk mengetahui apakah anda telah memahami sesuatu pernyataan pandangan dalam sesebuah ayat ialah apakah anda dapat menyatakan pernyataan pandangan itu dengan kata-kata anda sendiri. Jika sewaktu diminta menghuraikan maksud pengarang dalam ayat tertentu anda hanya mampu mengulang kata-katanya, dengan beberapa perubahan kecil pada susunan kalimat, maka anda mungkin tidak faham akan maksudnya. Anda sepatutnya dapat menyatakan hal yang sama dengan kata-kata yang sama sekali lain. Jika anda tidak dapat berbuat demikian, maka yang telah tersalur kepada anda daripada pengarang hanyalah kata-kata, bukannya pemikiran atau pengetahuan. Yang anda selami hanyalah kata-katanya, bukan akal budinya. Dia mencuba menyalurkan pengetahuan, dan yang anda perolehi hanyalah kata-kata.

Pengarang sendiri mungkin mengucapkan pernyataan pandangan yang sama dengan kata-kata yang berbeza-beza dalam tulisannya. Seorang pembaca yang tidak memahami pernyataan pandangan itu pada kali pertamanya mungkin akan menganggap pengucapan kali keduanya sebagai pernyataan pandangan yang sama sekali baru.

Pengarang yang berlainan sering kali menyatakan hal yang sama dengan kata-kata yang berbeza, atau menyatakan hal-hal yang berlainan dengan kata-kata yang hampir sama. Pembaca yang tidak dapat melewati soal bahasa untuk menyelami persoalan istilah dan pernyataan pandangan, tidak mungkin akan dapat membandingkan gagasan-gagasan yang dikemukakan oleh pelbagai pengarang. Berdasarkan perbezaan dalam kata-kata yang digunakan, si pembaca itu mungkin menyangka bahawa para pengarang itu berbeza pendapat, atau dia mungkin tidak menyedari perbezaan-perbezaan yang penting antara mereka

semata-mata kerana terdapat persamaan kata dalam pengucapan mereka.

Bagi kebanyakan pernyataan pandangan yang bukan jenis sains, terdapat satu ujian lagi untuk memastikan apakah anda faham akan ayat yang anda baca. Dapatkah anda mengemukakan satu pengalaman peribadi yang dihuraikan oleh pernyataan itu, atau yang dapat dihubungkan dengannya? Dapatkah anda kemukakan satu peristiwa khusus berdasarkan hakikat umum yang telah dinyatakan oleh pengarang itu? Mengandaikan satu keadaan yang mungkin terjadi seringkali sama nilainya dengan menyatakan sesuatu yang benar-benar terjadi. Jika anda tidak dapat membayangkan suatu contoh yang benar-benar terjadi mahupun yang diandaikan, maka mungkin anda tidak memahami apa yang diperkatakan.

Pernyataan pandangan ada hubungannya dengan alam yang kita diami ini. Jika anda tidak membuktikan bahawa anda tahu serba sedikit tentang fakta-fakta yang diperkatakan oleh pernyataan itu, maka yang anda tanggap itu hanyalah kata-kata, bukan pemikiran atau pengetahuan.

Mencari Hujah-Hujah

Telah cukup lama kita memperkatakan tentang pernyataan-pernyataan pandangan. Marilah kini kita perikatakan peraturan ketujuh pembacaan analitis: *Carilah hujah-hujah asas dalam buku itu dengan mencari ayat-ayat yang mengandungi pernyataan-pernyataan pandangan, dan hubungkanlah ayat-ayat sehingga menjadi hujah-hujah.*

Suatu hujah merupakan satu rentetan pernyataan-pernyataan pandangan, dengan sebahagian daripadanya mengemukakan alasan atau merupakan pengenalan kepada pernyataan-pernyataan atau hujah-hujah lainnya. Satu hujah boleh dinyatakan dalam satu ayat

yang panjang lagi sukar, atau boleh pula dinyatakan dalam sebilangan ayat-ayat yang hanya merupakan satu bahagian daripada satu perenggan. Tugas anda adalah mencari ayat-ayat yang mengandungi pernyataan-pernyataan pandangan itu lalu menghimpunkannya dalam satu rentetan yang mengutarakan hujah tersebut.

Biasanya, para pengarang membantu pembacanya dengan mengemukakan hujah-hujahnya secara jelas. Pengarang karya huraian yang baik mencuba menyerlahkan, bukan menyembunyikan, pemikirannya, namun bukan semua pengarang melakukannya dengan cara yang sama. Ada kalanya, anda perlu meneliti seluruh bab untuk mencari ayat-ayat yang akan disusun menjadi pengutaraan satu hujah tertentu. Jika buku itu tidak ditulis dengan baik, sebahagian daripada hujahnya mungkin hilang. Kadangkala, bahagian yang hilang itu tidak menyebabkan sebarang kecacatan, kerana penggantinya dapat diperolehi daripada pengetahuan biasa para pembaca. Namun demikian, ada kalanya pula bahagian yang hilang itu melahirkan kesimpulan-kesimpulan yang salah.

Dalam sebuah buku yang baik, sering anda temui kenyataan ringkas tentang hujah-hujah tersebut pada akhir sesuatu bab atau bahagian. Dalam keadaan yang demikian, dapatlah anda kembali ke halaman-halaman sebelumnya dan mencari bahan-bahan yang digunakan pengarangnya untuk menyediakan kenyataannya itu. Jika anda telah meneliti buku itu sebelum mulai membacanya secara analitis, anda tentulah telah tahu tentang kewujudan kenyataan-kenyataan tersebut; dan jika demikian, di mana letaknya.

Apakah buku itu baik atau tidak, tanggungjawab anda sebagai pembaca tidaklah berbeza. Jika buku itu mengandungi hujah-hujah, maka anda mestilah mengetahui hujah-hujah itu, dan dapat menyatakannya dengan ringkas. Kadangkala, sesuatu hujah itu merupakan bahagian daripada hujah lain yang lebih besar. Sesuatu perkara mungkin dibuktikan dan digunakan pula untuk

membuktikan hal yang lain. Namun demikian, setiap satunya merupakan satu hujah yang tersendiri. Jika anda dapat menemukan hujah-hujah yang tidak begitu penting ini, maka mungkin tidak akan terlepas hujah-hujah yang penting.

Anda tidak memerlukan sebarang kebolehan yang istimewa bagi membaca buku yang dikarang untuk pembaca umum. Jika anda menggunakan akal budi sewaktu membaca, serta memahami istilah-istilah pengarangnya dan menemukan pernyataan-pernyataan pandangannya, maka anda akan dapat mengenal hujah-hujahnya.

Ada beberapa perkara yang dapat kami nyatakan yang mungkin membantu anda mematuhi peraturan membaca ini. Pertama, ingatlah bahawa setiap hujah meliputi sebilangan kenyataan. Sebahagian daripada kenyataan-kenyataan itu merupakan alasan-alasan mengapa anda harus menerima kesimpulan yang akan dikesimpulkan oleh pengarangnya. Jika anda menemukan kesimpulannya terlebih dulu, carilah alasan-alasannya. Jika anda menemui alasan-alasannya terlebih dulu, perhatikanlah kesimpulannya.

Kedua, perhatikan perbezaan di antara jenis hujah yang menggunakan satu atau lebih fakta yang khusus sebagai dalil bagi kesimpulan umum yang tertentu, dan jenis yang mengemukakan satu rentetan kenyataan-kenyataan umum untuk membuktikan kesimpulan umum selanjutnya. Anda akan dapati bahawa perbezaan ini tercatat dalam karya-karya sains, dengan sebahagian daripada pernyataannya dibuktikan berdasarkan penaakulan. Misalnya, Galileo dalam bukunya *Two New Sciences*, menyebut tentang penggunaan ujikaji untuk membuktikan benarnya kesimpulan yang terlebih dulu telah dibuktikan dengan matematik. Kadangkala, pernyataan-pernyataan memang dapat dibuktikan dengan kedua-dua cara, yakni dengan penaakulan daripada hakikat-hakikat umum lainnya dan dengan mengemukakan dalil-dalil ujikaji. Kadangkala, hanya satu kaedah berhujah sahaja yang dapat digunakan.

Ketiga, perhatikan perkara-perkara yang didakwa oleh pengarang terpaksa diandaikannya, perkara yang katanya dapat dibuktikan, dan perkara yang tidak perlu dibuktikan, kerana kebenarannya tidak lagi dipersoal oleh sesiapa. Pengarang itu mungkin dengan jujur mencuba menyatakan kepada anda segala andaianya, atau dengan tidak kurang jujurnya juga, membiarkan anda sendiri mencari andaian itu. Bukan segala hal dapat dibuktikan. Jika setiap pernyataan perlu dibuktikan, maka tidaklah akan ada permulaannya. Andaian-andaian tertentu diperlukan untuk membuktikan pernyataan-pernyataan tertentu, dan setelah dibuktikan dapatlah pula pernyataan-pernyataan itu dijadikan titik-tolak untuk membuktikan yang lainnya.

Dengan kata-kata lain, setiap hujah hendaklah bermula pada titik tertentu. Hujah boleh bermula dengan andaian-andaian yang dapat diterima oleh penulis dan pembaca, atau dengan pernyataan-pernyataan pandangan yang tidak dapat ditolak baik oleh penulis mahupun pembaca. Dalam hal yang pertama, apa sahaja dapat dijadikan andaian, asalkan terdapat persetujuan. Hal yang kedua semata-mata didasarkan pada pengalaman yang sepunya.

Mencari Penyelesaian

Ketiga-tiga peraturan pembacaan analitis ini – yakni tentang istilah-istilah, pernyataan-pernyataan pandangan, dan hujah-hujah – bertemu dalam peraturan yang kedelapan, peraturan yang menyatukan bahagian pertama dan kedua dalam pembacaan analitis. Peraturan ini memerlukan anda *menemukan penyelesaian-penyelesaian pengarang*.

Setelah memahami istilah-istilah, pernyataan-pernyataan pandangan, dan hujah-hujah si pengarang, anda hendaklah memeriksa apa yang anda perolehi itu dengan menanyakan soalan-soalan selanjutnya. Yang manakah di antara persoalan-

persoalan yang cuba diselesaikannya itu yang telah dapat diselesaikannya? Sewaktu menyelesaikan persoalan-persoalan tersebut, apakah dia menemukan persoalan-persoalan yang baru pula? Antara persoalan-persoalan yang tidak dapat diselesaikannya, baik yang baru mahupun yang lama, yang manakah disedari oleh pengarangnya sendiri tidak dapat diselesaikannya? Seorang penulis yang baik, seperti seorang pembaca yang baik juga, sepatutnya tahu apakah sesuatu persoalan itu telah diselesaikan.

Setelah menerapkan kesemua delapan peraturan pembacaan analitis ini, wajarlah anda merasa agak pasti bahawa anda telah memahami buku itu. Hingga ke tahap ini, anda telah mengikuti si pengarang. Sekarang anda berkesempatan pula untuk berbahas dengannya dan mengucapkan pandangan anda sendiri.

Bahagian Kedua dalam Pembacaan Analitis

Setelah menyelesaikan bahagian kedua dalam pembacaan analitis, anda mempunyai bahan-bahan yang diperlukan untuk menjawab soalan asasi kedua yang perlu dikemukakan tentang segala sesuatu yang telah anda baca. Sebagaimana yang anda maklumi, soalnya ialah: *Apakah yang dinyatakan oleh si pengarang, dan bagaimana ia menyatakannya?* Penerapan peraturan-peraturan tentang istilah-istilah, pernyataan-pernyataan pandangan, hujah-hujah, dan penyelesaian-penyelesaian ternyata telah membantu anda menjawab soalan ini. Apabila anda telah memahami istilah-istilah si pengarang, mengenalpasti pernyataan-pernyataan pandangan dan hujah-hujahnya yang penting, dan menemukan penyelesaian akan persoalan-persoalan itu, maka mengertilah anda akan apa yang diperkatakannya dalam buku itu, dan dengan itu anda bersedia untuk mengemukakan dua soalan asasi yang terakhir tentang buku itu.

Mengkritik Buku Secara Saksama

KITA kini telah bersedia untuk memasuki bahagian ketiga dan terakhir dalam pembacaan analitis. Dalam bahagian inilah anda akan menemukan ganjaran bagi segala usaha anda.

Membaca buku merupakan semacam perbualan. Anda mungkin tidak menganggapnya demikian, kerana hanya pengarang sahaja yang berkata-kata, sedangkan anda tidak ada sesuatu untuk dikatakan; akan tetapi, jika demikianlah anggapan anda, maka anda tidaklah menyedari tanggungjawab anda sebagai seorang pembaca – dan anda tidaklah mempergunakan kesempatan-kesempatan anda. Sebenarnya, si pembacalah yang mempunyai kata pemutus. Si pengarang telah menyatakan apa yang hendak dinyatakannya, dan setelah itu tibalah pula giliran si pembaca. Namun demikian, perbualan itu hendaklah dijalankan secara tertib, dengan seorang memulakan dan diikuti oleh yang seorang lagi.

Si pembaca mempunyai tanggungjawab untuk menjawab si pengarang. Jika buku itu merupakan buku huraian, maka tujuan pengarangnya ialah untuk mendidik. Dia telah berusaha untuk mengajar. Dia telah mencuba *meyakinkan* pembacanya tentang sesuatu. Upayanya dikira berhasil hanya apabila si pembaca

akhirnya menyatakan, ‘saya telah mempelajari sesuatu. Anda telah meyakinkan saya bahawa perkara yang anda nyatakan itu benar, atau berkemungkinan benar’. Namun, meskipun si pembaca tidak berasa yakin, usaha si pengarang itu mestilah dihormati. Si pembaca telah memperoleh pengucapan sikap yang telah direnungkan daripadanya. Meskipun dia tidak dapat menyatakan ‘saya bersetuju’, namun dia sepatutnya mempunyai sebab untuk tidak bersetuju, atau untuk menengguhkan pertimbangannya tentang persoalan tersebut.

Sebagaimana yang telah kita nyatakan terlebih dulu, sebuah buku yang baik wajarlah dibaca secara aktif. Kegiatan membaca tidaklah berakhir dengan memahami kandungan sesebuah buku. *Kegiatan itu mestilah berakhir dengan usaha mengkritik, yakni usaha menilai.* Namun demikian, si pembaca mestilah tahu bagaimana menilai sesebuah buku, sebagaimana ia mesti tahu bagaimana memperoleh pemahaman akan isi buku itu. Tujuan kumpulan ketiga peraturan membaca ini ialah membantunya mencapai maksud tersebut.

Pentingnya Menengguhkan Pertimbangan

Janganlah mulai mengkritik seseorang pengarang sebelum anda pasti bahawa anda memahami bukunya. Sebelum anda benar-benar merasa puas bahawa anda telah melaksanakan dua bahagian pertama pembacaan analitis, janganlah anda berasa senang menyatakan pendapat. Namun demikian, apabila anda telah berasa puas, anda bukan sahaja mempunyai hak untuk menjadi *pengkritik*, malah anda bertanggungjawab.

Inilah peraturan kesembilan dalam pembacaan analitis: *Dengan kepastian sewajarnya, anda mestilah dapat menyatakan, ‘saya mengerti’, sebelum anda dapat menyatakan salah satu daripada kenyataan berikut: ‘saya bersetuju’, ‘saya tidak bersetuju’,*

atau '*saya menanggukhan pertimbangan*'. Inilah saja tiga *sikap kritis* yang mungkin anda miliki.

Meskipun tidak demikian kelihatannya pada pandangan pertama, namun menanggukhan pertimbangan juga merupakan satu langkah mengkritik. Ini bererti bahawa ada sesuatu yang belum jelas terserlah. Anda menyatakan bahawa anda belum cukup yakin untuk menyokong atau membangkang hujahnya.

Peraturan ini tampaknya cukup jelas, sehingga anda mungkin tertanya-tanya mengapa kami bersusah payah menghuraikannya. Banyak orang tersilap, membuat anggapan bahawa kritikan selalunya bererti tidak setuju. Tidaklah demikian halnya. Kritikan juga mungkin bererti setuju.

Seringkali seorang pengkritik beranggapan bahawa dia boleh membuat penilaian tanpa menjadi seorang pembaca. Anda sendiri mungkin pernah mengalami seseorang berkata, '*saya tidak tahu apa maksud anda, tetapi saya kira anda salah*'. Terhadap para pengkritik jenis ini, satu-satunya langkah sopan yang wajar dilakukan ialah memintanya menyatakan apa yang disangkanya telah anda ucapkan atau tuliskan. Jika mereka tidak dapat melakukannya dengan memuaskan, jika mereka tidak dapat menyatakan kembali pernyataan anda dengan kata-katanya sendiri, tahulah anda bahawa mereka tidak mengerti, dan anda tidak perlu menghiraukan kritikan mereka.

Namun demikian, menyatakan '*saya tidak mengerti*' juga merupakan suatu penilaian kritis. Akan tetapi, anda mestilah telah berusaha sebaik mungkin untuk memahaminya, tetapi gagal, sebelum anda berhak berkata demikian. Anda mestilah mencari sumber-sumber masalahnya. Anda mestilah dapat memperlihatkan bahawa struktur buku itu tidak jelas, bahawa tidak terdapat hubungan di antara bahagian-bahagiannya, bahawa setengah-setengah bahagian itu tidak mempunyai tujuan, atau mungkin bahawa makna kata-kata yang penting tidak dapat dipastikan. Jika

si pembaca mempunyai alasan-alasan yang jitu bagi dakwaan bahawa buku itu tidak mungkin dimengerti, maka tidaklah ada lagi tanggungjawab kritikan yang perlu ditunaikannya. Jika anda telah melakukan segala sesuatu yang dituntut daripada anda, dan masih juga anda tidak dapat memahami buku itu, maka mungkin buku itulah yang cacat. Namun demikian, keadaan seperti itu agak luar biasa. Selalunya, kegagalan memahami itu disebabkan oleh kelemahan si pembaca. Oleh yang demikian, anda bertanggungjawab meneruskan tugas-tugas yang dihuraikan dalam dua bahagian yang pertama pembacaan analitis itu. Apabila anda berkata, 'saya tidak mengerti', bersedialah untuk menerima kemungkinan bahawa yang bersalah bukannya si pengarang.

Ada dua perkara lagi yang memerlukan perhatian istimewa. Jika anda hanya membaca sebahagian daripada buku itu, maka adalah lebih sukar untuk memastikan apakah anda telah memahaminya. Jangan tergesa-gesa mengkritik bahagian buku yang telah dibaca itu, sebelum anda yakin bahawa anda memahami perutusan pengarangnya. Selain itu, kadangkala sesebuah buku itu didasarkan pada karya-karya lain oleh pengarang yang sama. Malah, buku tersebut mungkin bergantung pada karya-karya lain untuk menyerlahkan pengertian yang sepenuhnya. Dalam keadaan yang demikian, usahakanlah mencari kepastian sebelum anda menyatakan bahawa anda memahami atau tidak memahami sesebuah buku.

Berbantah dengan Pengarang

Peraturan kesepuluh dalam pembacaan analitis tidaklah perlu dihuraikan dengan panjang lebar. *Apabila anda tidak bersetuju dengan seseorang pengarang, berbantahlah secara yang waras.* Satu-satunya manfaat yang diperolehi daripada perbualan, baik dengan guru yang hidup mahupun yang telah mati, ialah sesuatu yang dapat kita pelajari daripada mereka, dan *seorang pembaca*

mestilah bersedia untuk bersetuju mahupun berbantah dengan gurunya. Tujuannya hanyalah satu, yakni menemukan fakta-fakta, hakikat yang sebenarnya.

Peraturan yang kesebelas bersumber dari peraturan yang kesepuluh. Peraturan itu dapat dinyatakan begini: *Sedarilah perbezaan di antara pengetahuan dan pendapat peribadi, dan nyatakan alasan bagi sebarang penilaian kritis yang anda kemukakan.* Pengetahuan, dalam pengertiannya yang kita gunakan, terdiri daripada pandangan-pandangan yang disokong oleh dalil-dalil tertentu. Jika kita sesungguhnya mengetahui sesuatu, kita mestilah yakin bahawa kita dapat meyakinkan orang lain tentang perkara yang kita ketahui itu. Sebaliknya, pendapat peribadi tidaklah lebih daripada satu kenyataan yang tidak disokong dengan dalil atau alasan, selain daripada perasaan dan sangkaan kita sendiri.

Peraturan ini didasarkan pada hakikat bahawa manusia yang berfikir dapat saling bersetuju, apabila berhadapan dengan alasan-alasan yang jitu. Jika hakikat itu tidak anda terima, maka tidaklah ada gunanya berusaha menyelesaikan sesuatu pertengkaran. Perbezaan pendapat selalunya disebabkan salah satu pihak tidak memahami hujah pihak lainnya, atau oleh salah seorang kurang pengetahuannya daripada yang seorang lagi. Kedua-dua keadaan ini dapat diubah. Seseorang yang tidak bersetuju mempunyai alasan yang cukup baik untuk mengharapkan tercapainya kata-kata persetujuan pada akhir suatu perbincangan. Namun demikian, dia haruslah tidak kurang bersedianya untuk mengubah pemikirannya daripada keinginannya untuk mengubah orang lain. Dia haruslah sedar bahawa mungkin dia sendiri yang kurang pengetahuan atau telah tersilap. Seseorang yang menganggap perbezaan pendapat sebagai suatu kesempatan untuk mengajar orang lain, haruslah juga menganggapnya sebagai kesempatan untuk belajar.

Peraturan ini memperkatakan situasi seorang pembaca yang

tidak bersetuju dengan sesuatu yang terdapat dalam buku. Pertamanya, dia mestilah pasti bahawa perbezaan pendapat itu tidak disebabkan oleh kekurangan pemahamannya sendiri. Namun, katakanlah si pembaca itu dengan telitinya mengikuti peraturan bahawa dia tidak harus membuat penilaian sehingga dia faham, dan dia yakin bahawa dia faham. Apakah akan terjadi?

Dia mestilah mulai dengan mengasingkan pengetahuan daripada pendapat. Jika seorang pengarang tidak menyatakan alasan bagi pernyataan pandangannya, maka pernyataan itu hendaklah dianggap semata-mata sebagai pengucapan pendapat peribadinya. Si pembaca yang tidak mengenal perbezaan di antara kenyataan-kenyataan pengetahuan, yang didasarkan pada alasan, dan pernyataan pendapat semata-mata, tidaklah membaca untuk belajar. Dia lebih berminat terhadap orangnya, bukannya terhadap buku yang dihasilkan oleh orang itu.

Akan tetapi, jika si pembaca itu terutamanya berminat akan buku, dan bukan orangnya, dia mestilah menghadapi tanggungjawabnya membuat kritikan itu dengan bersungguh-sungguh. Dia juga haruslah menyedari perbezaan di antara pengetahuan sebenarnya dan sekadar pendapat pada dirinya sendiri. Oleh yang demikian, si pembaca mestilah melakukan sesuatu yang lebih daripada sekadar menyatakan bersetuju atau tidak bersetuju. Dia mestilah mengemukakan alasan-alasan. Jika dia bersetuju, dia menerima alasan-alasan si pengarang, tetapi jika dia tidak bersetuju, perlulah dia mengemukakan alasan-alasannya untuk tidak bersetuju. Jika dia tidak berbuat demikian, maka dia menganggap sesuatu yang bersifat pengetahuan sebagai pandangan semata-mata.

Bersetuju atau Tidak Bersetuju dengan Pengarang

ANDAikanlah bahawa anda membaca sebuah buku yang baik. Buku itu dapat anda fahami, dan pada akhirnya anda dapat menyatakan bahawa anda telah memahaminya. Jika, selain memahaminya, anda bersetuju dengan segala sesuatu yang dinyatakan oleh pengarangnya, maka selesailah sudah segala tugas. Pembacaan analitis telah terlaksana sepenuhnya. Anda telah mempelajari sesuatu. Kerja masih bersisa hanya jika anda tidak bersetuju dengan pengarang, atau jika anda menangguhkan penilaian terhadap buku itu, sehingga anda dapat memahaminya dengan lebih baik.

Makna perkataan bersetuju dan tidak bersetuju patut diperkatakan dengan lebih mendalam. Seorang pembaca yang memahami istilah-istilah pengarang, pernyataan-pernyataan pandangannya, dan cara berfikirnya, telah menyelami akal budi pengarang itu. Keseluruhan proses membaca buku secara analitis bertujuan untuk mencapai pertemuan akal budi melalui penggunaan bahasa. Pemahaman sebuah buku dapat diberikan sebagai persetujuan yang tercapai antara penulis dan pembaca.

Mereka bersetuju tentang caranya bahasa digunakan untuk menyatakan gagasan. Berdasarkan persetujuan itu, dapatlah si pembaca memahami gagasan-gagasan yang cuba diucapkan oleh si pengarang. Kemudiannya, setelah memahami gagasan-gagasan tersebut dapatlah si pembaca memutuskan apakah akan bersetuju atau tidak dengan gagasan-gagasan tersebut.

Kini, kita andaikan pula satu situasi yang berlainan: setelah menyatakan faham, anda tidak bersetuju dengan pengarang. Jika anda mengikuti peraturan yang telah dikemukakan dalam Bab 10, anda tidak bersetuju kerana pada pandangan anda terdapat bukti bahawa pengarang telah melakukan kesilapan pada bahagian-bahagian tertentu hujahnya. Anda bukanlah sekadar menyuarakan pendapat peribadi atau melahirkan perasaan anda.

Anda dapat berbantah dengan sebuah buku menurut salah satu atau keempat-empat cara yang utama. Anda boleh berkata pada pengarang: (1) 'Anda tidak mengetahui'; (2) 'Pengetahuan anda dari sumber yang tidak betul'; (3) 'Penaakulan anda tidak meyakinkan'; (4) 'Analisis anda tidak tuntas'. Namun demikian, anda mestilah menyatakan dengan tepat kecacatan sebenarnya yang anda dapati dalam buku itu, kerana tidaklah mungkin bahawa seorang pengarang itu jahil tentang segala perkara dalam buku itu, dan tidak mungkin juga segala hujahnya tidak meyakinkan. Pembaca yang mengucapkan salah satu pandangan ini mestilah mengemukakan alasan-alasan bagi pandangannya itu.

Menilai Hujah Pengarang

Tiga pandangan yang pertama itu agak berbeza daripada pandangan yang keempat, sebagaimana yang akan segera kita perkatakan. Marilah kita perkatakan tiap satunya dengan ringkas, dan setelah itu kita perkatakan pula pandangan yang keempat.

1. Menyatakan bahawa seorang pengarang itu *tidak mengetahui* bererti bahawa dia tidak mempunyai unsur pengetahuan tertentu yang penting bagi persoalan yang cuba diselesaikannya itu. Anda mestilah dapat mengemukakan pengetahuan yang tidak ada pada pengarang itu dan menghuraikan betapa pentingnya pengetahuan itu, dan bagaimana kesannya terhadap kesimpulan-kesimpulan pengarang itu.

2. Menyatakan bahawa pengetahuan pengarang itu *daripada sumber yang salah* bererti bahawa dia telah mengutarakan sesuatu yang tidak betul. Kesilapannya itu mungkin disebabkan oleh kurangnya pengetahuan, tetapi kesilapan itu sendiri adalah lebih daripada itu. Sebab-sebabnya tidaklah penting. Yang penting ialah terdapatnya kenyataan-kenyataan yang tidak betul. Pengarang itu mengemukakan sebagai kebenaran, atau sesuatu yang mungkin bersifat benar, sesuatu yang sebenarnya salah, atau tidak begitu berkemungkinan bersifat benar. Dia menyatakan bahawa dia mempunyai pengetahuan, sedangkan pengetahuan itu tidak dimilikinya. Kesilapan jenis ini penting hanya jika kesimpulan pengarang dipengaruhi. Dan, untuk menyatakan pandangan itu, anda mestilah dapat mengemukakan hujah yang benar, atau lebih tinggi kemungkinan benarnya, tentang suatu gagasan yang berlainan daripada gagasan si pengarang.

Terdapat suatu hubungan di antara dua kenyataan kritis yang pertama ini. Jika seseorang itu memperolehi pengetahuan tentang sesuatu daripada sumber yang salah, maka ertinya dia tidak mengetahui hal tersebut. Kurang pengetahuan mungkin menjadikan mustahil menyelesaikan persoalan-persoalan tertentu, tetapi mempunyai maklumat yang salah akan melahirkan kesimpulan yang salah dan penyelesaian yang lemah. Dalam kedua-dua hal ini, si pengarang memerlukan pengetahuan yang lebih daripada yang ada padanya.

3. Menyatakan bahawa seseorang pengarang itu *tidak meyakinkan* bererti menyatakan bahawa penaakulannya cacat. Biasanya terdapat dua jenis kecacatan. Yang pertama ialah kesimpulannya tidak cocok dengan alasan-alasan yang dikemukakan, dan yang keduanya si pengarang mengemukakan dua kenyataan, yang kedua-duanya tidak mungkin benar kerana yang satu menyanggah yang lainnya. Untuk membuat salah satu kritikan ini, si pembaca mestilah dapat menunjukkan kesalahan apa sebenarnya yang telah dilakukan oleh si pengarang.

Jarang sekali buku-buku yang benar-benar baik memperlihatkan kesalahan penaakulan yang nyata. Jika terdapat kesalahan, maka kesalahan itu biasanya tersembunyi dan hanya pembaca yang amat mahir yang menyedarinya.

Seorang pengarang mungkin pula gagal mencapai kesimpulan yang secara wajar lahir dari dalil dan prinsipnya. Oleh yang demikian, penaakulannya tidaklah tuntas. Di sini kita terutamanya berminat akan keadaan seseorang pengarang itu *mengemukakan penaakulan yang buruk setelah bertolak daripada premis yang baik*. Tidaklah kurang menariknya, meskipun tidak begitu penting, untuk menemukan kesalahan-kesalahan penaakulan yang bersumber daripada premis yang dengan sendirinya tidak benar, atau daripada dalil-dalil yang tidak memadai.

Dari satu segi, seseorang yang memperoleh kesimpulan yang salah setelah bertolak dari premis yang mantap dapat dikatakan memperoleh pengetahuannya daripada sumber yang salah. Namun demikian, amatlah penting disadari perbezaan di antara suatu kenyataan yang salah kerana penaakulan yang cacat, dengan jenis kenyataan yang telah diperkatakan terlebih dulu, yang kesalahannya disebabkan oleh kelemahan-kelemahan lain, terutamanya kurangnya pengetahuan.

Menilai Kesempurnaan Tugas Pengarang

Tiga pandangan kritis yang pertama yang baru saja diperkatakan itu ada hubungannya dengan kenyataan-kenyataan dan penaakulan pengarang. Marilah kini kita perikatakan pula pandangan kritis yang keempat, yang ada hubungannya dengan ukuran betapa berhasilnya pengarang itu menyelesaikan tugasnya.

Namun demikian, sebelum kita mulakan, ada satu perkara yang wajar diberi perhatian. Oleh kerana anda menyatakan bahawa anda memahami buku itu, maka kegagalan anda memberikan alasan bagi salah satu daripada tiga pandangan tersebut menyebabkan anda terpaksa bersetuju dengan apa yang dinyatakan oleh pengarangnya. Tidaklah ada pilihan lain bagi anda. Jika anda tidak dapat membuktikan bahawa si pengarang tidak mengetahui perkara yang diperkatakannya, memperoleh pengetahuannya daripada sumber yang salah, atau tidak meyakinkan, maka anda terpaksa bersetuju. Seperti yang sering dilakukan oleh para pelajar dan orang lain juga, tidaklah boleh anda menyatakan, 'tidak saya temui sebarang cela pada premis hujah anda, dan tidak ada kesalahan dalam penaakulan, tetapi saya tidak bersetuju dengan kesimpulan anda'. Satu-satunya kemungkinan maksud anda dengan berkata demikian ialah anda *tidak gemar* akan kesimpulan-kesimpulan tersebut. Anda tidaklah berbahas dengannya. Anda hanya meluahkan perasaan, yakni rasa suka dan tidak suka anda. Jika anda telah diyakinkan, terpaksa lah anda mengakuinya.

Tiga pandangan yang pertama itu ada hubungannya dengan caranya si pengarang menggunakan istilah-istilahnya, mengemukakan pernyataan pandangannya, dan menyatakan hujah-hujahnya. Pandangan yang keempat itu pula – bahawa buku tidak diselesaikan hingga sempurna – ada hubungannya dengan struktur keseluruhan buku.

4. Menyatakan bahawa analisis seseorang pengarang itu *tidak*

BERSETUJU ATAU TIDAK BERSETUJU DENGAN PENGARANG

selesai bererti menyatakan bahawa dia gagal mencapai kesimpulan bagi segala persoalan yang menjadi titik tolak perbincangannya, atau bahawa dia tidak menggunakan bahan-bahan yang ada dengan sebaik mungkin sehingga tidak terserlah betapa pentingnya bahan-bahan itu, atau bahawa dia tidak berhasil memperlihatkan perbezaan-perbezaan yang utama. Namun demikian, tidaklah memadai dengan sekadar menyatakan bahawa sesebuah buku itu tidak sempurna; anda mestilah dapat menyatakan dengan setepatnya mengapa buku itu tidak sempurna.

Pandangan yang keempat tidaklah merupakan salah satu alasan untuk tidak bersetuju. Perkara itu merupakan satu kecacatan daripada segi kritikan hanya sekiranya pencapaian si pengarang terbatas olehnya. Namun demikian, seorang pembaca yang bersetuju dengan bahagian terbesar sesebuah buku – kerana tidak ada kecacatan lain daripada segi kritikan ditemuinya – dapat menanggukuhkan penilaiannya secara menyeluruh, kerana buku itu tidak diselesaikan dengan sempurna. Seseorang pembaca menanggukuhkan penilaiannya apabila seseorang pengarang gagal menyelesaikan segala persoalannya dengan sempurna.

Beberapa buah buku yang memperkatakan perkara yang sama boleh dibandingkan secara kritikan dengan menggunakan empat segi pandangan ini. Sesebuah buku itu lebih baik daripada buku yang lainnya jika lebih banyak jumlah kebenaran dan sedikit kesilapan terdapat di dalamnya. Jika kita membaca untuk memperoleh pengetahuan, maka buku yang terbaik ialah buku yang memperkatakan bidangnya dengan cara yang terbaik. Seorang pengarang mungkin tidak mempunyai maklumat yang ada pada pengarang yang lain; yang seorang melakukan kesilapan yang tidak dilakukan oleh yang seorang lagi; yang seorang mungkin tidak begitu meyakinkan seperti yang lainnya. Namun perbandingan yang paling bererti dapat diasaskan pada kesempurnaan analisis yang dikemukakannya.

Pandangan kritikan yang keempat itu memadukan ketiga-tiga bahagian dalam pembacaan analitis. Pandangan tersebut memperkatakan betapa berhasilnya si pengarang mengemukakan persoalannya dan juga betapa berhasil penyelesaian yang dipersembahkannya.

Bahagian Ketiga dalam Pembacaan Analitis

Secara umumnya, telah selesailah kini perbincangan kita tentang segala peraturan dalam pembacaan analitis. Berikut diikhtisarkan peraturan-peraturan tersebut:

BAHAGIAN 1

Peraturan-peraturan untuk menemukan pokok pembicaraan sesebuah buku

1. Lakukan penggolongan (pengelasan) buku menurut jenis dan bidang.
2. Nyatakan dengan ringkas apakah yang diperkatakan oleh buku itu pada keseluruhannya.
3. Senaraikan bahagian-bahagian utama buku menurut aturan dan hubungannya, dan ikhtisarkan bahagian-bahagian tersebut sebagaimana anda mengikhtisarkan keseluruhannya.
4. Nyatakan persoalan, atau persoalan-persoalan, yang cuba diselesaikan oleh pengarangnya.

BAHAGIAN 2

Peraturan-peraturan untuk menemukan apa yang diperkatakan oleh pengarang, dan bagaimana ia menyatakannya

5. Carilah istilah-istilah pengarang, dan pastikan maknanya.
6. Carilah ayat-ayat yang penting, dan pastikan pernyataan pandangan yang terkandung di dalamnya.

7. Pastikan hujah pengarang dengan mencari dan menghubungkan ayat-ayat yang mengandungi pernyataan-pernyataan pandangan itu.
8. Tentukan persoalan-persoalan mana yang telah diselesaikan oleh pengarang, dan yang mana pula yang belum diselesaikan.

BAHAGIAN 3

Peraturan-peraturan mengkritik buku

9. Pastikan bahawa anda telah memahaminya sebelum mengkritiknya.
10. Jika anda tidak bersetuju dengan pengarang, berbuatlah demikian dengan alasan-alasan.
11. Kemukakanlah alasan-alasan yang wajar bagi setiap penilaian kritis yang anda lakukan.

BAHAGIAN 4

Menilai kesempurnaan tugas pengarang

12. Perlihatkan daripada segi apa pengarangnya jahil.
13. Perlihatkan daripada segi apa sumber pengetahuan pengarangnya salah.
14. Perlihatkan kelemahan dalam penaakulan pengarang.
15. Perlihatkan bagaimana analisis pengarang tidak tuntas.

Mungkin jelaslah bahawa tujuh peraturan membaca yang terakhir itu membantu anda menjawab soalan asas yang ketiga dan keempat yang mesti anda kemukakan terhadap sebarang buku. Anda tentu masih ingat bahawa soalan-soalan itu adalah: *Apakah buku itu benar, baik pada keseluruhannya mahupun pada bahagian-bahagiannya? dan Apakah buku itu penting?*

Soalan 'apakah benar?' itu dapat dikemukakan terhadap sebarang bahan yang kita baca. Tidak ada sanjungan lebih tinggi yang dapat diberikan terhadap sebarang hasil ciptaan akal

budi manusia selain pujian tentang ukuran kebenarannya. Mengkritik sesebuah karya kerana kegagalan daripada segi tersebut bererti memberikan perhatian yang sewajarnya terhadap karya berkenaan sebagai karya yang dianggap serius.

Jika bahan yang anda baca itu tidak ada benarnya daripada segi tertentu, maka tidak ada satu pun lagi yang perlu anda lakukan. Tetapi, jika terdapat unsur kebenaran maka perlulah anda menyoal diri sendiri soalan yang terakhir itu. Tidaklah dapat anda dengan jayanya membaca untuk memperoleh makluman tanpa memastikan apakah pentingnya, atau kemungkinan pentingnya, fakta-fakta yang dikemukakan oleh bahan-bahan bacaan tersebut. Dan jika anda membaca untuk mempertingkat pemahaman, maka tidaklah mungkin anda berhenti daripada menyoal diri anda sendiri tentang nilai bahan yang sedang anda baca itu. Soalan keempat itu memaksa anda supaya mencuba mempertingkat pemahaman anda.

Apabila kita menyatakan bahawa seseorang itu 'luas pembacaannya', selalunya yang kita maksudkan adalah jumlah, bukannya mutu, pembacaan yang telah dilakukan oleh orang itu. Seseorang yang banyak membaca, tetapi tidak membaca dengan berkesan, tidaklah wajar diberi pujian.

Para penulis agung senantiasia merupakan para pembaca yang agung, tetapi ini tidaklah bererti bahawa mereka membaca segala buku yang dianggap penting. Namun demikian, segala bahan yang mereka baca itu dibaca dengan amat berkesan.

Tujuan kami di sini adalah untuk mengingatkan anda bahawa seseorang itu menjadi pembaca yang berkesan dengan menerapkan peraturan-peraturan yang kami huraikan sehubungan dengan pembacaan sesebuah buku, dan bukannya dengan membaca secepat mungkin sejumlah besar buku. Kebanyakan buku memang patut dibaca dengan berkesan. Namun demikian, sejumlah yang lebih besar pula hanya wajar dibaca sepintas lalu.

Untuk menjadi seorang pembaca yang benar-benar berhasil, maka perlulah seseorang itu mempergunakan kemahirannya membaca setiap buku hanya pada peringkat yang wajar bagi buku tersebut.

Alat-Alat Bantu Pembacaan

PERATURAN-PERATURAN pembacaan yang telah kita perkatakan tidaklah meliputi usaha memperoleh bantuan luar bagi menyerlahkan pengertian sesebuah buku. Ada beberapa alasan yang penting mengapa hingga kini kita menekankan bahawa tugas utama anda sebagai seorang pembaca ialah membaca sesebuah buku itu secara bersendirian, berbekal tenaga akal budi anda sendiri sahaja, dan tanpa sebarang alat bantu lainnya. Tetapi tidaklah wajar kita terus menerus menuntut cara yang demikian. Alat-alat bantu lainnya, seperti bahan-bahan bacaan lain dan pengalaman anda sendiri, dapat dimanfaatkan; malah kadangkala alat-alat tersebut diperlukan bagi pemahaman yang sepenuhnya.

Sesungguhnya, tidaklah mungkin kita menghindarkan penggunaan pengalaman sendiri sewaktu membaca atau mengkritik buku. Kita sudah pernah membaca buku-buku lain sebelum membaca buku yang ada sekarang; tidak ada orang yang sejak mulanya membaca secara analitis. Kita mungkin tidak memanfaatkan pengalaman tentang buku-buku lain dan tentang hidup ini pada umumnya, namun kita pastinya membandingkan kenyataan-kenyataan serta kesimpulan-kesimpulan seseorang

pengarang itu dengan perkara-perkara lain yang kita ketahui daripada pelbagai sumber yang berlainan.

Sebab utama mengapa kita tidak menyebut tentang bantuan-bantuan luar terhadap pembacaan ialah kebanyakan para pembaca terlalu banyak menggunakannya, dan kami mahu anda menyedari bahawa langkah tersebut tidaklah perlu. Sebaik-baiknya anda melakukan segalanya secara sendirian terlebih dulu sebelum memperoleh bantuan luar, kerana dengan berbuat demikian akan anda dapati bahawa semakin lama anda semakin kurang memerlukan bantuan luar itu. Namun demikian, jika anda tidak dapat memahami sebuah buku, baik keseluruhannya mahupun bahagian-bahagiannya, setelah anda berusaha bersungguh-sungguh membacanya menurut peraturan-peraturan pembacaan analitis, maka tidaklah bijak menghindarkan penggunaan bantuan luar itu.

Menggunakan Pengalaman

Ada dua jenis pengalaman yang mungkin membantu anda memahami buku-buku yang sukar. Manusia, baik lelaki mahupun perempuan, berkongsi *pengalaman bersama* kerana mereka mengalami hidup, tetapi mereka juga mestilah secara giat berusaha mencari *pengalaman langsung*, yakni pengalaman yang hanya dialami sendiri. Namun demikian, pengalaman bersama dialami oleh setiap orang untuk mencapai sifat bersamanya itu. Umpamanya, bukan setiap kanak-kanak tinggal bersama dengan ibu bapanya, namun kehidupan berkeluarga merupakan suatu pengalaman bersama, kerana kebanyakan manusia lelaki dan perempuan telah pernah turut mengalaminya pada masa-masa tertentu.

Buku-buku dari jenis yang berlainan memerlukan pengalaman jenis yang berlainan pula. Karya cereka dan falsafah didasarkan pada pengalaman bersama. Penilaian tentang apakah sesebuah

novel itu mencerminkan hidup yang sebenarnya hampir keseluruhannya didasarkan pada pengalaman bersama; kita menyatakan buku itu benar, atau tidak benar, menurut ukuran pengalaman kita tentang kehidupan sebagaimana yang dialami oleh kebanyakan orang. Ahli falsafah, seperti penulis cerita rekaan juga, akan menggunakan pengalaman bersama manusia. Dia tidak melaksanakan sesuatu ujikaji yang khusus. Oleh yang demikian, untuk memahami dan menguji prinsip-prinsip seorang ahli falsafah, anda tidaklah memerlukan bantuan luar yang berupa pengalaman khas. Namun demikian, pengalaman khas biasanya diperlukan bagi membaca buku-buku sains. Untuk memahami dan menilai hujah-hujah dalam sebuah buku sains, anda mestilah dapat mengikuti dalil-dalil yang dikemukakan oleh ahli sains itu.

Kedua-dua pengalaman bersama dan pengalaman khusus adalah penting sewaktu membaca karya sejarah, kerana sejarah mempergunakan metode-metode cereka dan sains sekaligus. Sejarah merupakan sebuah cerita, dengan jalan cerita yang dinilai berdasarkan pengalaman bersama, sama seperti anda menilai sebuah novel atau drama. Namun sejarah juga seperti sains, kerana setengah-setengah pengalaman yang menjadi asas sejarah merupakan pengalaman yang agak khusus. Misalnya, penulisnya mungkin telah membaca dokumen-dokumen khas, atau mengunjungi orang-orang atau tempat-tempat tertentu yang tidak dapat dibaca atau dikunjungi oleh orang biasa.

Bagaimanakah dapat anda ketahui bahawa anda telah menggunakan pengalaman anda secara yang betul untuk membantu anda memahami sebuah buku? Cara yang paling pasti ialah cara yang telah kami cadangkan sebagai ujian kefahaman: tanyakan pada diri sendiri apakah anda dapat mengemukakan contoh sebenarnya bagi sesuatu yang anda anggap telah anda fahami.

Buku-Buku Lain sebagai Alat Bantu Pembacaan

Sama seperti keseluruhan sesebuah buku itu membantu anda memahami satu-satu bahagiannya, maka buku-buku lain juga mungkin membantu anda memahami buku-buku tertentu yang sedang anda baca. Terdapat hubungan di antara kebanyakan buku yang dihasilkan oleh para penulis pada zaman purba dan moden. Para penulis yang kemudian dipengaruhi oleh para penulis yang terdahulu. Jika anda mulai membaca karya penulis-penulis yang terdahulu, maka karya-karya itu akan membantu anda memahami karya-karya yang kemudian.

Namun demikian, haruslah diingat bahawa keperluan membaca buku-buku dalam hubungannya antara satu dengan lain itu adalah lebih besar bagi bidang-bidang sejarah dan falsafah daripada bidang sains dan cereka. Hal ini terutamanya penting bagi falsafah, kerana ahli-ahli falsafah biasanya amat gemar membaca buku-buku oleh ahli-ahli falsafah lainnya. Mungkin hal ini tidaklah begitu penting dalam pembacaan novel atau drama. Jika karya-karya tersebut benar-benar baik, pembacaannya dapatlah dilakukan tanpa bantuan luar, meskipun seorang pengkritik tidak akan hendak membataskan usahanya seperti itu.

Ada suatu nasihat yang hendak kami sampaikan pada anda sehubungan dengan penggunaan tulisan-tulisan oleh pengkritik bagi memahami sesebuah buku. Anda sepatutnya tidaklah membaca sesebuah rencana kritikan tentang sesebuah buku *sebelum* anda membaca buku tersebut. Rencana-rencana yang demikian digunakan dengan betul hanyalah jika anda mengusahakan agar bukunya dibaca terlebih dahulu, dan setelah itu barulah rencana itu dibaca untuk mencari jawapan bagi soalan-soalan yang masih membingungkan anda. Jika rencana itu yang dibaca terlebih dulu, maka pembacaan buku yang akan anda lakukan akan dipengaruhi. Anda akan cenderung melihat hanya gagasan-

gagasan yang disebut oleh si pengkritik, dan gagal memberikan perhatian pada gagasan-gagasan lain yang mungkin tidak kurang pula pentingnya.

Bagaimana Menggunakan Buku-Buku Rujukan

Terdapat pelbagai jenis buku rujukan. Dalam bahagian berikut, akan kita perkatakan dua jenis yang paling banyak digunakan, iaitu *kamus* dan *ensiklopedia*. Namun demikian, kebanyakan hal yang akan kita sebut dapat juga digunakan terhadap buku-buku rujukan jenis lainnya.

Sering tidak disedari bahawa pengetahuan tertentu diperlukan sebelum anda menggunakan buku rujukan. Pertamanya, anda mestilah mempunyai tanggapan tertentu tentang perkara yang hendak anda ketahui itu. Dengan kata-kata lain, anda mestilah dapat mengemukakan soalan kepada buku rujukan. Keduanya, anda mestilah tahu di mana perkara yang hendak anda ketahui itu dapat dicari. Anda mestilah tahu pengetahuan jenis apakah yang hendak anda kemukakan, dan buku-buku rujukan jenis apakah yang menjawab soalan-soalan yang demikian. Selain itu, pengetahuan jenis ketiga yang diperlukan sebelum sesuatu jenis buku rujukan dapat dimanfaatkan ialah pengetahuan tentang caranya sesuatu buku rujukan tertentu itu disusun. Oleh yang demikian, terdapat kaedah tertentu bagi membaca buku rujukan, samalah seperti terdapatnya cara tertentu bagi membaca sebarang jenis bahan bacaan. Anda mestilah mengetahui bahawa bahan yang anda cari itu terdapat dalam sesebuah buku rujukan dan terdapat cara tertentu untuk mengetahuinya. Misalnya, anda tidak akan mendapat jawapan terhadap soalan-soalan tentang masa depan dalam sesebuah buku rujukan. Yang kami maksudkan ialah bahawa buku-buku rujukan tidaklah ada gunanya bagi orang yang tidak mengetahui apa-apa; pengetahuan yang tertentu diperlukan.

Bagaimana Menggunakan Kamus

Kamus merupakan buku rujukan. Oleh yang demikian, peraturan-peraturan yang ada hubungannya dengan buku-buku rujukan juga dapat diterapkan pada kamus. Namun demikian, haruslah diingat bahawa sebuah kamus merupakan buku tentang kata-kata, bukan tentang benda-benda, dan terdapat peraturan-peraturan yang mempunyai hubungan khusus dengan kata-kata.

Kata-kata merupakan bahan-bahan nyata. Dengan ini kami maksudkan bahawa kata-kata merupakan kata-kata yang dapat ditulis dan bunyi yang dapat dituturkan. Oleh yang demikian, terdapatlah cara-cara yang baku untuk mengeja dan mengucapkan kata-kata.

Kata-kata merupakan bahagian-bahagian daripada pengucapan. Setiap satu kata merupakan satu bahagian daripada struktur satu frasa atau ayat. Kata yang sama mungkin berlainan pengertiannya, berdasarkan penggunaannya yang berlainan.

Kata-kata merupakan lambang-lambang. Kata-kata mempunyai makna, bukan satu tetapi pelbagai makna. Kadangkala satu kata akan mempunyai dua atau beberapa gagasan makna yang sama sekali berbeza. Sebagai lambang, dapatlah kita pelajari apakah sesuatu kata itu melambangkan hanya satu benda atau pelbagai benda yang serupa. Misalnya, satu kata mungkin melambangkan sesuatu yang hanya dapat kita tanggap; kata yang lain pula menunjukkan sesuatu yang hanya dapat kita fahami dengan pemikiran, tetapi tidak dapat kita amati melalui pancaindera.

Kata-kata merupakan lambang-lambang ciptaan manusia. Oleh kerana itulah setiap kata mempunyai sejarah, dan dalam jangka waktu tersebut maknanya mungkin mengalami perubahan beberapa kali.

Kebanyakan kamus akan menjawab keempat-empat soalan yang berlainan tentang kata-kata ini. Seni menggunakan kamus

terdiri daripada mengetahui soalan apakah yang hendak ditanyakan tentang kata-kata dan bagaimana mencari jawapannya. Kamus itu sendiri akan memberitahu anda bagaimana mencari jawapan-jawapannya. Tetapi, amatlah penting bagi anda mengkaji nota-nota penjelasan yang terdapat pada bahagian permulaan sesebuah kamus supaya anda dapat menggunakannya dengan berkesan.

Bagaimana Menggunakan Ensiklopedia

Telah kita nyatakan bahawa kamus memberitahu kita tentang kata-kata. Maka, apakah pula yang dilakukan oleh ensiklopedia? Ensiklopedia memberitahu kita tentang fakta-fakta.

Fakta-fakta merupakan pernyataan. Kenyataan-kenyataan fakta menggunakan kata-kata yang teradun, seperti 'Terdapat 50 buah negeri di Amerika Syarikat'. Fakta-fakta bukanlah bahan-bahan nyata seperti kata-kata, namun fakta-fakta memerlukan huraian. Untuk pengetahuan dan pemahaman yang sepenuhnya, anda mestilah juga tahu makna sesuatu fakta, bagaimana fakta tersebut mempengaruhi kebenaran yang sedang anda cari. Tidaklah banyak yang anda ketahui jika pengetahuan anda hanya terbatas pada fakta tersebut.

Fakta-fakta merupakan pernyataan yang 'benar'. Fakta-fakta bukanlah pendapat. Apabila seseorang berkata, 'adalah fakta yang benar bahawa...' maka yang dimaksudnya adalah telah dipersetujui umum bahawa demikianlah keadaannya. Bukanlah maksudnya, atau sepatutnya bukanlah maksudnya, bahawa dia sendiri atau dia dan beberapa orang pengamat, percaya bahawa demikianlah keadaannya fakta tersebut. Syarat bahawa sebuah ensiklopedia melaporkan fakta-fakta dan bukannya pendapat ini juga membatasi buku rujukan tersebut. Misalnya, sebuah ensiklopedia tidaklah dapat memperkatakan perkara-perkara yang tidak mendapat persetujuan umum, tentang persoalan-persoalan moral umpamanya.

Jika diperkatakan hal-hal yang demikian, maka yang dapat dilakukannya hanyalah melaporkan perbezaan pendapat di kalangan manusia tentang persoalan itu.

Fakta mewakili kebenaran. Fakta dapat memperkatakan satu cebisan maklumat yang tertentu atau generalisasi yang tidak dipersoalkan lagi, namun fakta itu memperlihatkan keadaan yang sebenarnya. Oleh yang demikian, fakta bukanlah gagasan, dan bukan juga teori tentang kebenaran. Demikian pula, suatu huraian tentang kebenaran (atau bahagian daripadanya) tidaklah merupakan satu fakta sehingga terdapatnya persetujuan umum bahawa fakta tersebut benar.

Terdapat satu kekecualian terhadap kenyataan yang terakhir itu. Sebuah ensiklopedia dengan wajarnya dapat menghuraikan sebuah teori yang tidak lagi dianggap betul, atau teori yang pada umumnya belum lagi diterima, apabila teori itu diperkatakan dalam rangka memperkatakan keseluruhan sesuatu bidang.

Fakta kadangkala berubah. Yang kami maksudkan ialah pernyataan-pernyataan yang pada zaman tertentu dianggap fakta tidak lagi dianggap demikian pada zaman yang lain. Misalnya, sebuah pernyataan yang dianggap fakta selama beberapa tahun terbukti tidak benar oleh pengamatan-pengamatan dan ujikaji-ujikaji yang dilakukan kemudiannya. Hal ini sering terjadi dalam sains apabila penemuan-penemuan baru mengubah apa yang telah kita percayai sebelumnya.

Sebuah ensiklopedia akan menjawab soalan-soalan anda tentang fakta, asalkan anda ingat apa yang telah kita huraikan di atas. Seni menggunakan ensiklopedia sebagai alat bantu terhadap pembacaan adalah seni mengemukakan soalan-soalan yang wajar tentang fakta. Sebagaimana halnya dengan kamus, kami sekadar menyarankan soalan-soalannya; ensiklopedia akan menyediakan jawapannya.

BAHAGIAN 3

Pelbagai Jenis Bahan Bacaan

Bagaimana Membaca Buku-Buku Amali

KITA telah menghuraikan peraturan-peraturan pembacaan analitis secara umum supaya dapatlah peraturan-peraturan itu digunakan bagi sebarang buku jenis huraian. Namun demikian, perlulah dinyatakan di sini bahawa peraturan-peraturan pembacaan ini tidaklah sesuai bagi karya sastera imaginatif. Mengikhtisarkan struktur sebuah buku imaginatif tidaklah sama dengan mengikhtisarkan buku huraian. Novel, drama dan puisi tidaklah dibentuk dengan menggunakan istilah-istilah, pernyataan-pernyataan, dan hujah-hujah, tetapi terdapat pula satu gugusan peraturan bagi pembacaan buku-buku jenis itu yang akan diperkatakan kemudian nanti.

Hubungan antara dua jenis peraturan itu mudah diamati dan diperkatakan. Segalanya diasaskan pada hakikat bahawa anda hendaklah mengemukakan empat soalan khusus tentang sesuatu yang anda baca, sebagaimana yang telah kita perkatkan terlebih dulu. Kemukakanlah empat soalan itu tentang sebarang buku, baik cereka mahupun bukan cereka, puisi mahupun sejarah, sains mahupun falsafah. Telah kita lihat bagaimana peraturan-peraturan bagi pembacaan buku-buku huraian dibentuk daripada empat soalan itu. Peraturan-peraturan bagi membaca karya sastera

imaginatif juga dibentuk daripada soalan-soalan tersebut, meskipun terdapat beberapa perbezaan dalam pembentukannya itu. Oleh kerana demikian keadaannya, maka empat soalan itulah yang akan kita perkatakan dengan lebih lanjut dalam bahagian ini, dan bukannya peraturan-peraturan pembacaan. Kita akan memperkatakan pelbagai soalan yang mesti dikemukakan, dan pelbagai jenis jawapan yang dapat dijangkakan.

Telah kita nyatakan bahawa buku-buku huraian terbahagi kepada jenis amali dan jenis teori – yakni buku-buku tentang masalah-masalah tindakan dan buku-buku tentang sesuatu yang hendak diketahui. Sebagaimana yang dinyatakan, buku-buku jenis teori itu seterusnya dibahagikan pula kepada jenis sejarah, sains (dan matematik), dan falsafah. Namun demikian, semua buku tersebut boleh bersifat amali dari segi-segi tertentu, dan dengan yang demikian kami tidak bercadang akan memperkatakan buku-buku amali dengan agak lebih mendalam.

Perkara terpenting yang perlu diingat tentang sebarang buku amali ialah bahawa *buku itu tidak mungkin akan dapat menyelesaikan masalah-masalah amali yang diperkatakannya itu*. Buku teori dapat menyelesaikan persoalan-persoalannya sendiri. Akan tetapi, suatu masalah amali hanya dapat diselesaikan dengan tindakan, dan tindakan terjadi hanya dalam alam, bukannya dalam buku.

Namun demikian, buku-buku amali dapat mengemukakan peraturan-peraturan umum yang dapat diterapkan terhadap pelbagai situasi khusus yang sejenis. Seseorang yang mencuba menggunakan buku-buku yang demikian mestilah menyesuaikan peraturan-peraturan tersebut dengan keadaan khusus yang dihadapinya, dan dengan demikian terpaksa membuat pertimbangan amali. Dengan kata-kata lain, pembaca sendiri mestilah menambahkan sesuatu terhadap buku untuk memungkinkan buku itu membantunya menyelesaikan masalahnya. Yang perlu ditambah adalah

pengetahuannya tentang situasi khusus dan penilaiannya tentang bagaimana peraturan-peraturan itu dapat diterapkan.

Anda akan segera dapat mengenal sebarang buku yang mengandung peraturan-peraturan sebagai buku amali. Namun, sebuah buku amali mungkin tidak terdiri daripada peraturan semata-mata. Buku itu mungkin mencuba menyatakan prinsip-prinsip yang menjadi asas peraturan-peraturan itu. Prinsip-prinsip itulah yang merupakan teori; teori-teorilah yang menghuraikan mengapa peraturan-peraturan itu berkesan. Itulah prinsip-prinsip teoritis yang telah membentuk peraturan-peraturan.

Oleh yang demikian, buku-buku teoritis terbahagi ke dalam dua kelompok utama. Setengahnya terutamanya memperkatakan peraturan-peraturan, sedangkan yang lain terutamanya memperkatakan prinsip-prinsip yang menjadi asas peraturan-peraturan itu. Kebanyakan buku agung dalam bidang ekonomi, politik dan moral adalah daripada jenis yang kedua.

Perlulah dinyatakan bahawa baik prinsip mahupun peraturan mungkin diketemukan dalam buku yang sama. Sebuah buku tentang prinsip-prinsip amali pada mulanya mungkin kelihatan seperti sebuah buku teori. Sebagaimana yang telah dinyatakan, dari satu segi hal ini ada benarnya. Buku yang demikian memperkatakan teori tentang jenis kegiatan yang khusus. Namun demikian, anda dapat mengenal buku itu sebagai buku amali kerana yang sering diperkatakannya adalah sesuatu kegiatan yang dapat dilakukan oleh seseorang dengan cara yang lebih baik atau lebih buruk.

Pernyataan-pernyataan utama dalam sesebuah buku amali yang membicarakan peraturan-peraturan adalah peraturan-peraturan itu sendiri. Anda selalunya dapat mengenal peraturan, kerana peraturan mendorong anda melaksanakan sesuatu untuk tujuan amali. Hujah-hujah dalam buku yang demikian merupakan usaha untuk membuktikan bahawa peraturan-peraturan itu berkesan.

Penulisnya mungkin mempergunakan prinsip-prinsip untuk membuktikan dakwaannya, atau dia mungkin memperlihatkan bagaimana peraturan-peraturan itu terlaksana dalam keadaan-keadaan yang khusus. Carilah kedua-dua jenis hujah ini.

Dalam buku-buku tentang prinsip amali, pernyataan-pernyataan dan hujah-hujahnya yang utama akan kelihatan betul-betul seperti yang terdapat dalam sebuah buku teoritis. Tetapi, terdapat suatu perbezaan di antara membaca buku yang demikian dengan membaca sebuah buku teoritis. Kerana pada akhirnya masalah-masalah yang hendak diselesaikan itu bersifat amali – yakni masalah tindakan, yang dapat dilaksanakan oleh seseorang dengan lebih baik atau lebih buruk – maka si pembaca buku yang demikian mencari peraturan-peraturan yang mungkin tidak dinyatakan, namun mungkin diketemukan pada prinsip-prinsip tersebut. Dia berusaha menemukan cara-cara untuk menerapkan prinsip-prinsip tersebut.

Jika tidak dibaca dengan cara yang demikian, maka sesebuah buku amali itu tidaklah dibaca menurut cara yang wajar baginya. Kegagalan membaca buku amali menurut cara yang wajar bererti tidak menggunakannya dengan sebaik-baiknya. Anda tidak memahaminya, dan dengan itu tidaklah dapat anda mengkritiknya dengan saksama.

Ada dua soalan khusus yang seharusnya anda tanyakan pada diri sendiri sewaktu membaca sebarang jenis buku amali. Soalan yang pertama: Apakah objektif pengarangnya? Yang kedua: Bagaimanakah rencananya untuk melaksanakan objektif-objektif tersebut? Anda mestilah dapat menjawab soalan-soalan ini jika anda hendak memahami dan mengkritik sesebuah buku amali.

Empat soalan asasi yang mesti anda kemukakan tentang sebarang buku perlulah dipinda sedikit sewaktu memperkatakan buku amali. Soalan yang pertama – Apakah yang diperkatakan oleh buku itu? – tidaklah banyak berubah. Oleh kerana buku

amali bersifat huraian, amatlah penting diikhtisarkan struktur buku tersebut.

Namun demikian, yang terutama sekali pentingnya ialah mencari persoalan-persoalan yang cuba diselesaikan oleh pengarangnya. Anda mestilah mengetahui apa yang hendak dilakukannya bererti mengetahui apa yang dikehendakinya supaya *anda* lakukan.

Soalan yang kedua – Apakah yang dinyatakan oleh pengarang, dan bagaimana ia menyatakannya? – juga tidak banyak berubah. Anda masih perlu mengenalpasti istilah-istilah, pernyataan-pernyataan, dan hujah-hujah pengarang. Namun demikian, anda bukan sahaja perlu menemukan apa yang dikehendaki pengarang supaya anda lakukan, tetapi juga menemukan saranannya tentang cara tindakan itu harus anda laksanakan.

Soalan ketiga – Apakah isi buku itu benar? – mengalami perubahan yang agak lebih banyak. Pertimbangan utamanya ialah apakah objektif-objektif pengarangnya – yakni matlamatnya dan kaedah-kaedah yang hendak digunakannya untuk mencapai matlamat itu – selaras dengan gagasan anda sendiri tentang apa yang wajar dicapai, dan cara manakah yang paling wajar untuk mencapainya.

Soalan yang keempat – Apakah buku itu penting? – adalah yang paling banyak diubah. Setelah membaca sebuah buku teoritis, jika anda menerima apa yang dinyatakan pengarangnya, pada keseluruhannya mahupun sebahagiannya, perlulah anda bersetuju dengan kesimpulan-kesimpulannya, dan tidak ada langkah lain yang diperlukan daripada anda. Namun, persetujuan dengan sebuah buku amali bermakna bahawa tindakan tertentu diperlukan. Jika anda berkeyakinan bahawa matlamat pengarangnya itu penting, dan jika anda percaya matlamat itu dapat dicapai dengan menggunakan kaedah-kaedah yang disarankannya, maka

tidaklah mungkin anda tidak mahu bertindak menurut cara-cara yang disarankan oleh pengarang itu.

Bagaimana Membaca Karya Sastera Imajinatif

Perbezaan asasi antara karya bersifat huraian dan karya sastera imajinatif ialah bahawa buku-buku huraian *berusaha menyalurkan pengetahuan* – pengetahuan tentang pengalaman-pengalaman yang telah atau mungkin dialami oleh si pembaca. Buku-buku karya imajinatif berusaha *menyalurkan pengalaman itu sendiri* – yakni pengalaman yang mungkin dialami, atau dikongsi, oleh si pembaca hanya melalui pembacaan – dan jika sekiranya buku itu berhasil, maka si pembaca memperoleh sesuatu yang dapat menghiburkannya.

Untuk *mengetahui* sesuatu, perlulah kita menggunakan tenaga membuat penilaian dan penaakulan, sedangkan kita *mengalami* sesuatu dengan menggunakan deria dan imaginasi. Pada umumnya, karya jenis cereka mengusik imaginasi kita. Janganlah mencuba menghindarkan kesan yang ditimbulkan oleh karya sastera imajinatif terhadap diri anda.

Oleh kerana matlamatnya berlainan, maka para penulis buku cereka dan buku huraian menggunakan bahasa dengan cara yang berlainan. Para penulis karya huraian menghindarkan penggunaan kata-kata yang kabur, sedangkan penulis karya imajinatif sering berusaha menimbulkan segala keindahan dan tenaga kata-kata dengan mempergunakannya dalam pelbagai makna. Keseluruhan sebuah puisi atau cerita menyatakan sesuatu yang lebih daripada yang dapat diucapkan oleh setiap satu kata yang terkandung di dalamnya.

Peraturan-peraturan membaca karya sastera imajinatif adalah sama dengan peraturan bagi membaca buku-buku huraian. Anda masih perlu menjawab empat soalan yang utama itu. Untuk

menjawab soalan yang pertama – Apakah yang diperkatakan oleh buku itu? – perlulah anda menemukan kesepaduan buku tersebut. Kesepaduan sesebuah cereka selalunya terletak pada plotnya. Plot merupakan garis kasar pengalaman, dan anda sepatutnya dapat menyatakannya dengan ringkas. Puisi yang pendek sekalipun mempunyai plot. Anda juga perlu menemukan bagaimana sebuah puisi, novel, atau drama dibentuk daripada adunan bahagian-bahagiannya, yakni daripada perkara-perkara terperinci dan peristiwa-peristiwa yang digunakan oleh pengarangnya untuk membentuk plotnya. Dalam sebuah cerita, bahagian-bahagian itu mestilah cocok dengan suatu pergerakan waktu, dengan permulaan, pertengahan dan akhirnya.

Untuk menjawab soalan yang kedua – Apakah yang dinyatakan oleh pengarangnya? – anda mestilah berusaha memahami watak-watak yang diciptakan pengarang untuk ceritanya, yakni emosi, pemikiran dan tindak-tanduk mereka. Anda juga perlu memahami alam yang dihuni oleh watak-watak itu dan dapat pula mengikuti perkembangan riwayat mereka dalam rangka plot tersebut.

Peraturan-peraturan ini adalah tentang novel dan drama, namun dapat pula diterapkan pada puisi, meskipun puisi yang pendek. Sebuah puisi, seperti karya cereka lainnya, merupakan usaha mencipta suatu pengalaman. Puisi juga mempunyai satu kesepaduan, dengan bahagian permulaan, pertengahan dan akhirnya, dan selalunya mempunyai sekurang-kurangnya satu watak – pembicara puisi tersebut. Jika sebuah puisi membingungkan anda setelah membacanya sekali, bacalah sekali lagi. Akan anda dapati bahawa usaha menuturkan puisi tersebut akan menolong anda memahaminya dengan lebih baik.

Sebuah drama hendaklah dibaca seperti sebuah cerita, tetapi si pembaca haruslah ingat bahawa, supaya sempurna, sebuah drama mestilah dipersembahkan di atas pentas. Sewaktu membaca, si

pembaca hendaklah membayangkan bagaimana rupanya drama itu di atas pentas.

Soalan yang ketiga – Apakah buku itu benar? – akan terjawab apabila anda dapat mengemukakan penilaian yang saksama tentang kebenarannya sebagai karya cereka. Apakah ceritanya diterima akal? Mungkinkah peristiwa yang demikian terjadi? Namun demikian, tidaklah harus anda mengkritik sebuah karya sastra imaginatif sehingga anda benar-benar pasti bahawa anda memahami pengalaman yang dikemukakan pengarang untuk anda hayati.

Sebagai karya seni, sebuah cereka adalah sempurna sepenuhnya. Berbeza daripada buku huraian, buku cereka tidak bertujuan mencapai suatu hasil tertentu yang melewati dirinya. Kita juga mestilah memberikan perhatian terhadap keindahannya, kerana keindahan sesebuah karya seni sering dihubungkan dengan kenikmatan yang diberikannya kepada kita apabila kita benar-benar mengenali karya tersebut. Namun demikian, kita tidak mungkin bersetuju atau tidak bersetuju dengan sebuah buku cereka; kita hanya menyukainya, atau tidak menyukainya.

Setelah selesai melakukan pembacaan aktif terhadap sebuah karya cereka – yakni melaksanakan segala aspek pembacaan analitis yang telah kita huraikan di sini – maka anda telah bersedia untuk menilainya. Penilaian anda yang pertama adalah apakah anda merasa senang akan buku itu, dan anda mestilah dapat menyatakan sama ada anda merasa senang atau sebaliknya. Setelah itu, perlulah anda memutuskan apakah kekuatan dan kelemahan buku itu, dan menyatakan alasan-alasan anda bagi pandangan tersebut.

Dari satu segi, soalan yang keempat – Apakah buku itu penting? – tidaklah perlu dikemukakan sehubungan dengan karya cereka. Tidak ada tindakan perlu dilakukan setelah anda selesai membaca sebuah novel, drama, atau puisi. Namun demikian, karya imaginatif boleh melahirkan tindakan tertentu, meskipun

tidaklah semestinya demikian; sebagai karya seni, karya tersebut boleh wujud demi dirinya sendiri. Untuk memungkinan anda membaca sebuah novel, drama, atau puisi dengan berkesan, yang perlu anda lakukan ialah menghayatinya sebagai satu pengalaman.

Bagaimana Membaca Karya Sejarah

Kita sepatutnya membaca karya sejarah bukanlah sekadar untuk mempelajari apa yang benar-benar terjadi pada waktu dan tempat tertentu pada zaman silam, tetapi juga untuk mempelajari cara-caranya manusia bertindak pada segala masa dan tempat, terutamanya kini. Sejarah merupakan kisah tentang peristiwa-peristiwa yang berkembang menjadi kini. Zaman kinilah yang menarik minat kita – zaman kini dan kemungkinan masa depannya. Masa depan itu sebahagiannya ditentukan oleh masa kini. Oleh yang demikian, anda juga dapat mempelajari sesuatu tentang masa depan daripada seorang ahli sejarah, meskipun daripada seorang ahli sejarah yang hidup beribu tahun yang lalu.

Perlulah diingat bahawa ahli sejarah mestilah senantiasa mengkhayalkan sesuatu. Tidaklah mungkin baginya mengetahui segala sesuatu yang terjadi pada zaman yang diperkatakan dalam karyanya itu. Dia perlu mencari atau mengadakan rangka umum perkembangan peristiwa-peristiwa, atau dia terpaksa mengandai-kan bahawa dia tahu mengapa watak-watak dalam ceritanya itu melakukan apa yang telah mereka lakukan. Dia perlu mencari sebab terjadinya peristiwa-peristiwa dan alasan-alasan bagi tindak-tanduk.

Oleh kerana terdapat pelbagai teori tentang sejarah, dan oleh kerana teori seseorang penulis itu mempengaruhi penceritaannya tentang peristiwa-peristiwa, maka perlulah dibaca lebih daripada satu penceritaan sahaja tentang sesuatu peristiwa atau zaman jika kita ingin memahaminya. Inilah peraturan pertama pembacaan

karya sejarah. Untuk menemukan hakikat tentang sesuatu zaman atau peristiwa, perlulah kita mengkajinya daripada segi yang berlainan. Jika kita tidak dapat membaca lebih daripada sebuah karya sejarah, maka tidaklah terdapat banyak kesempatan untuk mempelajari apa yang sebenarnya terjadi.

Meskipun kebanyakan karya sejarah lebih dekat kepada karya cereka daripada karya sains, namun kita hendaklah membacanya sebagai karya-karya huraian. Oleh yang demikian, perlulah kita mengemukakan soalan-soalan yang sama seperti yang dikemukakan terhadap sebarang buku jenis huraian.

Setiap karya sejarah mempunyai bidang pembicaraan khusus yang terbatas. Untuk menjawab soalan yang pertama – Apakah yang diperkatakan oleh buku ini? – perhatikanlah dengan teliti batasan-batasan yang dikenakan oleh pengarang terhadap dirinya sendiri. Jika kita hendak membaca sebuah karya sejarah dengan berkesan, perlulah kita mengetahui setepatnya apakah yang diperkatakan oleh buku itu dan apa yang tidak diperkatakannya.

Penulis karya sejarah mengisahkan sebuah cerita, dan cerita itu terjadi dalam satu ruang waktu. Oleh yang demikian, rangka kasarnya telah ditentukan. Akan tetapi, satu cerita dapat dikisahkan dengan pelbagai cara, dan untuk menjawab soalan yang kedua – Apakah yang dinyatakan oleh pengarang? – perlulah kita mengetahui cara yang dipilih oleh pengarang untuk menyampaikan kisahnya. Apakah dia telah membahagikan bukunya ke dalam beberapa bab menurut tahun, atau apakah dia membahagikannya menurut cara-cara lain? Apakah dalam satu bab tertentu dia membicarakan sejarah ekonomi zaman tersebut, dan membicarakan peperangan, agama, dan sastera dalam bab-bab yang lain pula? Yang manakah antara bidang-bidang ini yang paling penting baginya? Jika hal tersebut kita ketahui dan, jika kita dapat menyatakan bahagian manakah daripada cerita itu yang kelihatan asasi baginya, maka dapatlah kita memahaminya dengan lebih

baik. Kita mungkin tidak bersetuju dengan penentuannya tentang apakah yang asasi, namun masih ada sesuatu yang dapat kita pelajari daripadanya.

Kita dapat mengemukakan dua jenis soalan berkenaan dengan kebenaran sesebuah karya sejarah. Kita dapat memutuskan buku itu tidak memberikan gambaran yang setepatnya tentang kehidupan; kita mungkin merasa bahawa orang tidak bertingkah-laku seperti yang digambarkannya. Atau kita mungkin menganggap, terutamanya jika kita mempunyai pengetahuan khusus tentang bidang tersebut, bahawa si pengarang tidak menggunakan sumber-sumbernya dengan wajar. Kita mungkin mendapati bahawa dia belum membaca sebuah buku yang telah kita baca, atau bahawa faktanya tidaklah betul. Kita menjangkakan seorang penulis karya sejarah mengetahui segala sesuatu yang dapat diketahui tentang bidangnya. Dan seorang penulis yang baik mestilah tahu tentang apa yang mungkin terjadi, bukan sekadar apa yang dinyatakan oleh beberapa pemerhati dan penulis sebagai benar-benar telah terjadi.

Apakah buku itu penting? Besar kemungkinannya bahawa tidak ada jenis karya penulisan yang lebih besar kesannya terhadap tindakan manusia daripada sejarah. Sejarah yang menceritakan kepada kita tindakan-tindakan manusia pada zaman silam, sering mendorong kita supaya membuat perubahan-perubahan, untuk berusaha memperbaiki kehidupan kita. Sejarah menyarankan kepada kita apa yang mungkin, kerana sejarah menghuraikan sesuatu yang telah dilaksanakan. Jika sesuatu itu telah dilaksanakan, mungkin hal tersebut dapat dilakukan lagi – atau hal tersebut dapat dihindarkan. Sejarah dapat mendorong tindakan politik amali. Oleh yang demikian, amatlah penting karya sejarah dibaca dengan baik.

Namun demikian, sebagaimana yang kita ketahui, sejarah tidaklah terhenti seribu, atau seratus, tahun yang lalu. Orang-

orang lelaki dan perempuan terus menerus menulis tentang apa yang terjadi dan tentang bagaimana benda-benda mengalami perubahan. Sebagai anggota bangsa manusia dan sebagai warganegara, kita mempunyai tanggungjawab untuk berusaha memahami alam di sekeliling kita.

Sebagaimana halnya dengan karya-sejarah, tidaklah dapat dipastikan apakah kita memperoleh fakta-faktanya – kita tidak dapat memastikan apakah kita mengetahui apa yang sedang terjadi kini namun kita mesti berusaha untuk mengetahui. Untuk tujuan itu, kita perlulah bergantung pada makluman yang disampaikan oleh orang-orang yang melaporkan berita dalam suratkhbar, majalah atau buku.

Oleh yang demikian, perkara yang paling penting diketahui sewaktu membaca sesuatu laporan tentang peristiwa-peristiwa semasa ialah *siapakah yang menulis laporan tersebut*. Apakah *jenis* akal budi yang dimilikinya? Untuk menjawab soalan ini, perlulah kita mengemukakan serentetan soalan terhadap sebarang bahan bacaan yang memperkatakan peristiwa-peristiwa semasa.

1. *Apakah yang hendak dibuktikan oleh pengarangnya?*
Hampir semua buku tentang hal ehwal semasa berusaha untuk membuktikan sesuatu. Selalunya si pengarang menjelaskan perkara tersebut dalam prakatanya.

2. *Siapakah yang hendak diyakinkannya?* Tanyakanlah pada diri anda sendiri apakah buku itu ditujukan kepada satu kelompok manusia tertentu dengan minat yang istimewa, atau apakah buku itu untuk sesiapa sahaja.

3. *Apakah ada pengetahuan khusus yang diandaikannya?*
Andaian yang dibuat oleh pengarang, dan andaian yang dianggapnya juga terdapat pada anda, kadangkala amat sukar dapat dikesan. Namun demikian, anda tetap perlu mengesannya.

4. *Adakah bahasa istimewa yang digunakannya?* Ini merupakan cara lain untuk menyatakan bahawa anda perlu memahami istilah-istilah pengarangnya.

5. *Apakah dia benar-benar mengetahui apa yang diperkatakannya?* Soalan terakhir ini mungkin yang paling sukar untuk dijawab. Apakah si penulis mengetahui fakta-faktanya? Apakah dia mengetahui segala sesuatu yang patut diketahui untuk memungkinkannya mengemukakan laporan saksama tentang situasi tersebut? Meskipun pengarang bertujuan mengemukakan laporan yang benar untuk kita, namun maklumannya mungkin tidak memadai. Dia sendiri mungkin menyedari, dan mungkin juga tidak menyedari, hal tersebut.

Pengarang sesebuah buku tentang hal ehwal semasa mungkin mempunyai kepentingan tertentu supaya anda memahaminya menurut cara yang tertentu. Atau, jika dia sendiri tidak mempunyai kepentingan, sumber maklumannya mungkin mempunyai kepentingan yang demikian. Anda mestilah maklum tentang kepentingan itu, dan senantisa mengingatnya sewaktu membaca buku tersebut.

Bagaimana Membaca Karya Sains dan Matematik

Kami tidak akan memberi nasihat kepada anda tentang bagaimana membaca setiap jenis karya sains dan matematik. Pembicaraan dibataskan hanya pada dua jenis: buku-buku sains dan matematik yang ditulis oleh para penulis agung zaman silam, dan karya-karya sains moden yang dihasilkan untuk golongan yang bukan ahli sains. Apa yang kita nyatakan mungkin sering dapat dimanfaatkan bagi buku-buku yang ditulis untuk para ahli sains yang terlatih, namun bukanlah tujuan kami membantu anda membaca buku-buku yang demikian itu. Terdapat dua alasan bagi

hal ini. Yang pertama, semata-mata kerana kami bukanlah ahli sains dan dengan yang demikian tidak mampu melakukannya.

Alasan kedua adalah seperti berikut. Sehingga akhir abad kesembilan belas, buku-buku sains yang utama ditulis untuk golongan bukan ahli sains. Orang-orang terpelajar dikehendaki membaca buku-buku sains, selain daripada buku-buku sejarah dan falsafah. Kebanyakan ahli sains moden tidak mengendahkan pandangan golongan bukan ahli sains, dan sama sekali tidak berusaha menulis untuk bacaan mereka. Hari ini, terdapat kecenderungan karya-karya sains ditulis oleh para ahli sains untuk ahli sains sendiri. Penulisan yang serius tentang sesuatu bidang sains membuat andaian bahawa pembacanya mempunyai pengetahuan khusus yang begitu mendalam sehingga buku itu biasanya tidak dapat dibaca oleh yang tidak terdidik dalam bidang tersebut.

Keadaan yang sama terdapat juga dalam bidang-bidang lainnya. Para ahli falsafah moden jarang sekali menulis untuk sesiapa melainkan para ahli falsafah lainnya; ahli ekonomi menulis hanya untuk para ahli ekonomi; dan malah para ahli sejarah mulai mendapati bahawa menulis untuk para pembaca yang mempunyai pengetahuan terperinci tentang sesuatu bidang merupakan cara yang lebih baik untuk saling bertukar gagasan, jika dibandingkan dengan menulis untuk para pembaca biasa.

Apakah yang dilakukan oleh para pembaca umum dalam keadaan yang seperti ini? Tidak mungkin baginya mempunyai pengetahuan yang terperinci tentang segala bidang. Oleh yang demikian, terpaksa dia bergantung pada karya-karya penulisan umum. Sebahagian daripada karya-karya tersebut cukup baik, sedangkan sebahagiannya pula tidaklah begitu baik. Akan tetapi, tidak memadai hanya mengetahui perbezaannya; tidak kurang pula pentingnya kemampuan membaca buku-buku yang baik itu dengan kefahaman sepenuhnya.

Sedikit masa yang lalu, para ahli sains yang 'serius' berpendapat bahawa orang-orang yang menulis tentang sejarah sains berbuat demikian kerana mereka merupakan ahli sains yang tidak berhasil dan tidak dapat memberikan sumbangan untuk menambah khazanah pengetahuan sains. Pernyataan sikap seperti ini sudah tidak sering lagi kedengaran kini, dan para ahli sains yang baik kini melakukan kajian tentang sejarah bidangnya. Alasan bagi pertukaran sikap ini adalah bahawa para ahli sains hari ini bukan sahaja berminat mengetahui bidangnya, tetapi juga untuk mengetahui segala sesuatu tentang bidangnya itu.

Oleh yang demikian, tidaklah kami berasa ragu-ragu lagi untuk menyarankan supaya anda mencuba membaca sekurang-kurangnya sebuah buku sains yang agung. Sesungguhnya, tidaklah ada sebarang alasan untuk tidak membaca buku-buku yang demikian. Buku-buku itu tidaklah mustahil dibaca, meskipun buku seperti karya Newton, *Mathematical Principles of Natural Philosophy*, asalkan anda bersedia untuk mencubanya.

Inilah nasihat paling berguna yang dapat kami berikan pada anda. Menurut peraturan membaca buku-buku huraian, anda dikehendaki menyatakan persoalan yang cuba diselesaikan oleh seseorang pengarang dengan sejelas yang mungkin. Peraturan pembacaan analitis ini amatlah penting bagi segala jenis penulisan huraian, terutama bagi buku-buku yang membicarakan sains dan matematik.

Sebagai pembaca biasa, anda tidak membaca buku-buku sains zaman silam untuk mengetahui tentang persoalan-persoalan sains semasa. Sebaliknya, anda membaca buku-buku tersebut untuk memahami sejarah dan falsafah sains. Sesungguhnya, itulah tanggungjawab pembaca umum terhadap sains. Dia perlu mengenal persoalan-persoalan yang cuba diselesaikan oleh para ahli sains yang agung itu – mengenal masalahnya, dan juga mengenal sumber masalah-masalah tersebut.

Untuk mengikuti perkembangan sains, menyusur-galur hubungan dan makna fakta-fakta, andaian-andaian, serta prinsip-prinsipnya, merupakan suatu kegiatan akal budi yang menjadi satu bahagian penting dalam pendidikan, kerana selamanya tujuan utama pendidikan adalah pembelajaran melalui penemuan.

Yang kita maksudkan dengan buku sains ialah buku yang melaporkan penemuan-penemuan atau kesimpulan-kesimpulan daripada bentuk-bentuk kajian sains yang tertentu, baik yang dihasilkan oleh ujikaji mahupun pengamatan terhadap alam di sekitar kita. Selamanya, masalah sains adalah menghuraikan benda atau peristiwa dengan setepat mungkin, dan menyusur-galur hubungan-hubungan antara benda-benda dan peristiwa-peristiwa yang diamati itu.

Istilah-istilah penting dalam sesebuah buku sains biasanya dinyatakan dengan kata-kata yang luar biasa. Lazimnya, kata-kata itu mudah dikesan, dan dengan bantuannya anda dengan cepat dapat memahami pernyataan-pernyataannya. Pernyataan-pernyataan utamanya selalunya bersifat umum. Berbeza daripada para penulis sejarah, seorang ahli sains tidak merujuk kepada waktu atau tempat tertentu yang khusus. Dia berusaha menyatakan keadaan benda-benda pada umumnya, yakni bagaimana benda-benda itu bertingkah laku pada umumnya.

Mungkin terdapat dua kesukaran utama sewaktu membaca sesebuah buku sains. Salah satunya ada hubungan dengan hujah. Hujah-hujah yang utama biasanya membuktikan suatu pernyataan umum berdasarkan dalil yang dapat diamati – suatu keadaan khusus yang dihasilkan oleh suatu ujikaji, atau beberapa kejadian yang dikumpulkan dengan pengamatan yang teliti. Hujah-hujah yang lainnya pula membuktikan sesuatu pernyataan berdasarkan pernyataan-pernyataan lainnya yang telah dibuktikan menurut cara-cara tertentu.

Untuk memahami hujah-hujah sains berdasarkan dalil yang diamati, anda mestilah dapat memahami dalil-dalil yang dikemuka-

kan oleh penulisnya. Malangnya, perkara ini tidak senantiasanya dapat dilaksanakan dengan semata-mata berbekal buku yang ada di tangan. Jika anda tidak dapat memahami dalilnya, hanya satu perkara yang dapat anda lakukan: anda mestilah mencari jalan untuk memperoleh pengalaman khas yang diperlukan itu untuk diri anda sendiri, mungkin dengan melakukan sendiri ujikaji, atau dengan melihat orang lain melakukannya.

Kesukaran kedua dalam membaca sesebuah buku sains ada hubungannya dengan matematik. Banyak orang yang takut akan matematik lalu menganggap bahawa mereka tidak akan mampu membaca sebuah buku yang memperkatakan matematik. Tidak ada orang yang tahu dengan pasti mengapakah hal ini terjadi. Mungkin salah satu sebabnya ialah kita tidak diberitahu, atau tidak diberitahu sejak awal, bahawa matematik merupakan semacam bahasa, dan kita dapat mempelajarinya seperti sebarang bahasa termasuklah bahasa kita sendiri. Bahasa kita sendiri perlu dipelajari dua kali, pertamanya sewaktu kita belajar menuturkannya, keduanya sewaktu kita belajar membaca. Namun demikian, matematik hanya perlu dipelajari sekali, kerana matematik hampir keseluruhannya merupakan bahasa tertulis. Anda mungkin dapat membaca bahasa itu dengan lebih berhasil daripada yang anda sangkakan.

Jika anda bermaksud untuk membaca sebuah buku matematik, maka anda perlu membacanya daripada mula hingga akhir; tetapi jika anda bermaksud untuk membaca sebuah buku sains dengan unsur-unsur matematik di dalamnya, mungkin anda dapati bahawa anda boleh melangkau sahaja masalah-masalah yang membingungkan anda, terutamanya sewaktu membaca buku tersebut buat kali pertamanya. Biasanya, anda dapat memahami serba sedikit tentang bidang yang diperkatakan oleh si pengarang tanpa memahami huraian matematik itu sepenuhnya. Ingatlah selalu bahawa tujuan anda membaca buku itu *bukanlah untuk*

menjadi ahli sains yang terlatih, tetapi untuk memahami persoalan yang diperkatakannya.

Jika anda telah dapat membaca beberapa buah buku sains zaman silam yang ditulis oleh beberapa tokoh sains yang agung, anda sepatutnya tidak akan menghadapi banyak kesukaran membaca karya-karya sains popular yang dihasilkan untuk golongan bukan ahli sains. Hal ini adalah kerana meskipun buku-buku itu tentang sains, namun di dalamnya tidaklah terdapat dua masalah besar yang menyukarkan para pembaca biasa. Pertama, buku-buku itu sekadar melaporkan hasil-hasil ujikaji dan bukannya memerikan ujikaji yang sebenarnya. Kedua, sedikit sekali atau tidak ada sama sekali unsur matematik terdapat dalam buku-buku tersebut. Namun demikian, sebagaimana yang telah kita nyatakan terlebih dulu, anda perlulah *membaca secara aktif* jika anda hendak memahami apa yang anda baca.

Bagaimana Membaca Karya Falsafah

Seperti sains dan matematik moden juga, hari ini karya falsafah biasanya tidak ditulis untuk para pembaca biasa. Namun demikian, ada buku-buku falsafah yang dapat, dan kami anggap patut anda baca. Sehingga kira-kira tahun 1930, atau mungkin lebih kemudian daripada itu, buku-buku falsafah ditulis untuk pembaca umum. Para ahli falsafah berpendapat bahawa oleh kerana persoalan-persoalan yang mereka kemukakan dan cuba mereka jawab menjejaskan setiap orang, maka semua orang patut mengetahui apa yang mereka fikirkan. Segala sesuatu yang kami nyatakan di sini bertujuan untuk membantu anda membaca buku-buku falsafah yang agung.

Persoalan-persoalan yang dikemukakan oleh para ahli falsafah mungkin ada hubungannya dengan keadaan atau kewujudan, perubahan atau proses menjadi sesuatu, kuasa akal budi manusia,

atau batasan-batasan pengetahuan manusia. Persoalan-persoalan ini tidaklah sukar dikemukakan atau difahami, namun menjawabnya dengan jelas lagi jitu amatlah sukar. Soalan-soalan ini merupakan persoalan teori seperti yang telah kita perkatakan dalam bab tentang buku-buku teori.

Akan tetapi, para ahli falsafah juga mungkin menanyakan soalan-soalan lain, yakni soalan-soalan tentang kebaikan dan kejelekan, yang betul dan yang salah, kebahagiaan, dan hubungan manusia dengan negara dan masyarakat, atau perang dan damai. Senarai persoalan-persoalan ini tidaklah menyeluruh. Akan tetapi, soalan-soalan dalam kelompok pertama itu, yakni soalan-soalan tentang keadaan sesuatu dan proses menjadi sesuatu, ada hubungannya dengan keadaan yang ada dan terjadi di alam ini. Soalan-soalan yang demikian itu termasuk dalam bidang falsafah teoritis. Soalan-soalan dalam kelompok kedua, yakni soalan-soalan tentang kebaikan dan kejelekan, atau benar dan salah, ada hubungannya dengan apa yang sepatutnya dilakukan, tentang matlamat yang sepatutnya dituju oleh semua manusia. Soalan-soalan itu termasuk dalam bidang falsafah amali.

Perkara yang paling penting dicari sewaktu membaca karya falsafah ialah soalan atau soalan-soalan yang cuba dijawab oleh buku itu. Caranya si pengarang menjawab soalan-soalan itu akan dipengaruhi oleh prinsip-prinsip kawalannya. Setiap ahli falsafah agung mempunyai prinsip-prinsip kawalan tertentu yang membentuk karyanya. Prinsip-prinsip kawalan mudah ditemui jika dia menyatakannya dalam buku yang sedang anda baca, tetapi dia mungkin tidak berbuat demikian. Tidaklah pasti apakah kami dapat memberitahu anda bagaimana menemukan prinsip-prinsip kawalan itu, namun jika anda menemuinya perhatikan bagaimana prinsip-prinsip tersebut mempengaruhi penulisan si pengarang. Misalnya, kami berpendapat bahawa gagasan kawalan bagi Plato, ahli falsafah Yunani purba itu, ialah perbincangan tentang

perkara-perkara falsafah mungkin merupakan kegiatan manusia yang paling penting. Gagasan itu jarang sekali dinyatakan dalam penulisan Plato, namun gagasan tersebut tersirat di beberapa tempat.

Persoalan asas bagi falsafah teoritis ialah menghuraikan mengapakah sesuatu berada dalam keadaan tertentu, bukannya untuk memerikan benda-benda seperti yang dilakukan oleh sains. Persoalan-persoalan itu mestilah mempunyai jawapan yang berasaskan hujah dan analisis yang jelas. Oleh yang demikian, sewaktu membaca karya falsafah, usaha anda yang utama hendaklah ditumpukan pada istilah dan pernyataan. Kata-kata yang mengucapkan peristilahan ahli falsafah itu biasanya diambil daripada pengucapan sehari-hari, tetapi digunakan dengan pengertian yang istimewa. Si pembaca hendaklah memastikan bahawa dia memahaminya.

Kebanyakan buku falsafah mengemukakan beberapa pernyataan yang menurut anggapan pengarangnya mudah difahami. Pernyataan-pernyataan tersebut terbit secara langsung daripada pengalaman, dan bukannya dibuktikan berdasarkan pernyataan-pernyataan lainnya. Seperkara yang perlu diingat ialah bahawa pengalaman yang menjadi sumber pernyataan itu, berbeza daripada pengalaman khas ahli sains, merupakan pengalaman bersama semua manusia. Untuk memahaminya, anda hanyalah perlu menggunakan akal budi anda sendiri dan mengamati alam yang anda alami.

Dengan kata-kata lain, kaedah yang anda gunakan untuk membaca buku falsafah hampir sama dengan kaedah yang digunakan untuk menghasilkan buku itu. Seorang ahli falsafah yang meneliti sesuatu persoalan tidak dapat melakukan sesuatu selain memikirkan persoalan itu. Seorang pembaca yang membaca buku falsafah tidak dapat melakukan sesuatu selain membacanya – yang bermakna memikirkan persoalan itu. Tidaklah ada alat bantu lainnya, kecuali akal budi itu sendiri.

Amatlah besar manfaatnya membaca buku-buku oleh ahli falsafah agung lainnya yang mengkaji persoalan-persoalan yang sama seperti yang dikaji oleh pengarang buku tersebut. Para ahli falsafah telah melakukan sejumlah besar perbualan panjang dalam sejarah pemikiran. Hakikat bahawa ahli-ahli falsafah berbeza pendapat tidaklah harus menggusarkan anda, atas dua alasan. Pertamanya, persoalan yang mereka perbalahkan itu mungkin merupakan salah satu persoalan besar dunia yang belum pernah dapat diselesaikan. Keduanya, andalah yang mesti memutuskan sendiri apakah akan bersetuju dengan pengarangnya atau tidak. Hanya setelah anda membaca buku falsafah dengan baik – dan ini bererti membaca karya ahli-ahli falsafah lainnya tentang bidang yang sama – barulah dapat anda menilai yang mana benar dan yang mana salah.

Nota Tentang Buku-Buku yang Didasarkan pada Kepercayaan

Berbeza daripada falsafah, prinsip-prinsip utama agama merupakan pernyataan iman yang diyakini tanpa soal jawab lagi oleh para penganut agama itu. Sebuah buku keagamaan senantiasa diasaskan pada rukun dan syahadat sesuatu agama itu.

Jika anda menganut kepercayaan yang berlainan daripada si pengarang, anda masih dapat membaca sebuah buku keagamaan *dengan baik* dengan menanggapi rukun-rukunnya dengan kesungguhan yang sama seperti anda menanggapi andaian-andaian seorang ahli matematik. Tetapi haruslah anda ingat bahawa iman, bagi orang yang memilikinya, merupakan bentuk pengetahuan yang paling pasti, bukan sekadar satu pandangan yang boleh diubah-ubah.

Demikianlah juga halnya buku-buku asas sebarang kelompok yang menuntut para penganutnya mematuhi peraturan-peraturannya

tanpa soal jawab lagi. Untuk memahami buku-buku yang demikian, anda sebagai pembaca yang analitis, hendaklah ingat bahawa bagi para penganutnya, buku itu mempunyai hanya satu kaedah pembacaan yang betul. Banyak pembaca hari ini melakukan kesalahan dengan keengganannya untuk menanggapi secara serius, meskipun untuk beberapa ketika cuma, pernyataan iman yang merupakan prinsip utama bagi beberapa pengarang tertentu. Tugas si pembaca ialah untuk menganggap prinsip utama pengarang itu sebagai kebenaran sewaktu dia sedang membaca buku tersebut, lalu membacanya dengan segala ketelitian yang wajar diberikan pada sebuah buku huraian.

Bagaimana Membaca Karya Sains Sosial

Apakah sains sosial? Bidang tersebut merupakan satu kelompok bidang-bidang sains, seperti ilmu politik dan sejarah, yang menumpukan perhatiannya pada pengkajian masyarakat manusia. Hari ini, terdapat sejumlah besar buku dan rencana yang dapat digolongkan dalam bidang umum kepustakaan sains sosial. Kita menggunakan frasa 'kepustakaan sains sosial' dan bukannya 'buku sains sosial' kerana telah menjadi kebiasaan dalam sains sosial membaca sebilangan buku tentang sesuatu bidang. Selain daripada itu, sewaktu membaca karya sains sosial kita berminat terhadap persoalan atau masalah tertentu dan bukannya pengarang atau buku tertentu. Misalnya, kita berminat akan persoalan pendidikan, dan membaca beberapa buah buku tentang bidang tersebut.

Namun demikian, kepustakaan sains sosial tidaklah terbatas pada karya bukan cereka sahaja. Terdapat juga kini satu koleksi besar karya-karya moden yang penting yang dapat disebut cereka sains sosial. Dalam hal ini, tujuannya adalah, dengan menggunakan kata-kata, menghasilkan satu gambaran tentang

masyarakat yang memungkinkan kita, umpamanya, melihat kesan sosial daripada sains dan industri. Kuasa sosial, harta dan pemilikannya, pengagihan kekayaan, diperikan dan dinilai dalam karya-karya novel, drama dan cerita pendek. Oleh kerana karya-karya tersebut membicarakan persoalan yang penting daripada segi sosialnya, maka dapatlah karya-karya tersebut dianggap sebagai bahagian daripada kepustakaan sains sosial.

Karya-karya sains sosial mungkin kelihatannya mudah dibaca. Karya-karya itu sering diasaskan pada pengalaman-pengalaman kita yang biasa, dan ditulis dengan gaya yang sudah biasa kita alami sewaktu membaca karya-karya cereka dan sejarah. Selain itu, kita juga sudah biasa dengan kosa kata sains sosial dan sering menggunakannya. Misalnya, perkataan 'masyarakat' dan 'budaya', atau frasa 'masalah-masalah politik, sosial dan ekonomi' saban hari kita temui dalam perbualan dan suratkhabar.

Namun, perkara-perkara yang menjadikan kepustakaan tersebut tampaknya mudah dibaca, mungkin pula menjadikannya sukar dibaca. Misalnya, oleh kerana beberapa istilah dan pernyataan dalam kepustakaan sains sosial moden begitu sering digunakan dan amat popular, maka para penulis sering menggunakannya tanpa benar-benar memahami apa yang dimaksudkannya.

Selain daripada itu, setengah pembaca mempunyai sikap yang tegas tentang sesuatu perkara yang diperkatakan oleh seseorang pengarang. Oleh kerana sikap tegasnya itu, maka si pembaca tersebut sering teragak-agak untuk mempersoal apa yang dibacanya atau sebaliknya tidak sabar-sabar lagi untuk berbuat demikian. Namun begitu kesukaran yang paling utama dalam pembacaan kepustakaan sains sosial ialah bahawa kepustakaan itu merupakan penulisan huraian jenis campuran dan bukannya jenis tulen. Sebahagian besar kepustakaan sains sosial merupakan adunan yang terdiri daripada sains, falsafah, sejarah, dan sekali-sekala, cereka. Jika sains sosial senantiasa merupakan adunan

yang sama, maka kita akan menjadi biasa dengannya, seperti halnya karya sejarah. Namun, tidaklah demikian halnya. Adunan itu berbeza-beza daripada satu buku ke satu buku, dan si pembaca menghadapi tanggungjawab mengenalpasti adunan yang terdapat dalam setiap buku yang dibacanya.

Anda tentu ingat bahawa seorang pembaca analitis mesti menjawab soalan: Buku jenis apakah ini? Bagi karya cereka, soalan ini tidaklah sukar dijawab. Dalam hal sains dan falsafah, soalan ini juga tidaklah terlalu sukar dijawab; dan meskipun karya sejarah merupakan satu adunan, si pembaca biasanya tahu bahawa dia sedang membaca karya sejarah. Namun demikian, pelbagai unsur yang berbaur membentuk sains sosial, dan pelbagai cara unsur-unsur itu diadun, menjadikan soalan tersebut sukar dijawab.

Kendatipun demikian, pembaca analitis masih perlu menjawab soalan tersebut. Tugas itu bukan sahaja tugasnya yang pertama, tetapi yang terpenting pula. Jika dia dapat menyatakan apakah yang terkandung dalam buku yang dibacanya, maka lebih hampirlah dia pada memahami buku tersebut.

Tidaklah terdapat sebarang masalah khusus dalam mengikhtisarkan sebuah buku sains sosial, tetapi sebagaimana yang telah kami nyatakan, memahami istilah-istilah pengarangnya mungkin terlalu sukar, kerana si pengarang mungkin tidak mengucapkannya dengan jelas. Namun demikian, sedikit pemahaman bersama tentang istilah-istilah biasanya masih mungkin terjadi. Daripada istilah-istilah, beralih pula kita kepada pernyataan dan hujah, dan dalam hal ini juga tidaklah terdapat masalah khusus, jika bukunya baik. Namun soalan terakhir yang perlu anda kemukakan tentang sebarang buku – Apakah buku ini penting? – mesitlah dijawab dengan teliti. Jika anda tidak bersetuju dengan kesimpulan-kesimpulan pengarangnya, pastikan bahawa anda tahu mengapa anda tidak bersetuju dengannya.

Telah kita nyatakan bahawa membaca kepustakaan sains sosial memerlukan kita membaca beberapa buah buku tentang sesuatu bidang, dan bukannya membaca sebuah buku sahaja. Kita berminat akan *satu perkara atau persoalan tertentu*, yang mungkin meliputi hanya satu bahagian kecil daripada sesebuah buku, dan bukannya akan *seseorang pengarang tertentu atau keseluruhan sesebuah buku*. Pembacaan jenis ini memerlukan peraturan-peraturan pembacaan yang baru. Kita akan memperkatakan peraturan-peraturan itu dalam bab yang berikutnya, manakala kita beralih dari peringkat ketiga pembacaan (pembacaan analitis) ke peringkat keempat pembacaan, yang kita sebut pembacaan bandingan atau sintopik.

BAHAGIAN 4

Tujuan-Tujuan Membaca

***Peringkat Keempat Pembacaan:
Pembacaan Bandingan atau Sintopik***

PERBINCANGAN kita yang ringkas tentang kepustakaan sains sosial memperkenalkan betapa perlunya pembacaan bandingan, atau pembacaan sintopik. Namun demikian, syarat pertama dalam pembacaan sintopik ialah menyedari bahawa lebih daripada sebuah buku yang penting bagi sesuatu persoalan tertentu. Secara umumnya, mengetahui buku mana yang patut dibaca merupakan syarat kedua. Syarat kedua ini lebih sukar dipenuhi daripada syarat pertama.

Kesukaran itu menjadi nyata sebaik-baik sahaja kita meneliti frasa ‘dua atau lebih buku tentang perkara yang sama’. Apakah yang kita maksudkan dengan ‘perkara yang sama’?

Misalnya, katakanlah anda berminat untuk membaca tentang gagasan cinta. Oleh kerana bahan kepustakaan tentang cinta amatlah luas, anda tidak akan mengalami kesukaran besar untuk menyediakan satu senarai buku untuk dibaca. Katakanlah anda telah melakukan langkah tersebut, dengan bertanya pada orang, dengan meneliti daftar buku di sebuah perpustakaan yang baik, atau dengan memeriksa senarai bahan bacaan yang disarankan

dalam sebuah buku tentang bidang anda. Dan katakanlah juga bahwa anda telah membatasi diri pada karya-karya jenis huraian sahaja.

Pembacaan yang sepintas lalu sahaja sudah memperlihatkan sejumlah besar bahan bacaan yang beraneka jenis tentang cinta.

Akan anda dapati bahawa hampir segala sesuatu yang terjadi telah pernah diperkatakan oleh seseorang, baik tentang mencintai, mahupun tentang dicintai – atau kedua-duanya – pada sesuatu masa tertentu. Dengan bahan yang sebegitu banyak, bagaimanakah perkara tersebut akan anda perkatakan? Anda mungkin memutuskan akan membataskan perbincangan pada cinta di antara manusia – mungkin cinta di kalangan orang yang sebaya, umpamanya, atau orang-orang yang berlainan umurnya. Namun demikian, meskipun anda membaca hanya sebahagian kecil buku-buku yang ada tentang perkara tersebut, anda pasti akan mendapati bahawa terdapat bahan yang begitu banyak.

Katakanlah anda berhasil memperoleh satu pengertian sepunya daripada pelbagai gagasan tentang cinta manusia itu. Namun demikian, tidaklah semua masalah anda telah diatasi. Sewaktu membaca, banyak perkara yang anda fikirkan yang mungkin sekali lagi mengubah pembatasan perbincangan anda. Meskipun anda sepatutnya mengetahui perkara yang hendak anda perkatakan sebelum membaca secara bandingan, anda juga terpaksa meminda batasan pembicaraan anda sewaktu sedang membaca. Ada kalanya, anda mendapati perlu membaca sedozen, atau seratus buku, sebelum dapat memutuskan persoalan apakah yang hendak anda perkatakan. Sesungguhnya, anda tidak akan tahu setepatnya apakah pokok pembicaraan anda sehingga setelah anda selesai membaca, bukan sebelumnya.

Meneliti Buku-Buku

Perkara pertama yang harus dilakukan apabila anda telah mempunyai senarai buku ialah *meneliti semua buku dalam senarai itu*. Anda tidaklah harus membaca salah sebuah buku itu secara analitis sebelum meneliti keseluruhan senarai tersebut. Dua perkara akan tercapai dengan pembacaan penelitian ini. Pertamanya, anda akan memperolehi gambaran yang baik tentang pokok perbincangan anda, maka apabila anda membaca beberapa buku tersebut secara analitis anda tidaklah banyak membazir waktu. Dan keduanya, langkah tersebut membantu anda memendekkan senarai. Pembaca yang mahir bukanlah sekadar mengelaskan buku dalam fikirannya dan mempelajari serba sedikit tentang kandungannya. Dia juga memastikan apakah buku itu memperkatakan sesuatu yang penting tentang pokok pembicaraan-nya. Dia memastikan salah satu daripada dua perkara: Apakah buku itu patut dibaca dengan lebih mendalam atau buku itu, meskipun menarik, tidak mengandungi sesuatu yang berguna bagi pokok pembicaraannya dan dengan itu tidak perlu dibaca.

Setelah anda memperolehi buku-buku yang penting bagi pokok pembicaraan anda, bolehlah anda membacanya secara sintopik. Perhatikan bahawa dalam ayat terakhir itu kami tidak menyatakan 'membacanya secara analitis'. Tidaklah harus dilupakan bahawa anda *menerapkan seni pembacaan analitis sewaktu membaca sebuah buku*, ketika tujuan anda adalah memahami buku tersebut. Sebagaimana yang akan anda ketahui, tujuan pembacaan bandingan, atau sintopik, adalah agak berlainan.

Lima Langkah dalam Pembacaan Sintopik

Terdapat lima langkah dalam pembacaan sintopik. Kita tidak akan menyebutnya sebagai peraturan, meskipun kita boleh berbuat

demikian. Jika salah satu langkah tersebut tidak dilakukan, pembacaan sintopik menjadi jauh lebih sukar, mungkin juga mustahil, dilaksanakan. Kita akan memperkatakan langkah-langkah itu secara ringkas menurut tertib aturannya.

Langkah 1. Carilah bahagian-bahagian buku itu yang penting bagi keperluan anda. Dalam pembacaan sintopik, anda dan keperluan anda adalah yang akan dilayani, bukannya buku-buku yang anda baca itu. Oleh yang demikian, perlulah anda meneliti semua buku itu untuk mencari bahagian yang anda perlukan bagi memenuhi keperluan anda. Tujuannya bukanlah untuk memahami semua buku yang ada pada anda, tetapi untuk menentukan sebanyak mana daripada buku tersebut yang boleh anda manfaatkan. Ingatlah, tujuan anda menggunakan buku itu mungkin tidak sama dengan tujuan pengarang menulisnya. Sebagaimana yang telah dinyatakan, dalam pembacaan sintopik buku-buku yang dibaca itu melayani keperluan anda. Dalam ertikata ini, peringkat keempat pembacaan merupakan jenis pembacaan paling aktif yang dapat anda lakukan. Pembacaan analitis juga aktif, namun apabila anda membaca sesebuah buku secara analitis, andalah yang menjadi murid dan buku itu menjadi gurunya. Apabila anda membaca secara sintopik, *andalah* yang menjadi tuan, menguasai seluruh keadaan.

Langkah 2. Putuskanlah istilah-istilah yang akan digunakan. Dalam pembacaan analitis, telah kami nyatakan bahawa anda perlu menemukan istilah-istilah yang digunakan oleh pengarang dan bagaimana dia menggunakannya. Namun kini anda berhadapan dengan beberapa pengarang, dan tidaklah mungkin mereka semuanya menggunakan kata-kata atau istilah-istilah yang sama. Andalah yang perlu memutuskan istilah mana yang akan digunakan.

Mungkin inilah langkah yang paling sukar dalam pembacaan

sintopik. Sesungguhnya, ini bererti bahawa andalah yang memaksa si pengarang menggunakan bahasa anda dan bukannya menggunakan bahasa pengarang itu. Sewaktu membaca, anda perlu mengumpulkan satu set istilah yang akan membantu anda memahami semua pengarang itu, bukan sekadar beberapa orang daripada mereka, dan itu akan membantu anda menyelesaikan masalah anda.

Langkah 3. Sediakan pernyataan pandangan untuk pokok pembicaraan anda. Cara terbaik untuk melaksanakan langkah ini ialah menyediakan satu gugusan soalan-soalan yang dapat anda kemukakan kepada pelbagai buku tentang pokok perbincangan anda itu. Bukan semua pengarang akan menjawab soalan-soalan itu dengan cara yang sama, dan sebahagiannya mungkin tidak memberikan jawapan terhadap salah satu atau beberapa soalan anda. Tetapi, meskipun dia tidak memperkatakan persoalan tertentu, kita mungkin dapat mengandaikan pandangannya jika sekiranya dia memperkatakan persoalan tersebut. Namun demikian, dalam hal ini perlulah kita berhati-hati agar tidak menyatakan sesuatu yang tidak terlintas pada fikiran pengarang itu.

Langkah 4. Huraikan persoalan-persoalan. Jika sesuatu soalan itu jelas, dan jika pengarang-pengarang itu menjawabnya dengan cara-cara yang berlainan, maka fahamlah kita akan makna persoalan atau isu tersebut. Sesuatu persoalan akan menjadi amat jelas jika dua orang pengarang yang memahami suatu soalan itu dengan cara yang sama menjawabnya dengan cara yang berlainan atau bertentangan. Pembaca sintopiklah yang bertanggungjawab menyusun gagasan-gagasan para pengarang itu dalam suatu perbincangan yang teratur tentang pandangan-pandangan mereka. Kini kita telah bersedia untuk memperkatakan langkah terakhir dalam pembacaan sintopik.

Langkah 5. Analisalah perbincangan. Marilah kita andaikan

bahawa masalah yang menjadi titik tolak perbincangan anda itu bukanlah persoalan yang mudah, tetapi sebaliknya merupakan salah satu masalah yang telah direnungkan oleh para ahli falsafah selama beberapa abad dan tidak banyak persetujuan yang telah tercapai tentangnya. Hakikat tentang sesuatu masalah seperti ini amatlah sukar dicari, tetapi jika hakikat itu akan tercapai maka pencapaiannya mungkin terjadi hanya dalam gagasan-gagasan para pengarang yang saling bertentangan, dan pada perbincangan teratur tentang pandangan-pandangan mereka. Jika anda hendak mengemukakan sesuatu hakikat kepada akal budi anda – dan kepada akal budi orang lain juga – tidaklah memadai anda sekadar mengemukakan dan menjawab soalan-soalan. Anda mestilah menanyakannya menurut aturan tertentu dan memperlihatkan bagaimana soalan-soalan itu telah dijawab dengan cara-cara yang berlainan, dan mencuba menjelaskan mengapa berlaku demikian. Setelah berbuat begitu, barulah anda dapat menyatakan bahawa anda telah menganalisis perbincangan tentang persoalan tersebut.

Tujuan pembacaan sintopik bukanlah memperoleh jawapan muktamad bagi soalan-soalan, dan bukan juga memperoleh penyelesaian terakhir bagi persoalan yang menjadi titik tolak pembicaraan anda. Tujuannya adalah pemahaman. Seorang pembaca sintopik mestilah bersikap objektif sewaktu dia mengkaji pokok perbincangannya, menimbangkan setiap pendapat secara saksama.

Sebenarnya tugas ini merupakan tugas mustahil. Namun terpaksalah juga dia mengusahakannya.

Pembacaan dan Pertumbuhan Akal Budi

SELESAILAH kini tugas yang kami hadapi sejak permulaan buku ini. Telah kami perlihatkan bahawa kegiatan merupakan unsur terpenting dalam pembacaan yang berkesan, dan bahawa lebih aktif pembacaan itu maka lebih berkesanlah hasilnya.

Telah kita nyatakan bahawa pembacaan yang aktif merupakan usaha mengajukan soalan-soalan. Kami telah menyatakan soalan-soalan yang mesti dikemukakan terhadap sebarang buku, dan menyatakan kepada anda bagaimana soalan-soalan itu harus dijawab dengan cara-cara yang berlainan bagi buku-buku yang berlainan jenisnya.

Kami telah menyelesaikan tugas kami, tetapi anda mungkin belum menyelesaikan tugas anda. Kami tidaklah perlu mengingatkan anda bahawa buku ini merupakan buku amali, dan sebagai pembaca sesebuah buku amali mempunyai tanggungjawab yang istimewa terhadap buku yang demikian. Sebagaimana yang telah kami nyatakan, jika pembaca sebuah buku amali menerima tujuan-tujuannya dan bersetuju dengan kaedah-kaedah yang disarankannya, maka dia sepatutnya bertindak menurut cara yang dicadangkan itu. Mungkin anda tidak menerima tujuan kami

bahawa anda sepatutnya dapat membaca sebaik mungkin, dan tidak juga menerima kaedah-kaedah yang kami sarankan untuk mencapai tujuan itu. Akan tetapi, jika anda sesungguhnya menerima tujuan kami serta kaedah-kaedah yang kami sarankan untuk mencapainya, maka terpaksa anda melaksanakan usaha membaca yang mungkin belum pernah anda lakukan sebelum ini.

Manfaatnya Buku-Buku yang Baik bagi Kita

Jika anda membaca untuk menjadi pembaca yang lebih baik, maka tidaklah boleh anda sekadar membaca sebarang buku atau rencana. Anda tidak akan berkembang sebagai seorang pembaca jika yang anda baca selamanya merupakan buku-buku yang termasuk dalam lingkungan kemampuan anda semata-mata. Anda mestilah membaca buku-buku yang terletak di luar kemampuan anda, yakni buku-buku yang memaksa anda bertungkus lumus untuk memahaminya, dan anda tidak akan mempelajari sesuatu jika anda tidak sanggup bekerja. Oleh yang demikian, perkara yang penting ialah bahawa anda bukan sahaja dapat membaca dengan baik, tetapi anda mengetahui buku yang manakah yang akan menolong anda mempertingkatkan kemahiran membaca. Anda tidaklah perlu merasa kluatir bahawa buku-buku yang demikian itu terlalu sukar untuk difahami, kerana tidaklah ada buku yang terlalu sukar jika anda mematuhi peraturan-peraturan yang telah kami perkatakan.

Ada pembaca yang membuat kesilapan dengan menganggap bahawa buku-buku yang akan membantu mereka menjadi pembaca yang lebih mahir adalah buku-buku tentang perkara-perkara luar biasa seperti sains dan mungkin juga falsafah; tetapi ini tidaklah benar. Kadangkala, buku-buku sains yang agung itu lebih mudah dibaca daripada buku-buku bukan sains, kerana para pengarang buku sains berusaha membantu anda untuk memahami

istilah-istilah dan pernyataan-pernyataannya dan mengemukakan hujah-hujahnya dengan jelas. Bantuan seperti ini tidaklah terdapat pada karya cereka, yang mungkin menjadikannya sukar dibaca. Selain daripada itu, buku-buku yang kurang baik juga sukar dibaca, kerana buku-buku demikian sukar diikhtisarkan dan diketemukan strukturnya. Tidaklah perlu anda bersusah payah dengan buku seperti ini, kerana tidak ada manfaat yang akan anda perolehi sebagai ganjaran daripada usaha anda itu.

Namun demikian, sebuah buku yang baik wajarlah diusahakan pembacaannya kerana, pertamanya, akan terjadi peningkatan kemahiran anda membaca bila anda menguasai sebuah buku yang baik lagi sukar. Keduanya, buku ini akan mengajar anda sesuatu tentang alam dan tentang diri anda sendiri. Anda memperolehi sesuatu yang lebih daripada sekadar cara membaca yang baik; dan anda juga mempelajari sesuatu tentang kehidupan. Anda menjadi lebih bijaksana. Bukan sekadar lebih berpengetahuan – buku yang hanya mengandungi makluman dapat memberikan kesan yang demikian – tetapi lebih bijaksana, dengan erti kata bahawa anda lebih memahami hakikat-hakikat yang lebih agung serta abadi tentang kehidupan manusia.

Buku-Buku yang Wajar Dibaca

Kebanyakan buku yang telah dihasilkan tidaklah memadai sukarnya untuk memungkinan anda mempertingkatkan kemahiran membaca. Buku-buku ini dapat dibaca sekadar untuk memperolehi makluman dan hiburan, dan tidaklah dapat anda mengharapkan untuk mempelajari sesuatu yang penting daripadanya. Anda tidak perlu membacanya secara analitis; membaca sekilas pandang sahaja sudah memadai.

Namun demikian, terdapat satu golongan buku lagi yang dapat anda gunakan untuk belajar membaca dan belajar tentang

hidup. Kurang dari satu bagi tiap seratus buah buku termasuk dalam golongan ini – mungkin hanya satu bagi setiap seribu, atau malah sepuluh ribu. Inilah buku-buku yang baik, buku-buku yang ditulis dengan teliti oleh pengarangnya, yang dapat mengajar para pembacanya sesuatu yang mempunyai kepentingan abadi. Si pembaca harus berusaha untuk memahaminya, dan buku-buku ini wajar dibaca secara analitis – sekali lalu. Jika anda pembaca yang mahir, anda akan dapat mempelajari segala sesuatu yang dapat diajarkannya dengan sekali pembacaan yang baik. Buku yang demikian mempertingkat pemahaman anda, namun anda tahu bahawa tidak ada lagi yang dapat anda pelajari daripadanya pada masa depan. Anda sedar bahawa anda telah memahami buku itu sepenuhnya, dan dengan itu tidaklah akan perlu membacanya sekali lagi. Di antara buku-buku ini mungkin terdapat kurang daripada seratus yang tidak dapat anda fahami sepenuhnya meskipun dengan kaedah pembacaan paling baik yang dapat anda laksanakan. Bagaimanakah anda mengetahuinya? Setelah anda membaca buku itu secara analitis dengan sebaik-baik cara yang terdaya, anda merasakan masih banyak yang mungkin ditimba daripada buku itu. Anda tidak dapat melupakan buku tersebut; anda terus memikirkan sesuatu tentangnya. Akhirnya, anda kembali membacanya itu lalu menemukan perkara-perkara baru yang tidak anda sedari mulanya. Mulailah anda menyedari bahawa buku itu terlalu jauh melewati jangkauan anda sewaktu mula-mula dibaca dan kini pun masih belum tercapai sepenuhnya, dan mungkin akan demikianlah selamanya. Setiap kali anda membacanya akan anda ketemukan sesuatu yang baru.

Tidak banyak buku yang mempunyai kesan yang demikian terhadap setiap seorang daripada kita, dan buku yang berlainan akan mempunyai kesan yang berlainan terhadap setiap seorang pembaca. Anda hendaklah berusaha mencari beberapa buah buku yang mempunyai kesan istimewa demikian terhadap anda.

Buku-buku seumpamanya itulah yang akan paling banyak mengajar anda, baik tentang pembacaan mahupun tentang hidup. Buku-buku itulah yang hendak anda baca berulang kali. Itulah buku-buku yang akan membantu akal budi anda berkembang.

Kehidupan dan Pertumbuhan Akal Budi

Berbeza daripada tubuh badan, tidaklah terdapat batasan bagi pertumbuhan dan perkembangan akal budi. Hanya apabila otak sendiri tidak bermaya lagi, yang kadangkala terjadi apabila umur telah lanjut, barulah akal budi kehilangan tenaganya untuk mempertingkatkan kemahiran serta pemahamannya. Namun demikian, tenaga akal budi akan menjadi lemah jika tidak digunakan. Oleh itu, membaca dengan baik, yang bererti membaca secara aktif, bukan sahaja suatu perbuatan yang bermanfaat, dan tidak pula sekadar satu cara untuk mencapai kemajuan dalam pekerjaan kita. Malah perbuatan itu berperanan untuk memungkinkan akal budi kita terus hidup dan berkembang.